



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/
Agensi Dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan

NEGERI SARAWAK

SIRI 3





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SARAWAK

SIRI 3

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI Program Penyenggaraan Jalan Negeri	3
JABATAN TANAH DAN SURVEI Pengurusan Lesen Dan Kutipan Hasil Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Negeri Sarawak	22
JABATAN KERJA RAYA Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2	31
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI SARAWAK Pengurusan Projek Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak	42
SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.	51
LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.	80
PENUTUP	103



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 untuk sesi pembentangan kedua tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Kementerian, 3 Jabatan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 1 manakala 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan 4 aktiviti iaitu Program Penyenggaraan Jalan Negeri, Pengurusan Lesen Dan Kutipan Hasil Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Negeri Sarawak, Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2 dan Pengurusan Projek Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak serta 2 pengurusan syarikat iaitu Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. dan Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Berhad. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 23 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

30 September 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

- Program Penyelenggaraan Jalan Negeri

1.1. Pemberian penyelenggaraan jalan negeri diperuntukkan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri supaya ia memberi pemanduan yang selesa serta selamat, dapat menampung beban trafik dan memulihkan laluan dengan segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh. Jenis penyelenggaraan yang terlibat adalah penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Di bawah Perkara ini, pemberian dihitung mengikut peruntukan Bahagian II, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Asas pengiraannya tertakluk kepada panjang dan lebar jalan yang berdaftar di dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), jenis permukaan jalan dan kos kerja penyelenggaraan. Majlis Kewangan Negara Tahun 1993 memutuskan Kerajaan Negeri mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri mulai tahun 1994 di mana semua pemberian ini dicarum terus ke dalam Kumpulan Wang berkenaan dan semua perbelanjaan direkodkan melaluinya. Ianya bertujuan untuk memastikan pemberian tersebut dibelanjakan sepenuhnya bagi menyenggara jalan negeri iaitu Jalan Negeri, Jalan Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang, Jalan Kampung dan Jalan Pertanian. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SKNS) bertanggungjawab terhadap pengurusan dana dan kawalan terhadap perbelanjaan manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB) bertindak sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan negeri.

1.2. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara umumnya, penyelenggaraan jalan raya negeri adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti berikut:

- Geran penyelenggaraan jalan negeri digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran.
- Tiada Rancangan Penyelenggaraan Tahunan untuk kerja penurapan jalan disediakan oleh MBKS.
- Pemantauan terhadap kerja penyelenggaraan oleh kontraktor kurang berkesan.
- Penyelenggaraan jalan yang dirancang tidak dilaksanakan dalam tahun yang sama oleh JKR.
- Tiada inventori jalan disenggarakan.

1.3. Bagi memastikan pengguna jalan sentiasa selesa dan selamat semasa menggunakan jalan raya, beberapa perkara perlu dipertingkatkan dalam pengurusan penyenggaraan jalan negeri. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan hendaklah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. Agihan peruntukan penyenggaraan jalan negeri kepada Jabatan/Agensi pelaksana oleh pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak hendaklah berdasarkan Rancangan Penyenggaraan Tahunan yang disediakan.

1.3.2. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak hendaklah mengeluarkan agihan peruntukan penyenggaraan jalan pada awal tahun untuk memudahkan Jabatan/Agensi pelaksana dalam melaksanakan penyenggaraan jalan mengikut jadual.

1.3.3. Agensi pelaksana hendaklah menggunakan peruntukan yang disalurkan hanya untuk tujuan penyenggaraan jalan.

1.3.4. Majlis Bandaraya Kuching Selatan perlu menyediakan Rancangan Penyenggaraan Tahunan bagi kerja penyenggaraan berkala dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching hendaklah melaksanakan penyenggaraan jalan yang dirancang mengikut jadual diluluskan.

1.3.5. Majlis Bandaraya Kuching Selatan hendaklah membuat pemantauan yang lebih ketat terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh kontraktor bagi memastikan kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi dan mutu yang ditetapkan sebelum disahkan untuk pembayaran.

2. JABATAN TANAH DAN SURVEI

- Pengurusan Lesen Dan Kutipan Hasil Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Negeri Sarawak

2.1. Pasir silika dan kaolin merupakan antara mineral yang terdapat di Negeri Sarawak dan pengeluarannya adalah untuk pasaran tempatan dan eksport. Pasir silika ialah butiran silika bersaiz 0.0625 hingga 2 milimeter yang mengandungi lebih 95% silika dioksida dan menjadi bahan utama dalam pembuatan barangan kaca dan seramik. Kaolin merupakan sejenis tanah atau lempung berwarna putih atau hampir putih yang mengandungi mineral kaolinit lazimnya digunakan untuk membuat cat, kertas dan bahan penyalut dalam pembuatan barangan seramik bermutu tinggi. Jabatan Tanah Dan Survei bertanggungjawab dalam mengurus permohonan dan pengeluaran lesen serta kutipan hasil perlombongan di Negeri Sarawak. Jenis lesen yang dikeluarkan Jabatan Tanah Dan Survei berkaitan aktiviti perlombongan ini ialah *General Prospecting Licence*, *Exclusive Prospecting Licence* dan *Mining Lease/Mining Certificate*. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 2 *General Prospecting Licence* dan 8 *Mining Certificate* telah diluluskan di negeri Sarawak. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sejumlah RM1.04 juta hasil perlombongan yang terdiri daripada bayaran royalti, lesen dan sewa tanah telah dikutip. Jumlah pengeluaran dan kutipan hasil bagi tempoh yang sama untuk pasir silika adalah 0.63 juta tan metrik dengan kutipan hasil

berjumlah RM0.97 juta dan kaolin adalah 0.50 juta tan metrik dengan kutipan hasil berjumlah RM0.07 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara pertengahan bulan Mei hingga Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti berikut:

- Anggaran hasil tahunan perlombongan pasir silika dan kaolin tidak disediakan secara spesifik.
- Pengurusan perlombongan yang berkesan tidak dapat dilakukan kerana Standard Operating Procedure (SOP) tidak dikemas kini dan tempoh Mining Certificate yang tidak ditentukan tempoh sah lakunya.

2.3. Bagi memastikan pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin di Negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Jabatan Tanah Dan Survei mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

2.3.1. Menyediakan anggaran hasil perlombongan tahunan pasir silika dan kaolin secara spesifik bagi mewujudkan pengurusan hasil yang berkesan.

2.3.2. Mengambil tindakan segera untuk mengemaskini *Standard Operating Procedure* pengurusan mineral termasuk pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin.

2.3.3. Menguatkuasakan tempoh penggunaan *Mining Certificate* oleh pelesen iaitu dalam tempoh 12 bulan agar kawalan penguatkuasaan, syarat-syarat perlombongan serta pemantauan aktiviti perlombongan boleh dijalankan oleh Jabatan Tanah Dan Survei dan Jabatan Mineral Dan Geosains.

2.3.4. Pihak pelesen hendaklah diwajibkan mematuhi syarat-syarat untuk mendapat *Mining Lease* dalam tempoh *Mining Certificate* agar kepentingan Kerajaan dijaga.

2.3.5. Garis Panduan Perlombongan hendaklah disediakan dengan segera bagi memantapkan kawalan terhadap aktiviti perlombongan serta meningkatkan hasil perlombongan.

3. JABATAN KERJA RAYA

- Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2

3.1. Projek pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2 (LRAF2) berkapasiti 20 *Million Litres Day* (MLD) dengan kos kontrak berjumlah RM64.99 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan dilaksanakan bertujuan untuk membekalkan air terawat dan meringankan beban pengeluaran air terawat oleh 5 loji rawatan air (LRA) sedia ada di Daerah Lawas. Perolehan untuk projek adalah secara rundingan terus dan Laras Jaya Construction Sdn. Bhd. telah ditawarkan kontrak untuk melaksanakan projek ini serta Standard Engineers Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding projek. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR). Komponen utama projek ini adalah pusat pengambilan air mentah, loji rawatan air 20 MLD, *sludge basin*, takungan air 7 *Million Litres* dan pemasangan paip *Mild Steel Cement Lining* dari Trusan ke Lawas. Skop kerja yang terlibat dalam projek ini terdiri daripada kerja awam dan bangunan, pemasangan paip, kerja mekanikal serta elektrik. Projek ini dijadual siap pada bulan November 2010 tetapi hanya dapat disiapkan pada bulan Jun 2013. Setakat bulan Ogos 2013, sejumlah RM59.19 juta telah dibayar kepada kontraktor.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Jun 2013 mendapati pada keseluruhannya projek pembinaan LRAF2 adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang boleh melewati pencapaian objektif pembinaannya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek.
- Hakisan tanah di muka sauk LRAF2.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.
- Manual operasi dan penyenggaraan LRAF2, gerak kerja serta carta aliran belum disediakan.

3.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Memastikan masalah pengambilan balik tanah dan pembayaran kos pampasan tanah diselesaikan di peringkat awal bagi mengelakkan kenaikan kos dan kelewatan menyiapkan projek supaya air terawat dapat dimanfaatkan oleh orang ramai.

3.3.2. Memastikan kontrak secara pelantikan rundingan terus adalah untuk kerja yang memerlukan kepakaran khusus yang tertentu.

3.3.3. Memastikan perunding memainkan peranan dengan berkesan supaya kualiti kerja adalah baik dan mengikut spesifikasi kontrak serta memastikan kontraktor mengambil tindakan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan.

3.3.4. Menyediakan rancangan bagi pengurusan Loji Rawatan Air di Daerah Lawas secara menyeluruh dan memastikan Manual Operasi dan Penyelenggaraan, gerak kerja serta carta aliran bagi setiap komponen disediakan untuk memudahkan kerja pengoperasian dan penyelenggaraan serta menganggarkan peruntukan tahunan bagi operasi.

4. KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI SARAWAK

- Pengurusan Projek Pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak

4.1. Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 (Ordinan) memberi kuasa dan tanggungjawab kepada 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak untuk mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasakan undang-undang di kawasan pentadbiran masing-masing. Tanggungjawab ini termasuk perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyelenggaraan kemudahan awam. Antara peranan PBT juga adalah memberi perkhidmatan seperti menyedia dan menyelenggara infrastruktur, menjalankan projek pembangunan, menyedia kemudahan awam dan meluluskan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan. Perbelanjaan pembangunan untuk PBT di Sarawak dibiayai melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2010 hingga 2012, PBT telah menerima geran pembangunan sejumlah RM334.65 juta daripada Kerajaan untuk melaksanakan 1,923 projek pembangunan dan sejumlah RM299.30 juta atau 89.4% telah dibelanjakan. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM178.42 juta dan PBT telah membelanjakan sejumlah RM167.12 juta atau 93.7% daripada peruntukan tersebut untuk melaksanakan 1,240 projek pembangunan. Manakala peruntukan sejumlah RM156.23 juta telah diterima oleh PBT daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM132.18 juta atau 84.6% telah dibelanjakan untuk melaksanakan 683 projek pembangunan bagi tempoh yang sama. Bagi tahun 2010 hingga 2012, pada keseluruhannya PBT telah siap melaksanakan 1,705 projek atau 88.7%, 156 atau 8.1% lewat jadual, 48 atau 2.5% dalam pelaksanaan, 13 atau 0.6% belum mula dan satu atau 0.1% terbengkalai.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2013 mendapati pengurusan projek pembangunan oleh PBT adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti berikut:

- Projek dilaksanakan tidak menepati kualiti dan spesifikasi kerja.
- Perancangan projek yang tidak teliti.

4.3. Bagi meningkatkan pengurusan projek pembangunan oleh PBT, adalah disyorkan langkah berikut diambil:

4.3.1. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kontrak sepenuhnya sebelum mengesahkan sesuatu kerja siap dan dibuat pembayaran, penyeliaan serta pemantauan ditingkatkan dan kerja disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.3.2. Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti serta Pihak Berkuasa Tempatan memastikan perancangan teliti dengan mengambil kira keadaan dan keperluan setempat bagi memastikan projek memberi faedah kepada masyarakat.

5. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

5.1. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. (SPF) merupakan syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Objektif utama syarikat ialah untuk membekalkan kayu pulpa bermutu tinggi ke kilang pulpa Acacia Cellulose International Sdn. Bhd. (ACACELL). Untuk tujuan ini SPF telah diberikan lesen oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tempoh 60 tahun iaitu mulai 22 November 2007 sehingga 21 November 2067 untuk mewujudkan, membangun dan menyenggara kawasan Zon Hutan Ditanam (PFZ) yang meliputi kawasan seluas 150,000 hektar.

5.2. Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan April 2013 hingga Jun 2013. Secara keseluruhannya mendapati prestasi kewangan tidak memuaskan. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM18.72 juta pada tahun 2009, RM32.77 juta pada tahun 2010 dan RM25.36 juta pada tahun 2011 manakala kerugian terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM26.95 juta, pada tahun 2010 berjumlah RM45.34 juta dan pada tahun 2011 berjumlah RM70.70 juta. Prestasi aktiviti utama juga didapati kurang memuaskan di mana sasaran penanaman serta jualan tidak dicapai dan kontrak perjanjian tidak menjaga kepentingan syarikat sepenuhnya. Pengurusan program sokongan menunjukkan beberapa kelemahan dalam penyeliaan dan pemantauan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat iaitu pengurusan perolehan, pembayaran dan pengurusan aset manakala tadbir urus korporat boleh ditambah baik. Isu berbangkit hasil pengauditan terhadap SPF berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Prestasi kewangan SPF tidak memuaskan di mana pada akhir tahun 2011 didapati SPF mengalami kerugian terkumpul RM70.70 juta dan belum mendapat hasil langsung sejak ianya beroperasi pada tahun 2008.
- Sasaran penanaman pokok Akasia bagi tempoh 2008 hingga 2012 hanya mencapai 65.7%.
- Sasaran jualan belum dicapai iaitu sehingga akhir tahun 2012 didapati SPF belum lagi membuat sebarang jualan produk pokok Akasia.

- Penyeliaan serta pemantauan terhadap pelaksanaan program sokongan oleh kontraktor kurang memuaskan.
- Kontrak tidak menjaga kepentingan SPF sepenuhnya.
- Aset bernilai RM11.74 juta yang dipegang oleh GP belum dipindah milik kepada SPF.
- Rancangan korporat belum disediakan.
- Pengurusan Kewangan adalah tidak memuaskan di mana polisi serta prosedur kerja tidak lengkap dan peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

5.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat, Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

5.3.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang lengkap merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

5.3.2. Meningkatkan kawalan, penyeliaan dan pemantauan terhadap pengurusan program sokongan terutama kawalan perbelanjaan.

5.3.3. Mengkaji semula kontrak perjanjian dan memastikan kepentingan syarikat terpelihara.

5.3.4. Menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan mengenal pasti kawalan dalaman dalam proses perolehan dan pembayaran serta kawalan aset.

6. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

- Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

6.1. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. (PMSSPSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 1987 dengan nama asal Estet Pelita Sdn. Bhd. yang kemudiannya dikenali sebagai Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. pada 8 Ogos 2005. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) dengan modal dibenarkan sejumlah RM4 juta dan modal berbayar sejumlah RM1.49 juta. Pada tahun 2009 dan 2010, PMSSPSB mencatatkan kerugian selepas cukai sejumlah RM0.08 juta dan RM41.53 juta manakala pada tahun 2011, PMSSPSB mencatat keuntungan sejumlah RM0.01 juta. Bagi tempoh yang sama, PMSSPSB merekod kerugian terkumpul RM17.22 juta pada tahun 2009, RM58.75 juta pada tahun 2010 dan RM58.74 juta pada tahun 2011.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2013 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan PMSSPSB adalah kurang memuaskan. Hasil pengauditan

terhadap PMSSPSB berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Mencatat kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut-turut.
- Kadar tumbesaran pokok sagu tidak sepadan dengan usia pokok sagu.
- Penyenggaraan ladang sagu tidak dibuat mengikut jadual yang dirancang dan kawasan yang disenggara semakin berkurangan.
- Pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan yang tidak menambah nilai dalam tumbesaran dan hasil ladang sagu.
- Pembelian 41 unit jengkaut berjumlah RM11.88 juta melebihi keperluan penggunaan.
- Perolehan jengkaut, bekalan bahan kimia dan baja dibuat tidak mematuhi prosedur kewangan.

6.3. Bagi menambah baik pengurusan syarikat supaya dapat berdaya saing, PMSSPSB disyorkan:

6.3.1. Mengkaji semula pengurusan aktiviti syarikat bagi menentukan *viability* projek dan mengadakan kerjasama dengan Agensi lain dalam bidang penyelidikan dan pembangunan agar tanaman sagu dapat dikomersialkan secara besar-besaran serta syarikat mendapat pulangan pelaburan.

6.3.2. Mempertingkatkan tadbir urus korporat dengan melengkap dan mengemaskini *Standard Operating Procedure* untuk mengurus serta mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Semua perolehan yang dibuat tanpa mematuhi peraturan dan menyebabkan pembaziran perlu disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

6.3.3. Memastikan rekod yang diselenggara adalah lengkap dan syarikat mematuhi polisi kewangan dalaman dan pekeliling Kerajaan Negeri yang berkuatkuasa serta polisi kewangan yang diterima umum.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

1. PROGRAM PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pemberian penyenggaraan jalan negeri diperuntukkan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri supaya ia memberi pemanduan yang selesa serta selamat, dapat menampung beban trafik dan memulihkan laluan dengan segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh. Jenis penyenggaraan yang terlibat adalah penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Di bawah Perkara ini, pemberian dihitung mengikut peruntukan Bahagian II, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Asas pengiraannya tertakluk kepada panjang dan lebar jalan yang berdaftar di dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), jenis permukaan jalan dan kos kerja penyenggaraan.

1.1.2. Majlis Kewangan Negara Tahun 1993 memutuskan Kerajaan Negeri mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri mulai tahun 1994 di mana semua pemberian ini dicarum terus ke dalam Kumpulan Wang berkenaan dan semua perbelanjaan direkodkan melaluinya. Ianya bertujuan untuk memastikan pemberian tersebut dibelanjakan sepenuhnya bagi menyenggara jalan negeri iaitu Jalan Negeri, Jalan Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang, Jalan Kampung dan Jalan Pertanian.

1.1.3. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SKNS) bertanggungjawab terhadap pengurusan dana dan kawalan terhadap perbelanjaan manakala Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB) bertindak sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan negeri.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan MARRIS telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ditumpukan kepada kerja penyenggaraan di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagi tujuan ini, semakan

dibuat di SKNS, Ibu Pejabat JKR Sarawak, JKR Bahagian Kuching dan MBKS. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod/dokumen dan menganalisis data berkenaan kerja penyenggaraan. Lawatan ke tapak dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mei hingga Ogos 2013 mendapati secara umumnya, penyenggaraan jalan negeri adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti berikut:

- Geran penyenggaraan jalan negeri digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran.
- Tiada Rancangan Penyenggaraan Tahunan untuk kerja penurapan jalan disediakan oleh MBKS.
- Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh kontraktor kurang berkesan.
- Penyenggaraan jalan yang dirancang tidak dilaksanakan dalam tahun yang sama oleh JKR.
- Tiada inventori jalan disenggarakan.

1.4.1. Prestasi Penyenggaraan Jalan Negeri

1.4.1.1. Sehingga tahun 2012 panjang jalan negeri yang direkodkan dalam Sistem MARRIS adalah 28,999 km iaitu meningkat 5.9% berbanding 27,379 kilometer pada tahun 2011. Panjang jalan di bawah jagaan MBKS adalah 721 km sementara di bawah jagaan JKR adalah 10,569 km. Bagaimanapun, penyenggaraan rutin bagi 4,972 km daripada 10,569 km jalan negeri di bawah jagaan JKR atau 47% telah diserahkan kepada syarikat konsesi untuk disenggarakan.

1.4.1.2. Jumlah geran diterima untuk penyelenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 ialah sejumlah RM1.52 bilion manakala perbelanjaan bagi tempoh yang sama ialah sejumlah RM1.21 bilion. Dana terkumpul sehingga 2012 adalah sejumlah RM798.31 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.1.**

Jadual 1.1
Baki Terkumpul Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	490.94	617.22	729.44
Geran Kerajaan Persekutuan	468.52	502.31	548.78
Terimaan Terkumpul	959.46	1,119.53	1,278.22
Pembayaran	342.24	390.09	479.91
Baki Pada 31 Disember	617.22	729.44	798.31

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Untuk Akaun Tabung Penyenggaraan Jalan Negeri

1.4.1.3. Pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan diakaunkan dalam Akaun Tabung Penyelenggaraan Jalan Negeri yang tertakluk kepada *The State Road Maintenance Fund Direction* 1995 yang ditubuhkan di bawah *Section 4 (3), The Financial Procedure (Contingencies and Trusts Funds)* 1963. Analisis Audit terhadap baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh 2010 hingga 2012 mendapati peningkatan daripada RM617.22 juta pada tahun 2010 kepada RM729.44 juta pada tahun 2011 dan RM798.31 juta pada tahun 2012. Selain itu, analisis Audit terhadap peratusan agihan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi pelaksana menunjukkan peningkatan daripada 73% pada tahun 2010 kepada 77.7% pada tahun 2011 dan 87.4% pada tahun 2012 seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Penyata Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri Bagi
Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
1.	Terimaan	468.52	502.31	548.77	1,519.60
2.	Agihan	342.24	390.09	479.91	1,212.24
3.	Peratusan Agihan (%)	73.0	77.7	87.4	79.8

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Untuk Akaun Tabung Penyelenggaraan Jalan Negeri

1.4.1.4. **Maklum balas daripada SKNS bertarikh 21 Mei 2013, menyatakan bahawa pengeluaran peruntukan dengan berhemah dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri. Segala perbelanjaan peruntukan adalah berdasarkan keperluan dan tidak akan dibuat bagi jalan-jalan yang masih elok serta tidak memerlukan penyenggaraan. Selain itu, kapasiti agensi pelaksana untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan juga diambil kira.**

1.4.1.5. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, JKR Sarawak telah menerima geran sejumlah RM834.79 juta dan membuat perbelanjaan sejumlah RM701.59 juta. Peruntukan yang diterima adalah untuk pembayaran kontrak bagi kerja penyenggaraan rutin oleh syarikat konsesi serta agihan ke JKR Bahagian di seluruh negeri Sarawak untuk menaik taraf dan membaiki jalan negeri dan jalan kampung. Semakan Audit mendapati:

- a. Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching telah diberi peruntukan sejumlah RM48.07 juta bagi tempoh 2010 hingga 2012 untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan negeri dan jalan kampung di kawasan Kuching, Bau dan Lundu. Daripada peruntukan tersebut, JKR Bahagian Kuching telah membelanjakan sejumlah RM27.63 juta atau 57.5%. Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan mendapati JKR Bahagian Kuching hanya membelanjakan sejumlah RM5.15 juta atau 50.6% daripada peruntukan yang diterima pada tahun 2010, RM8.11 juta atau 45.5% pada tahun 2011 dan RM14.37 juta atau 58.7% pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Peruntukan Dan Perbelanjaan
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2010	10.17	5.15	50.6
2011	17.83	8.11	45.5
2012	20.07	14.37	71.4
Jumlah	48.07	27.63	57.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa proses tender bermula daripada peringkat lawatan dan siasatan tapak, kerja survei, mengenal pasti skop kerja-kerja, penyediaan spesifikasi dan *Bill Of Quantities*, pelan binaan yang akan mengambil masa satu hingga 2 bulan daripada tarikh penerimaan senarai projek yang dilulus. Seterusnya, peringkat pelawaan tender hingga mula kerja akan mengambil masa dalam lingkungan 3 bulan lagi.**
- c. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, MBKS pula telah menerima sejumlah RM38.80 juta dalam bentuk geran daripada SKNS dan telah membelanjakan sejumlah RM32.25 juta atau 83.1% daripada geran itu. Semakan Audit mendapati geran penyenggaraan jalan negeri yang diterima oleh MBKS telah dikreditkan ke hasil dan digunakan untuk perbelanjaan seperti pembersihan jalan, penyenggaraan longkang, lampu isyarat lalu lintas, tembok penahan dan parit, tepi jalan, membaiki semula lubang, kenderaan serta jentera dan emolumen. Semakan Audit seterusnya terhadap lejer MBKS bagi tempoh 2010 hingga 2012 mendapati perbelanjaan berkaitan penyenggaraan dan pembelian minyak bagi semua kenderaan dan jentera di MBKS dicajkan di bawah butiran Kenderaan & Jentera (*Vehicles & Plants*) yang melibatkan sejumlah RM3.79 juta atau 11.8% daripada perbelanjaan MARRIS bagi tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, sejumlah RM7.05 juta atau 22% adalah emolumen untuk kakitangan Bahagian Kejuruteraan yang terlibat dengan tugas penyenggaraan jalan dan juga pekerja harian pembersihan jalan dari Bahagian Kesihatan.
- d. **Maklum balas daripada MBKS bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa MBKS telah dinasihatkan oleh SKNS untuk tidak menggunakan dana MARRIS bagi pembayaran emolumen dan penyenggaraan kenderaan pada tahun 2013. Sebaliknya dicaj sebagai caj pentadbiran berjumlah RM600,000 iaitu 5% dari jumlah keseluruhan dana peruntukan MARRIS bagi tahun kewangan 2013. Maklum balas daripada SKNS bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa berdasarkan kepada Garis Panduan Penggunaan Dana Penyenggaraan Negeri sedia ada, perbelanjaan mengurus memang tidak dibenarkan dicaj menggunakan peruntukan ini. Perbelanjaan mengurus yang terlibat di dalam kerja-kerja penyenggaraan boleh dibuat tertakluk kepada kelulusan Garis Panduan baru yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.**

Pada pendapat Audit, agihan peruntukan penyenggaraan jalan negeri kepada Jabatan/Agensi pelaksana hendaklah berdasarkan panjang jalan yang disenggara oleh Jabatan/Agensi dan juga rancangan penyenggaraan tahunan yang disediakan bagi memastikan jalan raya di negeri Sarawak berada pada tahap yang baik dan selamat.

1.4.2. Pelaksanaan Penyenggaraan Jalan Negeri

1.4.2.1. Penyenggaraan Berkala

Penyenggaraan berkala memerlukan pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas keupayaan struktur *pavement* jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Aktiviti penyenggaraan berkala termasuk menguatkan struktur *pavement* jalan, penurapan semula dan dilaksanakan mengikut program setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam Panduan Penyenggaraan Lebuh Raya. Inventori jalan perlu disenggara bagi memudahkan pemantauan terhadap semua jalan di bawah pengawasannya. Dengan adanya inventori jalan, JKR dan MBKS boleh merekod senarai jalan yang memerlukan tindakan penyenggaraan dan mengenal pasti tempoh jalan yang telah disenggara dan memudah JKR dan MBKS membuat perancangan penyenggaraan.

- a. Semakan Audit mendapati JKR dan MBKS tidak menyenggara inventori jalan iaitu rekod lengkap yang mengandungi maklumat berhubung dengan jalan yang disenggara serta tarikh penyenggaraan dibuat. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada aktiviti penyenggaraan berkala ada dilaksanakan sebagaimana yang digariskan dalam Panduan Penyenggaraan Lebuh Raya.
- b. Pada tahun 2010, JKR Bahagian Kuching telah diperuntukkan sejumlah RM3 juta untuk melaksanakan 26 projek penyenggaraan jalan kampung di kawasan Kuching dan 26 projek di kawasan Bau. Semakan Audit mendapati 19 daripada 26 projek di kawasan Kuching telah dilaksanakan pada tahun 2010, 7 projek hanya dilaksanakan pada tahun 2011, 18 projek di kawasan Bau telah dilaksanakan pada tahun 2010 manakala 8 dilaksanakan pada tahun 2011. Pada bulan November 2011, Pejabat JKR Bahagian Kuching ada menerima waran peruntukan sejumlah RM2 juta daripada Ibu Pejabat JKR untuk melaksanakan 17 projek di Bahagian Kuching. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua 17 projek tersebut hanya dilaksanakan pada penghujung tahun 2012 disebabkan kesuntukan masa.
- c. Pada tahun 2012, JKR Bahagian Kuching telah diperuntukkan geran sejumlah RM12.96 juta untuk melaksanakan 45 projek membaiki dan menaik taraf jalan negeri dan 21 projek membaiki dan menaik taraf jalan kampung di kawasan Kuching, Bau dan Lundu. Semakan Audit terhadap prestasi 66 projek penyenggaraan jalan oleh JKR Bahagian Kuching untuk tahun 2012 mendapati 6 projek tidak dilaksanakan dan perbelanjaan 6 lagi projek adalah rendah iaitu di antara 2.8% hingga 9.4% seperti di **Jadual 1.4.**

Jadual 1.4
Status Prestasi Kewangan Bagi Program Penyenggaraan Jalan

Bil.	Program	Jenis Jalan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Peratusan (%)
1.	Jalan Landeh	Jalan Kampung	250,000	0	250,000	0
2.	Jalan Kpg Bengang	Jalan Kampung	300,000	0	300,000	0
3.	Jalan Kolong 2, Matang	Jalan Kampung	25,000	0	25,000	0
4.	Jalan Balui ke Jalan Bung Gadong	Jalan Kampung	140,000	0	140,000	0
5.	Jalan Selarat Perigi	Jalan Negeri	200,000	0	200,000	0
6.	Jalan Serayan-Keranji	Jalan Negeri	150,000	0	150,000	0
7.	Bako Trunk Road	Jalan Negeri	250,000	9,652	240,348	3.9
8.	Jalan Karu Lama	Jalan Negeri	100,000	9,408	90,592	9.4
9.	Jalan Tapah	Jalan Negeri	100,000	5,901	94,099	5.9
10.	Jalan Sejjak, Batu Kawa	Jalan Kampung	100,000	9,405	90,595	9.4
11.	Jalan Kpg. Bokah	Jalan Kampung	100,000	6,600	93,400	6.6
12.	Jalan Kpg. Serasot	Jalan Kampung	120,000	3,317	116,682	2.8
Jumlah			1,835,000	44,283	1,790,716	2.4

Sumber: Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching

- d. Semakan Audit seterusnya mendapati kontrak untuk melaksanakan 12 projek di atas hanya dipelawa pada bulan Disember 2012 dan siap pada bulan Januari hingga Mac 2013. Oleh yang demikian, peruntukan tersebut telah ditarik balik. Setakat bulan Julai 2013, permohonan peruntukan daripada SKNS untuk pihak JKR Bahagian Kuching menyelesaikan kos penyenggaraan bagi 12 projek di atas berjumlah RM1.79 juta. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan disebabkan masalah seperti penukaran atau penambahan skop, kelewatan penyediaan dokumen tender (bilangan projek yang banyak), pelantikan kontraktor lambat, kelewatan menerima kelulusan senarai projek dan sebagainya, terdapat projek tidak dapat dilaksanakan dan disiapkan dalam tahun semasa yang menyebabkan peruntukan MARRIS yang disalurkan tidak digunakan sepenuhnya. Untuk mengatasi masalah ini dan meningkatkan prestasi pelaksanaan projek MARRIS, JKR Bahagian telah mengadakan mesyuarat bulanan pembangunan untuk pemantauan prestasi pelaksanaan projek. Selain itu, bermula pertengahan tahun 2012, dokumen tender yang disediakan oleh JKR Bahagian tidak lagi perlu diperiksa dan diluluskan oleh Ibu Pejabat bagi mempercepatkan lagi proses pelaksanaan projek. JKR Bahagian juga mencadangkan senarai kelulusan projek dapat dikeluarkan lebih awal agar persediaan awal boleh dilakukan. Disebabkan masa yang terhad, projek ini hanya dapat ditawarkan pada bulan Disember dan siap pada tahun 2013. Permohonan baki peruntukan kewangan 2012 telah dilulus oleh pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan pejabat JKR Bahagian Kuching telah diagihkan peruntukan kewangan ini.**

- e. Lawatan Audit bersama juruteknik JKR pada 20 Ogos 2013 ke 5 lokasi yang dipilih di Bahagian Kuching mendapati keadaan jalan yang telah siap dinaik taraf adalah seperti berikut:
- i. Kerja menaik taraf projek Jalan Sg. Moyan, Kpg. Sg. Pinang, Jalan Batu Kawa/Tondong Kuching dengan kos sejumlah RM121,300 telah siap dilaksanakan pada Januari 2013. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati bahu jalan selebar satu meter dan longkang tanah tidak dibina mengikut spesifikasi seperti dinyatakan dalam kontrak. Keadaan Jalan Sg. Moyan, Kpg. Sg. Pinang, Jalan Batu Kawa/Tondong Kuching adalah seperti di **Gambar 1.1. Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa pihak kontraktor ada membina bahu jalan dan earth roadsides drain seperti dalam spesifikasi semasa kerja menaik taraf dijalankan namun terdapat penduduk kampung telah menanam sayuran di setengah bahu jalan tersebut.**
 - ii. Kerja menaik taraf Jalan Senibong/Tawap Singai Bau Kuching telah siap dilaksanakan pada bulan Januari 2013 dengan kos sejumlah RM169,992. Jalan tersebut adalah sebagai laluan penduduk kampung untuk pergi ke ladang. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati tiada penyenggaraan rutin seperti pemotongan rumput dijalankan oleh pihak JKR seperti di **Gambar 1.2. Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan penyenggaraan jalan kampung adalah dijalankan secara one-off sahaja. Sehingga kini tidak ada program penyenggaraan rutin yang tetap seperti jalan negeri yang dapat diserahkan kepada pihak konsesi untuk tujuan penyenggaraan.**

Gambar 1.1
Projek Jalan Kampung Tidak Mengikut Spesifikasi Pelan Kontrak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Moyan, Kpg. Sg. Pinang
Jalan Batu Kawa/Tondong Kuching
Tarikh: 20 Ogos 2013

Gambar 1.2
Projek Jalan Kampung Yang Telah Siap Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Senibong/Tawap Singai Bau
Kuching
Tarikh: 20 Ogos 2013

- f. Semakan Audit di MBKS mendapati tiada Rancangan Tahunan dan Sasaran Penyenggaraan Jalan disediakan. Kerja penyenggaraan hanya dilaksana berdasar

kepada Laporan Senarai Semak Penyenggaraan Jalan yang dijalankan oleh pegawai teknikal MBKS mengikut zon dan juga aduan daripada orang awam. Tiga pegawai teknikal dari Bahagian Kejuruteraan ditugaskan untuk membuat pemantauan dan rondaan setiap hari di kawasan MBKS yang dibahagikan kepada 6 zon. Pegawai berkenaan akan membuat laporan tentang sebarang kerosakan, kecacatan dan keadaan jalan serta perabot jalan yang perlu diambil tindakan. Semakan Audit terhadap rekod aduan awam berkenaan kerosakan jalan mendapati maklumat tersebut tidak difail dan direkod dengan kemas kini. Oleh itu, statistik berkenaan aduan awam tentang kerosakan jalan tidak dapat dipastikan. Oleh demikian, bagi kerja penurapan semula permukaan jalan dan bahu jalan dilakukan mengikut keadaan jalan dan keperluan serta aduan daripada orang awam. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, kerja penurapan jalan di kawasan MBKS dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik iaitu Syarikat Dakelin Sdn. Berhad. Nilai kontrak adalah mengikut *schedule of rate* seperti yang dipersetujui dalam surat perjanjian. Kerja penurapan dilaksanakan oleh kontraktor *on as and when required basis*. **Maklum balas daripada MBKS bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa bermula tahun 2013 program penurapan permukaan jalan tahunan telah disediakan.**

- g. Pada tahun 2010 hingga 2012, kerja menurap jalan telah dilaksanakan di 65 lokasi yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM5.64 juta seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kerja Menurap Muka Jalan Di Kawasan MBKS
Bagi Tahun 2010 Dan 2012

Tahun	Lokasi	Perbelanjaan (RM Juta)
2010	12	1.16
2011	27	2.60
2012	26	1.88
Jumlah	65	5.64

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

- h. Lawatan Audit bersama Jurutera MBKS pada 30 Mei 2013 ke 5 lokasi iaitu Jalan Padungan, Lorong Foochow, Lorong Kempas 8, Jalan Bayor Bukit dan Lorong Stampin yang telah diturap pada akhir tahun 2012 mendapati secara keseluruhan kerja penurapan ini adalah memuaskan seperti di **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.6**.

Gambar 1.3
Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Padungan Kuching
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 1.4
Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bukit Bayor
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 1.5
Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Kempas 8A
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 1.6
Jalan Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Song 6A
Tarikh: 30 Mei 2013

- i. Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa tiada bukti menunjukkan ujian seperti suhu, ujian dan kawalan peratusan campuran kandungan *premix* untuk kerja menurap jalan seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi khas kontrak dijalankan. Oleh itu, kualiti kerja tidak dapat dipastikan sama ada mengikut spesifikasi atau pun tidak jika ujian tersebut tidak dijalankan.
- j. **Maklum balas daripada MBKS bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa MBKS tidak mempunyai kepakaran dalam menentukan gred bagi batu baur yang digunakan dan kandungan bitumen dalam *premix* yang dihantar oleh pembekal ke tempat projek. Bagaimanapun, MBKS telah mohon hasil ujian gred bagi bekalan tersebut dari pembekal *premix* yang berjaya sebelum penganugerahan kontrak untuk memastikan bekalan produk mematuhi piawai yang telah ditetapkan. Hasil ujian tersebut merangkumi maklumat gred berserta hasil ujian *Marshal Stability and Flows* ke atas tahap ketahanan *premix*. Majlis Bandaraya Kuching Selatan tidak mempunyai pengukur suhu khas suhu *premix* dan pembelian dicadangkan pada tahun kewangan 2014.**

1.4.2.2. Penyenggaraan Rutin

Penyenggaraan rutin adalah kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pembaikannya serta tidak membabitkan kelemahan struktur *pavement* jalan. Penyenggaraan rutin terbahagi kepada penyenggaraan *pavement*, bahu jalan, longkang, perabot jalan, jambatan, pembetung dan pemotongan rumput.

- a. Penyenggaraan rutin bagi 4,972 km daripada 10,569 km jalan negeri atau 47% telah diserahkan kepada syarikat konsesi untuk disenggarakan. Kerajaan Negeri telah melantik Sara Road Maintenance Sdn. Bhd. mulai tahun 2003 bagi tempoh 15 tahun untuk melaksanakan penyenggaraan rutin yang meliputi skop kerja seperti penyenggaraan *pavement*, bahu jalan, perabot jalan, jambatan, pembetung dan pemotongan rumput. Pembayaran kepada syarikat berkenaan dibuat di peringkat Ibu Pejabat JKR Sarawak berdasarkan panjang jalan yang telah diserahkan kepada syarikat untuk disenggarakan. Sejumlah RM117.23 juta telah dibayar kepada syarikat konsesi untuk tahun 2010, RM135.77 juta untuk tahun 2011 dan sejumlah RM141.17 juta untuk tahun 2012.
 - i. Lawatan Audit pada 29 Ogos 2013 di laluan jalan negeri yang telah diserahkan kepada Sara Road Maintenance Sdn. Bhd. untuk penyenggaraan rutin iaitu di Jalan Simpang Tiga, Jalan Tun Abdul Rahman Ya'akub, Jalan Astana, Jalan Golf, Jalan Sultan Tengah, Jalan Matang, Jalan Rantau Panjang dan Jalan masuk ke Pekan Batu Kawa mendapati keadaan jalan dan perabot jalan adalah memuaskan kecuali di beberapa tempat yang mana cat jalan telah pudar, air bertakung di tepi jalan, longkang dipenuhi sampah, *pavement* jalan sudah rosak serta tanda arah yang kotor seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.7
Air Bertakung Di Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Astana Petra Jaya Kuching
Tarikh: 29 Ogos 2013

Gambar 1.8
Tumbuhan Liar Menjalar Di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Astana Petra Jaya Kuching
Tarikh: 29 Ogos 2013

Gambar 1.9
Keadaan Jalan Yang Sudah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Ke Pekan Batu Kawa
Tarikh: 29 Ogos 2013

Gambar 1.10
Tanda Jalan Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rantau Panjang
Tarikh: 29 Ogos 2013

- ii. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa Jalan Astana telah diambilalih oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) pada 01.02.2013. Pihak konsesi telah memeriksa jalan masuk ke Pekan Batu Kawa pada 19.07.2013 dan telah mengambil tindakan dengan membaiki kerosakan pada 18.09.2013. Kerja pembersihan perabot jalan iaitu papan tanda dan rel keselamatan telah dijalankan pada 25.09.2013.**
- b. Semakan Audit di MBKS pula mendapati penyenggaraan rutin seperti penyenggaraan bahu jalan, pembersihan jalan, longkang dan pemotongan rumput kecuali kerja menampal *potholes* dilaksanakan secara kontrak mengikut zon. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, kerja membaiki jalan rosak dan menampal *potholes* di kawasan MBKS dilaksanakan sendiri oleh pekerja Unit Penyenggaraan Jalan Bahagian Kejuruteraan MBKS. Analisis Audit terhadap *Maintenance of Roads Checklist 2012* mendapati MBKS telah mengambil tindakan melaksanakan kerja menampal *potholes* dan membaiki kerosakan jalan di 37 lokasi yang mengambil masa di antara satu hingga 12 hari daripada tarikh yang dicadangkan oleh pegawai MBKS yang membuat rondaan.
- c. Kerja pembersihan longkang kawasan MBKS dibahagi mengikut zon dan dijalankan 2 bulan sekali oleh kontraktor yang dilantik dengan nilai keseluruhan kontrak berjumlah RM2.78 juta seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Senarai Bilangan Kontrak Bagi Penyenggaraan Longkang

Tahun	Bilangan Zon	Bilangan Kontrak	Bilangan Kontraktor	Nilai Kontrak (RM)
2010	26	26	15	707,938
2011	26	26	14	1,061,116
2012	26	26	17	1,012,399
Jumlah				2,781,453

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

- i. Semakan Audit mendapati MBKS ada menjalankan pemantauan dan penilaian terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dengan mengenakan markah *demerit* terhadap kontraktor sekiranya kualiti kerja tidak mengikut piawaian yang ditetapkan. Lawatan Audit bersama pegawai penyelia MBKS ke kawasan perindustrian di Jalan Tenun Bintawa pada 13 Jun 2013 mendapati terdapat air bertakung di sebahagian bahu jalan dan bahu jalan juga digunakan sebagai tempat memunggah dan menyimpan bahan binaan seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.14**.

Gambar 1.11
Air Bertakung Di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pending,
Jalan Tenun Kuching
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.12
Sisa Industri Dibakar Di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pending,
Jalan Tenun Kuching
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.13
Batu Bata Ditimbun Di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pending,
Jalan Tenun Kuching
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.14
Longgokan Kayu Diletak Di Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pending,
Jalan Tenun Kuching
Tarikh: 13 Jun 2013

- ii. Lawatan Audit ke kawasan Perumahan Taman Riverview, Perindustrian Bintawa, *Pending Seafood*, Skim Penempatan Semula Sg. Apong, Jalan Foochow dan Jalan Chawan di Kuching pada 13 Jun 2013 mendapati kerja pembersihan longkang tidak memuaskan kerana sebahagian besar longkang ditumbuhi semak samun dan tersumbat seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.18**.

Gambar 1.15
Longkang Yang Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perumahan Riverview
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.16
Tepi Longkang Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perumahan Riverview
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.17
Tepi Longkang Ditumbuhi Tumbuhan Liar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Bintawa
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 1.18
Longkang Tempat Buangan Sisa Bahan Binaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Bintawa
Tarikh: 13 Jun 2013

- iii. Lawatan Audit juga mendapati pihak kontraktor tidak dapat menjalankan kerja pembersihan kerana longkang di kawasan kediaman dan perindustrian berkenaan telah ditutup dengan konkrit oleh pemilik premis seperti di **Gambar 1.19** dan **Gambar 1.20**.

Gambar 1.19
Permukaan Longkang Sudah Dikonkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perumahan Taman Kuching
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 1.20
Permukaan Longkang Sudah DiKonkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pending,
Jalan Tenun Kuching
Tarikh: 13 Jun 2013

- iv. Lawatan Audit ke kawasan perumahan Taman Riverview, kawasan perindustrian Jalan Tenaga Bintawa, Pending *Seafood*, Jalan Foochow serta Jalan Chawan dalam kawasan MBKS dan di sekitar jalan negeri di Kuching dan Bau mendapati secara keseluruhan pemasangan dan penyenggaraan papan tanda telah dilaksanakan dengan memuaskan. **Maklum balas daripada MBKS bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa pembuangan sampah secara berleluasa di bahu jalan dan sikap tidak bertanggungjawab oleh pengusaha kilang di kawasan perindustrian Pending merupakan salah satu masalah utama MBKS dalam penyenggaraan bahu jalan. Majlis Bandaraya Kuching Selatan sering menghadapi masalah terutamanya menyenggara *earth drain* dan juga parit lama di kawasan komersial/perumahan lama. Untuk mengatasi masalah ini, MBKS telah menambah kekerapan jadual pembersihan semua perparitan daripada setiap 2 bulan sekali pada masa sekarang kepada sebulan sekali bagi kontrak baru untuk tahun 2014. Sepanjang tempoh 2010 hingga 2012, MBKS telah mengambil tindakan tegas dengan menamatkan perkhidmatan kontraktor yang gagal menjalankan tugas dengan sempurna bagi kerja pembersihan perparitan dan di senarai hitam untuk menyertai proses tender dan sebut harga MBKS untuk 2 tahun serta bon pelaksanaan kontraktor ditarik balik. Enam kontrak pembersihan perparitan telah ditamatkan dan di senarai hitam semenjak tahun 2010 hingga 2011.**
- v. Berdasarkan Daftar Aduan daripada Seksyen Penyenggaraan Jalan JKR Bahagian Kuching, JKR ada menerima sebanyak 135 aduan pada tahun 2010, 140 aduan pada tahun 2011 dan 215 aduan pada tahun 2012. Analisis Audit terhadap daftar tersebut mendapati JKR mengambil masa di antara satu hingga 98 hari untuk mengambil tindakan dan menyelesaikan kes aduan tersebut bagi tempoh 2010 hingga 2012. Ringkasan Laporan Aduan Awam MBKS *Service Level Agreements Statistic Report by Section* menunjukkan Bahagian

Kejuruteraan MBKS telah menerima 19 aduan awam pada 2010, 575 aduan pada 2011 dan 691 aduan pada tahun 2012 berkenaan masalah bahu jalan dan longkang tersumbat. Analisis Audit terhadap aduan tersebut mendapati MBKS mengambil masa di antara 3 hingga 43 hari untuk menyelesaikan kes aduan pada tahun 2010, satu hingga 13 hari bagi aduan pada tahun 2011 dan satu hingga 19 hari bagi aduan pada tahun 2012.

- vi. Bagi mendapat maklum balas kepuasan pelanggan terhadap keselesaan, kualiti dan keselamatan jalan, 200 borang soal selidik telah diedar kepada pengguna jalan di kawasan bawah jagaan JKR Bahagian Kuching dan 200 borang di kawasan MBKS. Sebanyak 65 borang soal selidik telah diisi dan dikembalikan bagi kawasan JKR Bahagian Kuching dan 85 borang telah dikembalikan bagi kawasan MBKS. Analisis terhadap maklum balas tersebut mendapati 53 daripada pengguna berpendapat jalan di bawah jagaan JKR tidak selesa dan 44 pengguna berpendapat jalan yang digunakan tidak selamat. Analisis Audit terhadap maklum balas di kawasan MBKS mendapati 68 daripada 85 pengguna berpendapat jalan yang digunakan adalah tidak selesa kerana jalan berlubang, sesak, sempit, jalan banjir dan licin apabila hujan serta rosak selepas digali untuk kerja pemasangan utiliti oleh agensi seperti Lembaga Air Kuching, Syarikat Telekom, SESCO dan pemaju perumahan. Sebanyak 60 pengguna pula berpendapat jalan yang digunakan tidak selamat kerana simpang/selekeh merbahaya, papan tanda tidak jelas serta mengelirukan, jalan tidak rata, jalan berlubang, tiada lampu isyarat, lampu isyarat kerap rosak, jalan gelap dan lorong sempit. Antara cadangan utama untuk penambahbaikan jalan oleh pengguna adalah dengan meningkatkan kualiti kerja penyenggaraan jalan, memperbaharui muka jalan mengikut kekerapan yang sepatutnya serta menyenggara longkang di tepi jalan.

Pada pendapat Audit, Rancangan Penyenggaraan Tahunan hendaklah disediakan dan peruntukan penyenggaraan jalan yang diluluskan mengikut rancangan serta dilaksanakan mengikut jadual. Selain itu, pemantauan terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh kontraktor hendaklah diperketatkan supaya kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut spesifikasi dan mutu yang ditetapkan.

1.4.2.3. Penyenggaraan Kecemasan

- a. Kerja penyenggaraan kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan dengan serta merta seperti tanah runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya. Semakan Audit mendapati JKR Bahagian Kuching tidak menyelenggara rekod untuk kes berkaitan penyenggaraan kecemasan bagi tahun 2010 hingga 2012. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan kes dan jumlah perbelanjaan bagi penyenggaraan kecemasan untuk tempoh tersebut.

Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya terhadap tuntutan bayaran bulanan untuk *Instructed Works* bagi tahun 2012 mendapati ada 11 tuntutan untuk kerja kecemasan daripada Syarikat CMS Roads Sdn. Bhd. yang melibatkan pembayaran sejumlah RM0.22 juta. Tuntutan tersebut adalah bagi kerja kecemasan seperti kerja pembaikan sementara di Jalan Jambu Bayur, Jalan Kampung Karu, Jalan Karu Lama dan Jalan Sadir di Kuching seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Senarai Tuntutan Arahan Kerja Bagi Penyenggaraan Kecemasan

Bil.	Jenis Arahan Kerja	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Amaun (RM)	Kontraktor
1.	Kerja Pembaikan Sementara di KM4+200, Jalan Jambu (Q520)	07.02.2012	11.02.2012	9,826	CMS Roads Sdn. Bhd.
2.	Kerja Pembaikan Sementara di KM1+100, Kampung Karu (Q521)	07.01.2012	13.01.2012	10,386	CMS Roads Sdn. Bhd.
3.	Kerja Pembaikan Sementara di KM0+200, Kampung Karu (Q521)	08.01.2012	11.01.2012	6,507	CMS Roads Sdn. Bhd.
4.	Kerja Pembaikan Sementara di KM0+500, Kampung Karu (Q521)	09.01.2012	14.01.2012	7,819	CMS Roads Sdn. Bhd.
5.	Kerja Pembaikan Sementara di KM0+550, Kampung Karu (Q521)	06.01.2012	12.01.2012	7,874	CMS Roads Sdn. Bhd.
6.	Kerja Pembaikan Sementara di KM0+200, Jalan Karu Lama (Q521)	16.01.2012	28.01.2012	18,097	CMS Roads Sdn. Bhd.
7.	Kerja Pembaikan Sementara di KM5+700, Jalan Sadir (Q430)	06.01.2012	12.01.2012	17,428	CMS Roads Sdn. Bhd.
8.	Menaiktaraf Jalan Tanah Pertanian ke Jalan <i>Gravel</i> di KM2+200, Jalan Kampung Melayu Sebat Pueh (Q518)	25.01.2012	07.02.2012	52,138	CMS Roads Sdn. Bhd.
9.	Pemasangan 5 Bays Bailey Bridge di KM1+620 Jalan Selampit (Q513)	26.12.2012	09.02.2012	25,845	CMS Roads Sdn. Bhd.
10.	Kerja Pembaikan Sementara di KM7+800, Jalan Sadir (Q430)	18.01.2012	21.01.2012	53,046	CMS Roads Sdn. Bhd.
11.	Pembaikan bagi 8 seksyen <i>Gravel Carriageway</i> sepanjang Jalan Biawak (Q516)	31.12.2011	02.01.2012	12,581	CMS Roads Sdn. Bhd.
Jumlah				221,547	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa JKR Bahagian Kuching ada menyelenggara rekod berkaitan penyenggaraan kecemasan mengikut kawasan dan kakitangan yang memantau projek tersebut setelah menerima salinan kelulusan daripada pihak Ibu Pejabat. Rekod tersebut difailkan bersama arahan kerja. Pembayaran dan rekod perbelanjaan dibuat dan dipantau oleh pihak Ibu Pejabat dan ada salinan diberikan kepada JKR Bahagian untuk makluman. Untuk penambahbaikan, pihak kami akan memastikan Jurutera Jalan akan menyimpan senarai lengkap rekod penyenggaraan kecemasan dan memantau pelaksanaan projek tersebut secara berasingan.**

Pada pendapat Audit, rekod berkenaan kes kecemasan perlu diselenggara bagi memudahkan kerja pemantauan dan penyediaan anggaran tahunan bagi menangani kes tersebut.

1.4.3. Perolehan Bagi Perkhidmatan Penyenggaraan Jalan

1.4.3.1. Kaedah perolehan perkhidmatan yang diamalkan oleh JKR Bahagian Kuching adalah melalui tender, sebut harga, pesanan kerajaan dan *Instruction Work*.

a. Tender

Perolehan bagi projek yang bernilai RM50,000 ke atas adalah melalui Lembaga Tender Negeri Peringkat Bahagian Kuching yang dipengerusikan oleh Residen Bahagian Kuching. Pada tahun 2012, JKR Bahagian Kuching telah mempelawa 27 tender bernilai RM2.68 juta untuk melaksanakan kerja penyenggaraan jalan negeri dan jalan kampung di kawasan Kuching, Bau dan Lundu. Semakan Audit mendapati daftar kontrak, dokumen perjanjian kontrak, laporan Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Tender yang dijalankan adalah teratur. Semakan Audit seterusnya terhadap 7 daripada 27 kontrak tersebut mendapati 2 projek telah lewat disiapkan iaitu 7 dan 45 hari daripada tempoh kontrak yang ditetapkan. Kontraktor berkenaan telah dikenakan denda *Liquidated and Ascertained Damages* yang ditolak daripada wang sekuriti kontrak tersebut.

b. Sebut Harga

Projek yang bernilai RM20,000 hingga RM49,999 adalah melalui proses sebut harga. Pada tahun 2012, 5 sebut harga yang berjumlah RM0.23 juta telah ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya. Jawatankuasa Sebut Harga Daerah telah ditubuhkan bagi tujuan ini yang dipengerusi oleh Jurutera Bahagian. Semakan Audit mendapati proses pengurusan sebut harga telah dijalankan dengan teratur.

c. Pesanan Kerja

Pesanan Kerja adalah bagi nilai projek yang di bawah RM10,000. Semakan Audit mendapati JKR Bahagian Kuching ada membuat perbandingan harga sebelum kerja tersebut diberi kepada kontraktor.

d. *Instruction Work*

Kaedah ini adalah bagi projek yang dicadang oleh JKR Bahagian apabila keadaan jalan memerlukan tindakan segera dan kelulusan Ibu Pejabat JKR diperlukan. Mengikut kontrak jangka panjang penyenggaraan jalan negeri, jika nilai instructed work kurang daripada RM200,000 kerja itu akan diserahkan kepada syarikat konsesi iaitu CMS Road Sdn. Berhad. Jika ianya melebihi RM200,000 kerja tersebut akan

dilaksanakan melalui proses tender. Ini merupakan terma dan syarat kontrak seperti yang termaktub di Fasal 8.8.1 kontrak tersebut. Analisis Audit terhadap Penyata Bayaran yang dikemukakan oleh CMS Road Sdn. Bhd. bagi tempoh 2010 hingga 2012 mendapati 69 *Instruction Work* telah dikeluarkan dengan jumlah keseluruhan bayaran RM12.29 juta.

1.4.3.2. Perolehan perkhidmatan bagi penyenggaraan jalan di MBKS adalah melalui pesanan kerja bagi kos yang kurang daripada RM20,000, perolehan yang melebihi RM20,000 adalah melalui sebut harga dan tender untuk perolehan yang melebihi RM50,000.

- a. Pada tahun 2012, 9 daripada 11 tender yang ditawarkan adalah untuk perkhidmatan penyenggaraan jalan dan 7 daripada 21 sebut harga yang dipelawa adalah berkaitan dengan perkhidmatan penyenggaraan jalan. Semakan Audit mendapati MBKS ada menubuhkan Jawatankuasa Pembuka bagi tender dan sebut harga selain daripada Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga. Semakan Audit seterusnya mendapati proses pengurusan tender dan sebut harga telah dilaksanakan dengan teratur.
- b. Kontrak perkhidmatan seperti membekal, penghantaran dan memasang *premix* jalan dan *Reflective Thermoplastic Paint Marking* di kawasan MBKS adalah melalui pengeluaran Pesanan Perkhidmatan untuk dilaksanakan oleh kontraktor *on as and when required basis*. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap salinan Pesanan Perkhidmatan yang dikeluarkan mendapati MBKS tidak menetapkan tarikh dan tempoh bagi kontraktor menyiapkan sesuatu projek. **Maklum balas daripada MBKS bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa MBKS telah mengeluarkan arahan kerja bagi kontrak Supply, Delivery and Application of Reflective Thermoplastic Paint Markings pada tahun 2013. Tempoh masa kerja dijalankan beserta amaun penalti yang akan dikenakan sekiranya terdapat kelewatan menyiapkan kerja juga dinyatakan dalam arahan kerja tersebut. Sebanyak 10% kos akan dikenakan sebagai retention money semasa tempoh 6 bulan kecacatan liabiliti. Sistem yang sama menggunakan arahan kerja telah digunapakai dalam kontrak Supply, Delivery and Laying of Premix bagi kontrak untuk tahun 2014.**

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perkhidmatan di JKR dan MBKS telah diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, pihak MBKS perlu menetapkan tempoh bagi kontraktor menyiapkan sesuatu projek perolehan melalui Pesanan Perkhidmatan.

1.4.4. Tiada Inventori Jalan Disenggara

Inventori jalan adalah rekod lengkap yang mengandungi maklumat berhubung dengan jalan yang disenggara serta tarikh penyenggaraan dibuat. Inventori jalan perlu disenggara bagi memudahkan pemantauan terhadap semua jalan di bawah pengawasannya. Inventori jalan juga digunakan untuk merekod senarai jalan yang memerlukan tindakan penyenggaraan dan

mengenal pasti tempoh jalan yang telah disenggara bagi memudahkan membuat perancangan penyenggaraan. Semakan Audit mendapati JKR dan MBKS tidak menyenggara inventori tersebut. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 8 Oktober 2013, menyatakan bahawa setakat ini JKR tidak menyimpan sebarang rekod untuk kerja-kerja penyenggaraan rutin dan berkala yang telah dilaksanakan disepanjang jalan negeri. JKR hanya dapat menumpukan kerja membaikpulih dan pembaikan jalan untuk jalan negeri yang dalam *condition 3* sahaja. Maklumat jalan-jalan yang diselenggara daripada program kerja hingga pelaksanaan boleh diperolehi daripada *Weekly Work Schedule* serta *Quarterly Performance Evaluation Report* yang dikemukakan oleh pihak konsesi. Laporan ini diperiksa dan disimpan di Unit Penyelenggaraan Jalan Raya, JKR Sarawak.**

Pada pendapat Audit, pihak JKR dan MBKS hendaklah menyediakan Inventori Jalan yang disenggarakan untuk memudahkan perancangan penyenggaraan jalan.

1.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, kerja penyenggaraan jalan negeri yang dirancang dan dilaksanakan adalah kurang memuaskan. Beberapa perkara perlu dipertingkatkan dalam pengurusan jalan bagi memastikan pengguna jalan sentiasa selesa dan selamat semasa menggunakan jalan. Sehubungan itu, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan hendaklah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.5.1. Agihan peruntukan penyenggaraan jalan negeri kepada Jabatan/Agensi pelaksana oleh pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak hendaklah berdasarkan Rancangan Penyenggaraan Tahunan yang disediakan.

1.5.2. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak hendaklah mengeluarkan agihan peruntukan penyenggaraan jalan pada awal tahun untuk memudahkan Jabatan/Agensi pelaksana dalam melaksanakan penyenggaraan jalan mengikut jadual.

1.5.3. Agensi pelaksana hendaklah menggunakan peruntukan yang disalurkan hanya untuk tujuan penyenggaraan jalan.

1.5.4. Majlis Bandaraya Kuching Selatan perlu menyediakan Rancangan Penyenggaraan Tahunan bagi kerja penyenggaraan berkala dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching hendaklah melaksanakan penyenggaraan jalan yang dirancang mengikut jadual diluluskan.

1.5.5. Majlis Bandaraya Kuching Selatan hendaklah membuat pemantauan yang lebih ketat terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh kontraktor bagi memastikan kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi dan mutu yang ditetapkan sebelum disahkan untuk pembayaran.

JABATAN TANAH DAN SURVEI

2. PENGURUSAN LESEN DAN KUTIPAN HASIL PERLOMBONGAN PASIR SILIKA DAN KAOLIN NEGERI SARAWAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pasir silika dan kaolin merupakan antara mineral yang terdapat di Negeri Sarawak dan pengeluarannya adalah untuk pasaran tempatan dan eksport. Perlombongan pasir silika di Negeri Sarawak bermula sejak tahun 1970an manakala kaolin sekitar tahun 1990an. Pasir silika ialah butiran silika bersaiz 0.0625 hingga 2 milimeter yang mengandungi lebih 95% silika dioksida dan menjadi bahan utama dalam pembuatan barangan kaca dan seramik. Kaolin merupakan sejenis tanah atau lempung berwarna putih atau hampir putih yang mengandungi mineral kaolinit lazimnya digunakan untuk membuat cat, kertas dan bahan penyalut dalam pembuatan barangan seramik bermutu tinggi. Setakat bulan Mac 2013, Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia (JMG) menganggarkan rizab pasir silika di Negeri Sarawak adalah 45.70 juta tan metrik dengan nilai semasa berjumlah RM740 juta dan anggaran rizab kaolin adalah 23.17 juta tan metrik dengan nilai semasa berjumlah RM324 juta. Taburan kawasan rizab pasir silika ini terletak di Daerah Kuching, Lundu, Serian, Saratok, Sibul, Bintulu dan Marudi manakala kaolin terletak di Daerah Kuching, Lundu, Bau, Samarahan dan Serian. Lokasi berpotensi perindustrian mineral bagi pasir silika dan kaolin adalah seperti di **Peta 2.1**.



Sumber: Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia

2.1.2. Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) bertanggungjawab dalam mengurus permohonan dan pengeluaran lesen serta kutipan hasil perlombongan di Negeri Sarawak. Bahagian Penguatkuasaan adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti perlombongan termasuk penguatkuasaan dan pemantauan serta urusan pengutipan hasil perlombongan. Bagi tujuan kelulusan lesen, ia terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak (KPSAS) melalui persetujuan Lembaga Pengurusan Mineral Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri di Pejabat Ketua Menteri Dan Menteri Tugas-Tugas Khas berserta 8 ahli jawatankuasa terdiri daripada Menteri dan wakil Kementerian/Jabatan. Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia pula bertanggungjawab dalam urusan pemantauan dan mengawal selia operasi perlombongan agar pelesen mematuhi Skim Pengendalian Melombong yang telah diluluskan.

2.1.3. Peraturan dan undang-undang yang diguna pakai berhubung pengurusan lesen dan kutipan hasil mineral ialah Kanun Tanah Negeri, *Sarawak Mining Ordinance 1965*, *Sarawak Mining Rules 1995*, *Mineral Ordinance 2004*, *Minerals Regulations 2012* dan Akta Pembangunan Mineral 1994. Jenis lesen yang dikeluarkan JTS berkaitan aktiviti perlombongan ialah *General Prospecting Licence*, *Exclusive Prospecting Licence* dan *Mining Lease/Mining Certificate*. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 2 *General Prospecting Licence* dan 8 *Mining Certificate* telah diluluskan.

2.1.4. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sejumlah RM1.04 juta hasil perlombongan yang terdiri daripada bayaran royalti, lesen dan sewa tanah telah dikutip. Jumlah pengeluaran dan kutipan hasil bagi tempoh yang sama untuk pasir silika adalah 0.63 juta tan metrik dengan kutipan hasil berjumlah RM0.97 juta dan kaolin adalah 0.50 juta tan metrik dengan kutipan hasil berjumlah RM0.07 juta.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak, Ibu Pejabat JTS, JTS Bahagian Kuching, Samarahan, Miri, Bintulu dan JMG. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod, fail, data dan dokumen berkaitan. Lawatan ke tapak aktiviti perlombongan pasir silika dan kaolin juga dijalankan bagi meninjau aspek pematuhan terhadap syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Temu bual dengan pegawai dan pelesen juga dibuat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan aktiviti perlombongan pasir silika dan kaolin.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara pertengahan bulan Mei hingga Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan seperti berikut:

- Anggaran hasil tahunan perlombongan pasir silika dan kaolin tidak disediakan secara spesifik.
- Pengurusan perlombongan yang berkesan tidak dapat dilakukan kerana *Standard Operating Procedure* (SOP) yang kemas kini masih belum disiapkan dan tempoh *Mining Certificate* yang tidak ditentukan tempoh sah lakunya.

2.4.1. Anggaran Hasil Tahunan Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Tidak Disediakan Secara Spesifik

2.4.1.1. Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) sebagai Pejabat Pemungut perlulah menyediakan anggaran hasil perlombongan tahunan khusus untuk pasir silika dan kaolin bagi mewujudkan pengurusan hasil yang berkesan. Anggaran nilai pasir silika dan kaolin mengikut harga semasa yang terdapat di Negeri Sarawak adalah agak tinggi iaitu mencapai RM1 bilion. Kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin yang terdiri daripada royalti, lesen dan sewa tanah dibuat berdasarkan bayaran yang diterima daripada pelesen. Bayaran sejumlah RM500 semasa permohonan lesen dan RM1,000 setiap kali permohonan pembaharuan *Mining Lease* dikenakan kepada setiap pelesen serta sewa tanah RM10 sehektar dikenakan pada setiap tahun.

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati JTS tidak menyediakan anggaran hasil perlombongan tahunan bagi pasir silika dan kaolin menyebabkan prestasi sebenar pencapaian berbanding sasaran ke atas kutipan hasil tidak dapat diukur. Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2010 hingga 2012, JTS telah mengutip sejumlah RM1.04 juta hasil perlombongan pasir silika dan kaolin. Daripada jumlah tersebut, RM0.97 juta adalah hasil pengeluaran 0.63 juta tan metrik pasir silika dan RM0.07 juta daripada pengeluaran 0.50 juta tan metrik kaolin. Secara keseluruhannya, JTS mencatat kenaikan kutipan hasil berjumlah RM48,972 atau 15.9% pada tahun 2011 dan RM16,170 atau 4.5% pada tahun 2012 bagi kedua-dua mineral berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Prestasi Kutipan Hasil Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Hasil (RM)	Jumlah Kenaikan (RM)	Kenaikan (%)
2010	308,621	0	0
2011	357,593	48,972	15.9
2012	373,763	16,170	4.5
Jumlah	1,039,977	0	0

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

2.4.1.3. Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, menyatakan bahawa pihaknya hanya menyediakan anggaran hasil secara am yang terdiri daripada kutipan royalti, yuran lesen dan sewa tanah perlombongan. Ianya merangkumi semua royalti perlombongan seperti royalti lesen bahan batuan (lesen memindah tanah, pasir dan batu kelikir dan lesen kuari). JTS mengambil maklum teguran Audit berhubung keperluan menetapkan sasaran kutipan hasil perlombongan secara spesifik ke dalam Anggaran Hasil Tahunan. Kajian tentang perkara ini akan dilaksanakan jika didapati sesuai.

Pada pendapat Audit, JTS perlu menyediakan anggaran hasil tahunan perlombongan untuk pasir silika dan kaolin memandangkan anggaran hasil yang agak besar bagi Negeri Sarawak serta mewujudkan pengurusan hasil yang berkesan.

2.4.2. Pengurusan Perlombongan Tidak Memuaskan

2.4.2.1. Standard Operating Procedure Belum Dikemaskini

Standard Operating Procedure (SOP) hendaklah disediakan sebagai garis panduan bagi memastikan setiap proses kerja dan carta aliran kerja dipatuhi berdasarkan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati pada tahun 1998, JTS ada menyediakan SOP berkenaan pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan mineral. Bagaimanapun, SOP berkenaan belum dikemaskini selaras dengan undang-undang dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa seperti *Mineral Ordinance* 2004 dan *Minerals Regulations* 2012. Semakan Audit seterusnya terhadap SOP berkenaan mendapati tiada amaran atau tindakan boleh dikenakan kepada pelesen sekiranya gagal menyediakan keperluan pengeluaran *Mining Lease*. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, menyatakan bahawa SOP kini dalam peringkat akhir penyediaan. Penekanan ke atas pematuhan had tempoh bagi menyiapkan kerja ukur sempadan sebelum pengeluaran *Mining Lease* bagi menggantikan *Mining Certificate* akan dimuatkan di dalam SOP tersebut. Bagaimanapun atas arahan Lembaga Pengurusan Mineral Negeri (SMMA) perkara berhubung *Security Deposit, Mine Rehabilitation Plan, Pre-Feasibility Study* akan dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak untuk pandangan lanjut.**

2.4.2.2. Tempoh Penggunaan Lesen Tidak Ditentukan

Mengikut *Mineral Ordinance* 1965, pelesen dibenar menggunakan *Mining Certificate* bagi tujuan menjalankan operasi perlombongan sementara menunggu kelulusan *Mining Lease* dan boleh diperbaharui sekiranya tamat tempoh 12 bulan seperti ditetapkan. Ukur keliling hendaklah disediakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh *Mining Certificate* dikeluarkan untuk mengenal pasti pelan tanda sempadan sebenar bagi kawasan perlombongan yang diluluskan. Pelesen dikehendaki mendapatkan kebenaran dari

Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak melalui JTS untuk memohon *Mining Lease* sebelum menjalankan operasi perlombongan dalam tempoh 90 hari setelah ukur keliling tanah dijalankan. Selain itu, proses permohonan *Mining Lease* juga menghendaki pelesen menyediakan dan menjalankan pra kajian kemungkinan, pelan perlombongan, anggaran pengeluaran tahunan, pelan pemulihan dan pelan pemantauan alam sekitar.

- a. Semakan Audit mendapati tempoh penggunaan *Mining Certificate* yang diluluskan Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak adalah secara sekaligus untuk tempoh 8 hingga 21 tahun. Oleh kerana tempoh penggunaan *Mining Certificate* tidak ditentukan tempoh sah lakunya, pelesen bebas meneroka dan menggali dalam kawasan berpotensi tanpa kawalan serta sempadan tanah yang jelas dan juga tanpa memenuhi syarat-syarat seperti kajian kemungkinan, pelan perlombongan, anggaran pengeluaran tahunan, pelan pemulihan dan pelan pemantauan alam sekitar. Selain itu, tindakan untuk meminimumkan kesan kerosakan terhadap alam sekitar pada peringkat ini menjadi lebih sukar dan kurang diberi perhatian sewajarnya. Pihak Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia dan JTS turut menghadapi kesukaran untuk menjalankan penguatkuasaan di kawasan lesen *Mining Certificate* kerana masalah sempadan kawasan tidak jelas. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, menyatakan bahawa berdasarkan kepada Minerals Ordinance 2004 dan Minerals Regulations 2012 tiada tempoh sah ditetapkan bagi sesuatu Mining Certificate dan ianya adalah berdasarkan kelulusan daripada Lembaga Pengurusan Mineral Negeri.** Butiran lanjut berhubung pelesen yang beroperasi menggunakan *Mining Certificate* dari tahun 1992 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Senarai Pelesen *Mining Certificate* Tahun 1992 Hingga 2012

Bil.	Pelesen Dan No. Lesen	Lokasi Dan Keluasan	Tarikh Dan Tempoh	Jenis Mineral	Status
1.	Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. MC/1/2010	Jalan Marudi Ulu Linei, Baram, Miri (200 hektar)	Mula :17.01.2008 Tamat :16.01.2017 (9 tahun)	Pasir Silika	Tidak aktif
2.	Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. MC No. 200004/ MCL0001	Sungai Bakong, Marudi, Miri (160 hektar)	Mula :20.12.2000 Tamat :19.12.2012 (12 tahun) Lanjut : -	Pasir Silika	Tidak aktif
3.	Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. MC No. 4D/1/1992	Sungai Bakong, Marudi, Miri (1,705 hektar)	Mula :05.06.1992 Tamat :04.06.2012 (20 tahun) Lanjut :2018 (6 tahun)	Pasir Silika	Aktif
4.	Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. 9D/MC/2/2006	Sungai Sebatang, Tanjung Kidurong, Bintulu (42 hektar)	Mula :01.06.2005 Tamat :30.05.2013 (8 tahun)	Pasir Silika	Aktif

Bil.	Pelesen Dan No. Lesen	Lokasi Dan Keluasan	Tarikh Dan Tempoh	Jenis Mineral	Status
5.	Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. MC/9D/1/1994	Sungai Sebemban, Jalan Bintulu/Tatau, Bintulu (1,720 hektar)	Mula :10.10.1994 Tamat :09.10.2014 (20 tahun)	Pasir Silika	Tidak aktif
6.	Stone And Quarry Sdn. Bhd. SD/1/1999	Sabal Kruin, Samarahan (500 hektar)	Mula :23.06.1999 Tamat :22.06.2013 (14 tahun)	Kaolin	Aktif
7.	Syarikat Keresa Sdn. Bhd. SD/2/1993	Telagus/Tapang Lebat, Kampung Jerok, Jalan Serian/Sri Aman (970 hektar)	Mula :16.07.1993 Tamat :15.07.2013 (20 tahun)	Kaolin	Aktif
8.	Soundethics Sdn. Bhd. SD/3/1993	Batu 62, Jalan Kuching/Sri Aman (920 hektar)	Mula :27.08.1993 Tamat :26.08.2014 (21 tahun)	Kaolin	Aktif

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga akhir tahun 2012, tiada *Mining Lease* pernah dikeluarkan. Untuk pelesen yang aktif, 2 bagi pasir silika yang beroperasi masing-masing di Bahagian Bintulu dan Miri dan 3 kawasan perlombongan kaolin di Bahagian Samarahan telah beroperasi antara 8 hingga 21 tahun di mana permohonan *Mining Lease* tidak pernah diluluskan. Operasi perlombongan bagi kedua-dua mineral tersebut dijalankan menggunakan *Mining Certificate*. Operasi perlombongan pasir silika di Bahagian Bintulu telah dijalankan selama 12 tahun semenjak tahun 2001 dan di Bahagian Miri telah beroperasi selama 21 tahun mulai tahun 1992 oleh Syarikat Sebangun Sdn. Berhad. Operasi bagi mineral kaolin pula telah dijalankan oleh Syarikat Stone And Quarry Sdn. Bhd. semenjak tahun 1999 di Sabal Kruin, Samarahan dan sudah beroperasi selama 14 tahun. Operasi perlombongan yang dijalankan menggunakan *Mining Certificate* untuk tempoh melebihi 12 bulan menyebabkan hasil royalti perlombongan yang dikutip tidak dapat diurus dengan baik dan mengakibatkan penguatkuasaan serta pemantauan juga tidak dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- c. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, mengakui bahawa pihaknya dan JMG menghadapi kesukaran dalam mengurus dan memantau operasi perlombongan tanpa *Mining Lease*. Jabatan Tanah Dan Survei menyatakan bahawa antara kesukaran dan kekangan yang dihadapi adalah kegagalan mendapat kerjasama atau persetujuan penuntut tanah yang mungkin tertakluk kepada tuntutan Tanah Hak Adat Bumiputera, pertikaian hakmilik tanah di dalam kawasan yang diluluskan kepada pelesen dan masalah tuntutan pampasan yang timbul serta sukar diselesaikan.**

2.4.2.3. Kawasan Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Tidak Aktif

- a. Sehingga akhir tahun 2012, JTS telah mengeluarkan 5 *Mining Certificate* pasir silika kepada Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. iaitu 3 di Bahagian Miri dan 2 di Bahagian Bintulu melibatkan kawasan seluas 3,827 hektar. Bagaimanapun, didapati hanya 2 lesen sahaja yang aktif beroperasi masing-masing satu di Bahagian Miri dan Bintulu. Bagi tempoh yang sama untuk kaolin didapati kesemua 3 *Mining Certificate* adalah berstatus aktif dan telah dikeluarkan kepada Syarikat Stone And Quarry Sdn. Bhd., Syarikat Keresa Sdn. Bhd. dan Soundethics Sdn. Bhd. melibatkan kawasan seluas 2,390 hektar.
- b. Lawatan Audit pada Julai 2013 ke tapak lombong pasir silika di Sungai Sebembau Jalan Bintulu/Tatau, Bintulu mendapati lesen untuk kawasan melombong seluas 1,720 hektar yang telah dikeluarkan pada tahun 1994 kepada Syarikat Sebangun Sdn. Bhd. tidak pernah beroperasi sehingga sekarang. Semakan lanjut Audit mendapati tiada surat amaran untuk menarik balik *Mining Certificate* atau tindakan dikenakan kepada pelesen. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, menyatakan masalah rizab mineral yang sedikit dan tidak ekonomik untuk dilombong dan juga berlaku pertelingkahan tuntutan tanah serta pampasan daripada penduduk setempat menjadi punca pelesen tidak dapat memulakan operasi sehingga kini.**
- c. Lawatan Audit turut diadakan di kawasan lombong pasir silika di Jalan Marudi Ulu Linei, Baram yang akan tamat pada 16 Januari 2017 mendapati operasi perlombongan baru bermula di mana kerja pembersihan tapak dan pembinaan infrastruktur seperti jalan dan kilang sedang giat dijalankan. Bagi kawasan lombong di Sungai Bakong, Marudi pula yang lesennya telah tamat pada 19 Disember 2012 mendapati kerja penyediaan tapak lombong telah dijalankan walaupun kelulusan tempoh pelanjutan belum diperolehi. Permohonan pelanjutan tempoh telah dibuat pada 15 Disember 2011. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 4 September 2013, menyatakan bahawa bagi lesen pasir silika di Sungai Bakong, Marudi yang tamat pada 19 Disember 2012, pihaknya sedang memproses permohonan pembaharuan lesen tersebut. Pihak JTS juga masih menunggu pandangan JMG dan JKR untuk dikemukakan kepada KPSAS bagi pertimbangan SMMA. Pemantauan dan rondaan berkala ke tapak lombong turut dijalankan bagi memastikan tiada sebarang aktiviti perlombongan dilakukan sebelum pembaharuan lesen diluluskan.** Keadaan tapak lombong semasa lawatan Audit pada bulan Julai 2013 adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

Gambar 2.1
Kawasan Perlombongan Pasir Silika
Yang Tidak Aktif



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebemban, Jalan Bintulu/Tatau,
Bintulu
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 2.2
Kerja Pembinaan Infrastruktur Giat
Dijalankan Di Tapak Lombong Pasir Silika



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Marudi Ulu Linei, Baram, Miri
Tarikh: 4 Julai 2013



Gambar 2.3
Kerja Penyediaan Tapak Lombong Pasir
Silika Sedang Dijalankan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Bakong Marudi, Miri
Tarikh: 4 Julai 2013

2.4.2.4. Pemulihan Ke Atas Bekas Tapak Lombong Pasir Silika Di Sungai Sebatang Tanjung Kidurong Belum Dilaksanakan

Mengikut surat perjanjian yang dimeterai pada 3 Ogos 2005 antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Syarikat Sebangun Sdn. Bhd., pelesen dikehendaki menyedia dan mengemukakan Pelan Pemulihan Lombong kepada Unit Perancang Negeri sebelum kerja perlombongan dijalankan. Pelesen juga dikehendaki menyediakan Jaminan Bank bagi memastikan kerja pemulihan tapak lombong pasir silika di kawasan lombong di Sungai Sebatang, Tanjung Kidurong, Bintulu dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak lombong pada bulan Julai 2013 mendapati kerja perlombongan pasir silika telah selesai dijalankan. Bagaimanapun, didapati tiada kerja pemulihan tapak lombong dilaksanakan kecuali kerja pembersihan tapak. Sisa longgokan pasir silika masih kelihatan di tapak lombong seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5**. Pelesen ada menyediakan Jaminan Bank berjumlah RM500,000 bagi tujuan memulihkan kawasan perlombongan tersebut.

Gambar 2.4
Sisa Longgokan Pasir Silika
Yang Belum Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebatang, Tanjung Kidurong,
Bintulu
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 2.5
Keadaan Tapak Lombong Pasir Silika
Yang Belum Dibuat Pemuliharaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Sebatang, Tanjung Kidurong,
Bintulu
Tarikh: 2 Julai 2013

Pada pendapat Audit, tindakan JTS meluluskan tempoh *Mining Certificate* yang melebihi 12 bulan adalah bertentangan dengan syarat *Mining Certificate* yang dikeluarkan sehingga penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih berkesan tidak dapat dijalankan. Selain itu, kelulusan pelanjutan tempoh *Mining Certificate* perlu dikawal sekiranya Kerajaan Negeri ingin memperketatkan penguatkuasaan dan pemantauan serta meningkatkan hasil perlombongan di Sarawak.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pengurusan Lesen Dan Kutipan Hasil Perlombongan Pasir Silika Dan Kaolin Di Negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Jabatan Tanah Dan Survei mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

2.5.1. Menyediakan anggaran hasil perlombongan tahunan pasir silika dan kaolin secara spesifik bagi mewujudkan pengurusan hasil yang berkesan.

2.5.2. Mengambil tindakan segera untuk mengemaskini *Standard Operating Procedure* pengurusan mineral termasuk pengurusan lesen dan kutipan hasil perlombongan pasir silika dan kaolin.

2.5.3. Menguatkuasakan tempoh penggunaan *Mining Certificate* oleh pelesen iaitu dalam tempoh 12 bulan agar kawalan penguatkuasaan, syarat-syarat perlombongan serta pemantauan aktiviti perlombongan boleh dijalankan oleh Jabatan Tanah Dan Survei dan Jabatan Mineral Dan Geosains.

2.5.4. Pihak pelesen hendaklah diwajibkan mematuhi syarat-syarat untuk mendapat *Mining Lease* dalam tempoh *Mining Certificate* agar kepentingan Kerajaan dijaga.

2.5.5. Garis Panduan Perlombongan hendaklah disediakan dengan segera bagi memantapkan kawalan terhadap aktiviti perlombongan serta meningkatkan hasil perlombongan.


JABATAN KERJA RAYA

3. PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR WILAYAH TRUSAN FASA 2

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2 (LRAF2) berkapasiti 20 *Million Litres Day* (MLD) dengan kos kontrak berjumlah RM64.99 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan dilaksanakan bertujuan untuk membekalkan air terawat dan meringankan beban pengeluaran air terawat oleh 5 loji rawatan air (LRA) sedia ada di Daerah Lawas. Kelima-lima LRA ini beroperasi secara berasingan iaitu di Gelugus, Sundar, Trusan, Kuala Lawas dan Merapok dengan kapasiti secara keseluruhannya adalah 10.97 MLD yang beroperasi sejak antara tahun 1983 hingga 2008. Selain itu, sebuah lagi LRA berkapasiti 2 MLD iaitu di Kampung Punang, Lawas dibina pada tahun 2011 tetapi belum lagi beroperasi dengan kos kontrak berjumlah RM10.89 juta di bawah projek *National Key Result Area* (NKRA). Lokasi LRA sedia ada dan pembinaan LRA baru adalah seperti di **Peta 3.1**. Pembangunan LRAF2 bertujuan untuk memenuhi keperluan rakyat terhadap air terawat yang semakin meningkat serta memenuhi keperluan pembangunan sedia ada seperti *rural growth centres*, *light industrial estates*, *Kampung Kuala Lawas Extension* dan *post* sempadan di Merapok.

Peta 3.1
Lokasi Loji Rawatan Air Sedia Ada Dan Pembinaan Loji Rawatan Air Yang Baru



Sumber: Jabatan Kerja Raya

3.1.2. Perolehan untuk projek adalah secara rundingan terus. Laras Jaya Construction Sdn. Bhd. telah ditawarkan kontrak untuk melaksanakan projek ini dengan nilai kontrak asal

berjumlah RM64.99 juta dan Standard Engineers Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding projek. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR). Komponen utama projek ini adalah pusat pengambilan air mentah, loji rawatan air 20 MLD, *sludge basin*, takungan air 7 Million Litres (ML) dan pemasangan paip *Mild Steel Cement Lining* (MSCL) dari Trusan ke Lawas. Skop kerja yang terlibat dalam projek ini terdiri daripada kerja awam dan bangunan, pemasangan paip, kerja mekanikal serta elektrik.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek LRAF2 telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektifnya serta dapat memberikan manfaat kepada orang ramai.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek ini. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR dan Pejabat JKR, Bahagian Limbang. Pengauditan juga adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kemudahan Awam, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Pejabat Residen Bahagian Limbang dan Pejabat Daerah Lawas. Pengauditan dijalankan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai JKR yang terlibat juga dilakukan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Jun 2013 mendapati pada keseluruhannya projek pembinaan LRAF2 adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang boleh melewati pencapaian objektif pembinaannya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek.
- Hakisan tanah di muka sauk LRAF2.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.
- Manual operasi dan penyenggaraan LRAF2, gerak kerja serta carta aliran belum disediakan.

3.4.1. Prestasi Projek

3.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan pada 1 November 2010 tetapi projek ini tidak dapat disiapkan di mana peratusan kemajuan kerja fizikal ketika

itu hanya 44.2%. Semakan dan lawatan Audit pada bulan Mei 2013 mendapati projek ini masih juga belum disiapkan sepenuhnya dan peratusan kemajuan fizikal adalah 99%. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 14 Ogos 2013, menyatakan bahawa pembinaan Loji Rawatan Air Wilayah Trusan Fasa 2 telah siap pada 20 Jun 2013 dan Certificate Of Practical Completion telah dikeluarkan pada 11 Julai 2013.** Butiran mengenai prestasi kemajuan projek ini bagi tahun 2010 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Kemajuan Projek Bagi Tahun 2010 Dan 2013

Tahun	Kemajuan	Jadual (%)	Sebenar (%)	Dahului (+) /Lewat (-) (%)
2010	Fizikal	95.4	44.2	-51.2
2013	Fizikal	100.0	100.0	-

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- b. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 4 Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT) selama 615 hari. Butiran perakuan kelewatan dan lanjutan masa adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Butiran Perakuan Kelewatan Dan Lanjutan Masa

No. EOT	Tempoh Lanjutan Masa	Jumlah Hari	Tarikh Dilulus	Sebab Kelewatan (Hari)				
				(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
1.	02.05.2008 hingga 31.03.2009	25		25	-	-	-	-
	06.02.2009	1		-	1	-	-	-
	12.03.2009	1		-	1	-	-	-
	14.03.2009 dan 15.03.2009	2		-	2	-	-	-
	06.06.2008 hingga 20.06.2008	11		-	-	11	-	-
	21.06.2008 hingga 28.07.2008	31		-	-	31	-	-
	28.11.2008 hingga 01.12.2008	3		-	-	3	-	-
	11.04.2009 hingga 18.06.2009	61	06.10.2009	-	-	61	-	-
Jumlah		135		25	4	106	-	-
2.	01.04.2009 hingga 31.07.2010	21		21	-	-	-	-
	16.03.2011 hingga 28.03.2011	12		-	-	12	-	-
	01.04.2010 hingga 16.03.2011	120		-	-	-	120	-
	2010	5	11.04.2011	-	-	-	-	5
Jumlah		158		21	-	12	120	5
3.	01.08.2010 hingga 01.11.2010	10		10	-	-	-	-
	11.08.2010 hingga 30.04.2011	248	10.08.2011	-	-	248	-	-
Jumlah		258		10	-	248	-	-
4.	01.05.2011 hingga 03.07.2011	64	16.01.2012	-	-	64	-	-
Jumlah		64		-	-	64	-	-
Jumlah Keseluruhan		615		56	4	430	120	5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: (a) Cuaca buruk

(b) Banjir

(c) Halangan oleh penduduk setempat

(d) Kelewatan disebabkan oleh kontraktor lain yang bukan sebahagian dari kontrak ini

(e) Kelewatan disebabkan oleh penambahan *floculators* dan kerja struktur

- c. Semakan Audit mendapati satu mesyuarat oleh *Claims Committee* pada bulan April 2013 yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR menyatakan pihak kontraktor telah membuat tuntutan daripada Kerajaan Negeri disebabkan kerugian dan perbelanjaan akibat daripada halangan oleh penduduk setempat yang telah menjejaskan pelaksanaan projek mengikut jadual. Perkara ini masih lagi dalam pertimbangan pihak JKR.
- d. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 14 Ogos 2013, menyatakan bahawa tiada *Liquidated Ascertained Damages* dikenakan kepada kontraktor dan perjanjian tambahan bagi projek ini masih dalam proses dan belum dimeterai.**

3.4.1.2. Pertikaian Pampasan Tanah *Native Customary Rights* (NCR)

- a. Berdasarkan memorandum rasmi bertarikh 12 November 2003 daripada Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, pengambilan balik tanah dengan keluasan 68.21 hektar bagi pembinaan loji rawatan air wilayah Trusan telah selesai. Pada tahun 2003 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kos pengambilan balik tanah sejumlah RM622,450 bagi projek ini. Daripada itu, 38.58 hektar dengan kos pampasan sejumlah RM563,886 adalah bagi tanah NCR yang masih dipertikaikan status hak milik. Semakan Audit mendapati kos pampasan tanah NCR bagi *Field Lot 1, Field Lot 2 dan Field Lot 3* berjumlah RM473,625 telah dibayar oleh Pejabat Daerah Lawas pada tahun 2005 dan 2006 selepas keputusan kehakiman dibuat oleh Mahkamah Bumiputera Lawas. Keputusan ini telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi pada tahun 2009 kerana hak milik sebenar tanah NCR ini masih dipertikaikan tetapi sehingga kini belum ada keputusan mengenai pemilikan yang sebenar. **Maklum balas daripada Pejabat Daerah Lawas bertarikh 23 Ogos 2013, menyatakan bahawa pembayaran kos pampasan tanah NCR bagi *Field Lot 4* berjumlah RM90,260 telah dibayar pada tahun 2005.** Sejumlah RM58,564 daripada RM622,450 telah dibelanja untuk pembayaran kos pampasan di mana sejumlah RM35,575 bagi Lot 118 dan Lot 119 BLK 10 Trusan LD, RM16,000 untuk kos survei dan RM6,989 untuk kos perkhidmatan. Butiran mengenai pembayaran kos pengambilan balik tanah adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Pembayaran Kos Pengambilan Balik Tanah

Bil.	Butiran Pembayaran	Keluasan Tanah (Hektar)	Jumlah Bayaran (RM)	Catatan
1.	Kos Pampasan	3.11	35,575	<ul style="list-style-type: none"> Lot 118 BLK 10 Trusan LD Lot 119 BLK 10 Trusan LD
2.	Kos Pampasan	38.58	563,886	<ul style="list-style-type: none"> <i>Field Lot 1, Field Lot 2 dan Field Lot 3</i> telah dibayar kos pampasan sejumlah RM473,625 tetapi diketepikan oleh Mahkamah Tinggi dan sehingga kini belum ada keputusan mengenai pemilikan yang sebenar
3.	Kos Survei	-	16,000	-
4.	Kos Perkhidmatan	-	6,989	-
Jumlah		41.69	622,450	

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

Pada pendapat Audit, masalah pemilikan tanah dan pembayaran kos pampasan tanah sepatutnya diselesaikan di peringkat awal bagi mengelakkan kenaikan kos dan kelewatan menyiapkan projek supaya air terawat dapat dimanfaatkan oleh orang ramai. Pihak Audit juga berpendapat bahawa justifikasi bagi kos *global settlement* kepada kontraktor perlu diteliti supaya jumlah yang dituntut adalah munasabah dan kepentingan Kerajaan dijamin.

3.4.2. Pengurusan Perolehan

3.4.2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 20 September 2007 meluluskan projek ini dan dilaksanakan oleh Laras Jaya Construction Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Pada 9 Oktober 2007, JKR telah mengeluarkan *Letter of Intent* bagi projek pembinaan LRAF2 kepada Laras Jaya Construction Sdn. Bhd. Pada tahun 2007 rundingan harga telah diadakan antara JKR, Kementerian Kemudahan Awam, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, perunding dan kontraktor bagi memuktamadkan harga kontrak sebelum dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan. Pada awalnya, kontraktor telah mengemukakan tawaran harga berjumlah RM73.77 juta berbanding kos anggaran perunding yang berjumlah RM72.19 juta. Bagaimanapun, selepas perbincangan semasa mesyuarat rundingan harga diadakan, harga yang dipersetujui adalah berjumlah RM64.99 juta. Pengecualian prosedur tender bagi projek ini telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri pada bulan Februari 2008. Surat Setuju Terima bertarikh 2 April 2008 telah dikeluarkan dan perjanjian kontrak telah dimeterai antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Laras Jaya Construction Sdn. Bhd. pada 2 Mei 2008. Tempoh asal projek adalah 30 bulan iaitu mulai dari 2 Mei 2008 hingga 1 November 2010 dengan kos asal berjumlah RM64.99 juta. Setakat bulan Ogos 2013, sejumlah RM59.19 juta telah dibayar kepada kontraktor.

3.4.2.2. Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 8 Mei 1998 bersetuju untuk meluluskan pelantikan perunding Standard Engineers Sdn. Bhd. bagi mereka bentuk Loji Rawatan Air Wilayah Trusan. Surat Setuju Terima ditandatangani pada 21 Mei 1998 manakala *Memorandum of Agreement* telah ditandatangani pada 18 Ogos 1998. Skop kerja seperti dinyatakan dalam *Terms of Reference* merangkumi perkhidmatan perunding termasuk khidmat kejuruteraan yang diperlukan bagi kajian kemungkinan, survei, reka bentuk dan penyeliaan terhadap pembinaan LRAF2. Setakat bulan Ogos 2013, yuran perunding berjumlah RM4.52 juta telah dibayar kepada perunding Standard Engineers Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, kontrak secara pelantikan rundingan terus hendaklah untuk kerja yang memerlukan kepakaran khusus yang tertentu.

3.4.3. Kualiti Kerja Pembinaan

3.4.3.1. Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawai yang diterima pakai serta mendapat *value for money*. Lawatan Audit pada bulan Mei 2013 ke tapak projek mendapati perkara seperti berikut:

a. Hakisan Tanah Di Muka Sauk

- i. Kerja pembinaan struktur muka sauk bagi tujuan pengambilan air mentah di sungai perlulah dibina mengikut spesifikasi yang telah direkabentuk. Spesifikasi menetapkan pembinaan struktur muka sauk secara umumnya terdiri daripada alur muka sauk bagi tujuan penyaluran air mentah, pelampung bagi tujuan perangkap sampah, penyaring bagi tujuan penapis dan kebuk bagi tujuan pengumpulan air mentah untuk disedut oleh pam. Hasil lawatan Audit mendapati fizikal pembinaan struktur muka sauk telah siap dibina. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal terhadap persekitaran sekeliling mendapati ada kesan hakisan tanah berhampiran muka sauk dan tiada kaedah pengawalan hakisan sungai dibina seperti **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Hakisan Tanah
Berdekatan Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk LRAF2
Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.2
Slope Protection Tidak
Sempurna Berdekatan Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk LRAF2
Tarikh: 22 Mei 2013

- ii. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa tiada kaedah khusus bagi Slope Protection dicadangkan dalam kontrak tetapi perkara ini sedang dalam proses pemantauan untuk tindakan sewajarnya.**

b. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

- i. Lawatan Audit pada bulan Mei 2013 ke lokasi komponen utama projek mendapati kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan seperti di **Jadual 3.4** dan **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.13**. Bagaimanapun sebahagiannya telah diambil tindakan penambahbaikan selepas mendapat teguran Audit.

Jadual 3.4
Kualiti Kerja Yang Kurang Memuaskan

Bil.	Lokasi	Penemuan Audit
1.	Muka Sauk merangkumi rumah pam dan bangunan Main Switch Board (MSB)	<ul style="list-style-type: none"> Kemasan kerja yang tidak memuaskan di mana besi (<i>exposed bar</i>) pada tiang cerucuk <i>Galvanised Iron</i> tidak dipotong (Gambar 3.3). Maklum balas daripada JKR bertarikh 20 Ogos 2013, menyatakan bahawa besi tetulang (<i>exposed bar</i>) tersebut telah dipotong dan permukaan tiang cerucuk telah dikemaskan dengan konkrit (Gambar 3.4) Jarak bagi setiap batang besi <i>screening water intake (first layer)</i> terlalu lebar di mana ranting kayu balak telah dapat melepaskannya (Gambar 3.5). Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa pembinaan <i>primary screen</i> adalah satu meter <i>centre to centre</i> mengikut kontrak bertujuan untuk mengelak kayu balak atau sampah sarap merempuh pam atau <i>secondary screen</i> Keretakan <i>RC Support</i> pada paip air mentah (Gambar 3.6). Maklum balas daripada JKR bertarikh 20 Ogos 2013, menyatakan bahawa keretakan telah dibaiki dan dicat (Gambar 3.7) <i>RC Chamber</i> yang mempunyai <i>Surge anticipating relief valve</i> seharusnya kering tetapi terdapat takungan air yang boleh menyebabkan injap berkarat, tidak berfungsi dan rosak (Gambar 3.8). Maklum balas daripada JKR bertarikh 20 Ogos 2013, menyatakan bahawa <i>RC Chamber</i> tersebut telah dikeringkan (Gambar 3.9)
2.	Komplek Loji Rawatan Air merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <i>Administration Building</i> <i>Chemical Room</i> <i>Water Treatment</i> <i>Sludge Basin</i> <i>Clear Water Tank</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Air bertakung di <i>RC Chamber</i> yang mempunyai <i>valve</i> boleh menyebabkannya tidak berfungsi dan rosak (Gambar 3.10 dan Gambar 3.12). Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 September 2013, menyatakan bahawa air bertakung dalam <i>RC Chamber</i> telah dipamkan keluar (Gambar 3.11 dan 3.13)

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 3.3
Besi (*Exposed Bar*) Pada Tiang Cerucuk *Galvanised Iron* Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Muka Sauk LRAF2
 Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.4
Besi Tetulang Tersebut Telah Dipotong Dan Dikemaskan Dengan Konkrit



Sumber: Jabatan Kerja Raya



Gambar 3.5
Jarak Bagi Setiap Batang Besi Galvanised Steel Screening Terlalu Lebar

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Muka Sauk LRAF2
 Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.6
Keretakan RC Support Pada Pumping Paip Air Mentah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Muka Sauk LRAF2
 Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.7
Keretakan Tersebut Telah Dibaiki Dan Di Cat



Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 3.8
Air Bertakung Dalam RC Chamber



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: RC Chamber Muka Sauk LRAF2
 Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.9
RC Chamber Tersebut Telah Dikeringkan



Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 3.10
Air Bertakung Dalam RC Chamber
Yang Terdapat Injap Kawalan Aliran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RC Chamber Inlet di Sludge Basin
Komplek LRAF2
Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.11
Air Bertakung Dalam RC Chamber
Telah Dipamkan Keluar



Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 3.12
Air Bertakung Dalam RC Chamber
Yang Terdapat Injap Kawalan Aliran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RC Chamber Inlet di Raw Water Mixing
Chamber Komplek LRAF2
Tarikh: 22 Mei 2013

Gambar 3.13
Air Bertakung Dalam RC Chamber
Telah Dipamkan Keluar



Sumber: Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu memastikan perunding memainkan peranan dengan berkesan supaya kualiti kerja adalah baik dan mengikut spesifikasi kontrak. Pihak Audit juga berpendapat bahawa JKR hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan.

3.4.4. Loji Rawatan Air Di Daerah Lawas

3.4.4.1. Berdasarkan statistik jumlah penduduk mengikut daerah pentadbiran Sarawak bagi tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2011, bilangan penduduk di Daerah Lawas adalah 38,385 orang. Merujuk *Preliminary Report Trusan Regional Water Supply* yang dijalankan oleh perunding pada April 1999, ramalan

pertumbuhan penduduk dan penggunaan air harian Daerah Lawas bagi tahun 2005 hingga 2025 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

3.4.4.2. Lawatan Audit pada bulan Mei 2013 ke LRA di Gelugus, Sundar, Trusan, Kuala Lawas dan Merapok di Daerah Lawas mendapati kesemua LRA masih beroperasi dan dikendalikan oleh JKR yang melibatkan 32 operator dan 5 juruteknik manakala LRAF2 dan LRA Kampung Punang sedang dalam proses pembinaan. Dengan beroperasinya kedua LRAF2 dan LRA Kampung Punang serta 5 LRA di Daerah Lawas kapasiti keseluruhannya adalah 32.97 MLD dan memerlukan tenaga kerja JKR bagi menguruskannya. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 3 September 2013, menyatakan bahawa terdapat 19 kakitangan melibatkan 17 operator, seorang juruteknik dan seorang Penolong Juruteknik Kanan Gred J36 telah dikenal pasti untuk mengendalikan LRAF2.**

Jadual 3.5
Ramalan Pertumbuhan Penduduk Dan Penggunaan Air Harian Daerah Lawas
Bagi Tahun 2005 Hingga 2025

Bil.	Butiran	2005		2010		2015		2020		2025	
		Ramalan Populasi	Kegunaan Harian (MLD)	Ramalan Populasi	Kegunaan Harian (MLD)	Ramalan Populasi	Kegunaan Harian (MLD)	Ramalan Populasi	Kegunaan Harian (MLD)	Ramalan Populasi	Kegunaan Harian (MLD)
1.	Domestic	48,325	7.37	58,005	8.92	69,755	10.82	84,032	13.14	101,402	16.00
2.	School	1,329	0.40	1,729	0.52	2,249	0.67	2,926	0.88	3,806	1.14
3.	Lawas Light Industrial Estate	28	2.21	56	4.42	56	4.42	56	4.42	56	4.42
4.	Rural Growth Centre	62	1.53	124	3.06	124	3.06	124	3.06	124	3.06
5.	Hospitals/ Clinic	325	0.13	650	0.26	975	0.39	1,300	0.52	1,750	0.70
	Jumlah	50,069	11.64	60,564	17.18	73,159	19.36	88,438	22.02	107,138	25.32
6.	Tambah 15% Distribution Loss	-	1.75	-	2.58	-	2.91	-	3.30	-	3.80
7.	Tambah 10% Maintenance Loss	-	1.34	-	1.98	-	2.22	-	2.53	-	2.91
8.	Tambah 5% Plant Usage	-	0.67	-	0.99	-	1.11	-	1.27	-	1.46
	Jumlah Kegunaan		15.40	-	22.73	-	25.60	-	29.12	-	33.49

Sumber: Preliminary Report Trusan Regional Water Supply

3.4.4.3. Semakan Audit mendapati Manual Operasi Dan Penyenggaraan, gerak kerja serta carta aliran LRAF2 belum disediakan. Penyediaan Manual Operasi Dan Penyenggaraan, gerak kerja serta carta aliran LRAF2 adalah bagi membantu pihak operator loji mengenal pasti langkah dan prosedur kerja yang perlu dilaksanakan. Kontraktor/perunding perlu membekalkan Manual Operasi Dan Penyenggaraan serta mengadakan latihan kepada pegawai JKR yang terlibat dan memantau operasi LRAF2 selama 12 bulan dalam tempoh kecacatan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan program latihan telah dijalankan. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 2 September 2013, menyatakan bahawa penyediaan Manual Operasi Dan Penyenggaraan bagi LRAF2 masih di peringkat draf. Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 September 2013, juga menyatakan bahawa 11 latihan berkaitan dengan pengoperasian dan**

penyenggaraan LRAF2 telah diadakan oleh kontraktor kepada pegawai JKR pada bulan Jun hingga Ogos 2013.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah menyediakan rancangan bagi pengurusan LRA di Daerah Lawas secara keseluruhan. Pihak Audit juga berpendapat JKR hendaklah memastikan Manual Operasi Dan Penyenggaraan, gerak kerja serta carta aliran bagi setiap komponen disediakan untuk memudahkan kerja pengoperasian dan penyenggaraan serta menganggarkan peruntukan tahunan bagi operasi.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Memastikan masalah pengambilan balik tanah dan pembayaran kos pampasan tanah diselesaikan di peringkat awal bagi mengelakkan kenaikan kos dan kelewatan menyiapkan projek supaya air terawat dapat dimanfaatkan oleh orang ramai.

3.5.2. Memastikan kontrak secara pelantikan rundingan terus adalah untuk kerja yang memerlukan kepakaran khusus yang tertentu.

3.5.3. Memastikan perunding memainkan peranan dengan berkesan supaya kualiti kerja adalah baik dan mengikut spesifikasi kontrak serta memastikan kontraktor mengambil tindakan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan dalam tempoh kecacatan.

3.5.4. Menyediakan rancangan bagi pengurusan Loji Rawatan Air di Daerah Lawas secara menyeluruh dan memastikan Manual Operasi Dan Penyenggaraan, gerak kerja serta carta aliran bagi setiap komponen disediakan untuk memudahkan kerja pengoperasian dan penyenggaraan serta menganggarkan peruntukan tahunan bagi operasi.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI SARAWAK

4. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SARAWAK

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 (Ordinan) memberi kuasa dan tanggungjawab kepada 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak untuk mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasakan undang-undang di kawasan pentadbiran masing-masing. Tanggungjawab ini termasuk perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyenggaraan kemudahan awam. Antara peranan PBT juga adalah memberi perkhidmatan seperti menyediakan dan menyelenggara infrastruktur, menjalankan projek pembangunan, menyediakan kemudahan awam dan meluluskan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan. Dua PBT yang bertaraf bandar raya iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Menteri manakala 20 Majlis Daerah (MD), 2 Majlis Perbandaran (MP) dan satu Majlis Bandaraya (MB) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti (Kementerian).

4.1.2. Perbelanjaan pembangunan untuk PBT di Sarawak dibiayai melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2010 hingga 2012, PBT telah menerima geran pembangunan sejumlah RM334.65 juta daripada Kerajaan untuk melaksanakan 1,923 projek pembangunan dan sejumlah RM299.30 juta atau 89.4% telah dibelanjakan. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM178.42 juta dan PBT telah membelanjakan sejumlah RM167.12 juta atau 93.7% daripada peruntukan tersebut untuk melaksanakan 1,240 projek pembangunan manakala peruntukan sejumlah RM156.23 juta telah diterima oleh PBT daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM132.18 juta atau 84.6% telah dibelanjakan untuk melaksanakan 683 projek pembangunan bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Projek Pembangunan PBT Sarawak
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Sumber Kewangan	Bil. Projek	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
Persekutuan	1,240	178.42	167.12	93.7
Negeri	683	156.23	132.18	84.6
Jumlah	1,923	334.65	299.30	89.4

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

4.1.3. Bagi tahun 2010 hingga 2012, pada keseluruhannya PBT telah siap melaksanakan 1,705 projek atau 88.7%, 156 atau 8.1% lewat jadual , 48 atau 2.5% dalam pelaksanaan, 13 atau 0.6% belum mula dan satu atau 0.1% terbengkalai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Prestasi Fizikal Projek Pembangunan PBT Bagi Tahun 2011 Hingga 2012

Sumber Kewangan	Bil. Projek	Prestasi Projek				
		Siap	Lewat	Dalam Pelaksanaan	Belum Mula	Terbengkalai
Persekutuan	1,240	1,173	60	7	0	0
Negeri	683	532	96	41	13	1
Jumlah	1,923	1,705	156	48	13	1

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

4.1.4. Bagi tahun 2010 hingga 2012, PBT Sarawak telah membelanjakan peruntukan pembangunan yang diterima bagi melaksanakan projek menaik taraf/menurap jalan, membina/menaik taraf perparitan, membina/menaik taraf bangunan, tebatan banjir, pengindahan/landskap, jambatan/jeti, pemasangan lampu jalan dan papan tanda, program bandar selamat dan lain-lain kemudahan awam. Peruntukan dan perbelanjaan pelbagai jenis projek yang dilaksanakan oleh PBT bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Jenis Projek Pembangunan PBT Sarawak Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Jenis Projek	Bil. Projek	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Menaik Taraf/Menurap Jalan Raya	963	128.64	43.0
2.	Membina/Menaik Taraf Bangunan	234	43.67	14.6
3.	Membina/Menaik Taraf Perparitan	355	41.54	13.9
4.	Tebatan Banjir	4	25.47	8.5
5.	Pengindahan/Landskap	55	23.00	7.7
6.	Lain-lain *	138	18.25	6.1
7.	Program Bandar Selamat	54	7.08	2.4
8.	Jambatan/Jeti	59	6.67	2.2
9.	Pemasangan Lampu Jalan & Papan Tanda	61	4.98	1.6
Jumlah		1,923	299.30	

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

Nota: * - Tapak pelupusan sampah, terminal bas, gelanggang, tempat letak kereta, lampu isyarat, pagar dan kemudahan orang kurang upaya

4.1.5. Pengauditan yang sama telah dilaksanakan di MBKS, MD Subis dan MD Lawas pada tahun 2009 melalui Kajian Pengurusan Projek Pembangunan Kemudahan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak. Antara kelemahan yang telah dibangkitkan adalah projek belum mula, kerja penyenggaraan tidak dijalankan, bahan yang digunakan tidak mengikut spesifikasi kontrak, projek dilaksanakan tanpa peruntukan untuk kos perunding dan mekanisme pemantauan di peringkat PBT tidak jelas.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan oleh PBT diurus dengan cekap dan berhemat, dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta impak projek dinikmati rakyat.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembangunan bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di 5 PBT yang dipilih iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Bandaraya Miri (MBM), Majlis Daerah Sarikei (MD Sarikei) dan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah (MDDM). Pengauditan dijalankan dengan menyemak peraturan yang ditetapkan, manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, data serta maklumat perihal pengurusan projek pembangunan, program serta jadual kerja, dokumen kontrak, laporan, minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan. Selain itu lawatan ke tapak projek, temu bual dengan penduduk, pegawai PBT dan orang awam juga dijalankan untuk menilai prestasi projek yang dilaksanakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2013 mendapati pengurusan projek pembangunan oleh PBT adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti berikut:

- Projek dilaksanakan tidak menepati kualiti dan spesifikasi kerja.
- Perancangan projek yang tidak teliti.

4.4.1. Prestasi Kerja

4.4.1.1. Bagi tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM119.04 juta telah diterima oleh DBKU, MBKS, MBM, MD Sarikei dan MDDM daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan 400 projek pembangunan yang telah diluluskan. Pihak Berkuasa Tempatan tersebut telah membelanjakan sejumlah RM97.98 juta atau 82.3% daripada peruntukan yang diterima untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	PBT	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	DBKU	66	64.18	47.27	73.7
2.	MBKS	79	15.18	14.77	97.3
3.	MBM	98	14.66	13.35	91.1
4.	MD Sarikei	91	14.63	13.46	92.0
5.	MDDM	66	10.39	9.13	87.9
Jumlah		400	119.04	97.98	82.3

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

4.4.1.2. Analisis Audit terhadap perbelanjaan sejumlah RM97.98 juta mendapati RM25.47 juta atau 26% adalah untuk melaksanakan projek tebatan banjir, RM21.73 juta atau 22.2% untuk melaksanakan projek membina/menaik taraf jalan raya, RM15.31 juta atau 15.6% untuk projek membina/menaik taraf perparitan, RM12.12 juta atau 12.4% untuk projek membina/menaik taraf bangunan, RM9.51 juta atau 9.7% untuk projek pengindahan dan landskap, RM5.04 juta atau 5.1% untuk melaksanakan lain-lain projek pembangunan, RM4.56 juta atau 4.7% untuk program bandar selamat, RM2.67 juta atau 2.7% untuk projek jambatan/jeti dan RM1.57 juta atau 1.6% untuk projek pemasangan lampu jalan dan papan tanda. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Jenis Projek Pembangunan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Jenis Projek	Bil. Projek	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Tebatan Banjir	4	25.47	26.0
2.	Membina/ Menaik Taraf Jalan Raya	122	21.73	22.2
3.	Membina/ Menaik Taraf Perparitan	141	15.31	15.6
4.	Membina/ Menaik Taraf Bangunan	43	12.12	12.4
5.	Pengindahan/ Landskap	13	9.51	9.7
6.	Lain-lain *	20	5.04	5.1
7.	Program Bandar Selamat	33	4.56	4.7
8.	Jambatan/ Jeti	8	2.67	2.7
9.	Pemasangan Lampu Jalan & Papan Tanda	16	1.57	1.6
Jumlah		400	97.98	

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

Nota: * - Tapak pelupusan sampah, terminal bas, gelanggang, tempat letak kereta, lampu isyarat, pagar dan kemudahan orang kurang upaya

4.4.1.3. Semakan Audit mendapati daripada 400 projek yang diluluskan, 290 atau 72.5% siap dilaksanakan, 92 atau 23% lewat jadual dan tempoh lanjutan masa (EOT) diluluskan serta 18 atau 4.5% sedang dilaksanakan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Prestasi Projek Pembangunan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Sumber Kewangan/PBT	Bil. Projek	Prestasi Projek		
			Siap	Lewat	Dalam Pelaksanaan
Persekutuan:					
1.	DBKU	8	1	5	2
2.	MBKS	78	58	17	3
3.	MBM	75	57	17	1
4.	MD Sarikei	77	76	1	-
5.	MDDM	36	36	-	-
Jumlah		274	228	40	6
Negeri:					
1.	DBKU	58	12	38	8
2.	MBKS	1	-	1	-
3.	MBM	23	15	8	-
4.	MD Sarikei	14	9	2	3
5.	MDDM	30	26	3	1
Jumlah		126	62	52	12
Jumlah Keseluruhan		400	290	92	18

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

a. Projek Yang Telah Diluluskan Tempoh Lanjutan Masa

Semakan Audit mendapati daripada 104 projek yang dipilih untuk pengauditan di 5 PBT berkenaan bagi tempoh 2010 hingga 2012, 29 projek bernilai RM42.91 juta lewat disiapkan antara 30 hingga 519 hari. Semakan Audit seterusnya mendapati Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) ada dikenakan dan EOT diluluskan oleh PBT. Justifikasi bagi EOT diluluskan adalah keadaan cuaca, gangguan penduduk tempatan, perubahan skop kerja, masalah bekalan bahan binaan dan masalah pengalihan/penyambungan bahan utiliti. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Projek Yang Telah Diluluskan EOT Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	PBT	Bil. Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tempoh Kelewatan (Hari)	LAD Dikenakan (RM)	Justifikasi
1.	DBKU	12	34.13	33 hingga 519	3,200 hingga 356,255	i. Keadaan cuaca ii. Gangguan penduduk tempatan iii. Perubahan skop kerja iv. Masalah bekalan bahan binaan
2.	MBKS	6	6.76	30 hingga 74	2,100 Hingga 5,300	i. Keadaan cuaca ii. Masalah bekalan bahan binaan
3.	MBM	9	1.60	30 Hingga 152	1,500 hingga 10,200	i. Keadaan cuaca ii. Masalah pengalihan/ penyambungan bahan utiliti SESCO dan LAKU iii. Menunggu keputusan mesyuarat berkenaan perubahan saiz rel penghadang iv. Menunggu kelulusan perubahan kerja
4.	MD Sarikei	1	0.33	50	Tiada	i. Keadaan cuaca
5.	MDDM	1	0.09	60	Tiada	i. Keadaan cuaca
Jumlah		29	42.91			

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

4.4.2. Projek Tidak Menepati Kualiti Dan Spesifikasi Kerja

Projek hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan prestasi kerja hendaklah dipantau dari masa ke semasa. Lawatan Audit ke tapak Projek Menaik Taraf Sebahagian Lorong Perlis 3-1, Kawasan Perindustrian Kuala Baram, Miri mendapati projek tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Penjelasan adalah seperti berikut:

4.4.2.1. Kerja menaik taraf jalan yang melibatkan kerja penurapan 670 tan metrik *premix (Concrete Asphalt)* dengan kos RM174,152 ini mula dijalankan oleh kontraktor yang dilantik pada 24 April 2012 dan kerja telah disiapkan pada 21 Mei 2012. Semakan Audit mendapati tiada ujian *Coring Premix* dijalankan bagi memastikan ketebalan turapan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Jadual Kadar Kontrak iaitu 75mm. Selain itu, pihak kontraktor hendaklah merujuk kepada Jurutera Majlis Bandaraya Miri sekiranya terdapat percanggahan di antara spesifikasi/pelan dan arahan sebelum kerja dimulakan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.


4.4.2.2. Semakan Audit seterusnya mendapati perbezaan sebanyak 25mm ketebalan *Concrete Asphalt* di antara lakaran lukisan dan Jadual Kadar Kontrak. Ketebalan yang dinyatakan dalam lakaran lukisan adalah 50mm dan ketebalan dalam Jadual Kadar Kontrak adalah 75mm. Tiada bukti menunjukkan kontraktor telah dimaklumkan berkenaan dengan perbezaan tersebut sebelum projek dimulakan pada 24 April 2012. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja penurapan jalan yang tidak kemas, keadaan jalan yang rosak, keadaan cat jalan yang pudar dan turapan *premix* tidak rata. **Maklum balas MBM bertarikh 30 Julai 2013, menyatakan jalan ini terletak di kawasan perindustrian Kuala Baram serta kerap diguna oleh kenderaan dan jentera berat yang menyebabkan jalan cepat rosak. Selain itu, peruntukan sejumlah RM2 juta telah dimohon untuk menaik taraf jalan dan tindakan telah diambil untuk membaiki kerosakan tersebut.** Keadaan jalan yang rosak dan selepas dibaiki adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.6**.

Gambar 4.1
Kerja Penurapan Jalan
Yang Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 4.2
Jalan Yang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Bandaraya Miri
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 4 September 2013

Gambar 4.3
Keadaan Jalan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 4.4
Jalan Yang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Bandaraya Miri
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 4 September 2013

Gambar 4.5
Cat Jalan Yang Pudar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 19 Jun 2013

Gambar 4.6
Turapan Premix Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Perlis Lorong 3-1, Miri
Tarikh: 19 Jun 2013

Pada pendapat Audit, pihak MBM perlu memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kontrak sepenuhnya sebelum mengesahkan sesuatu kerja siap dan dibuat pembayaran. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan di peringkat PBT perlu ditingkatkan serta memastikan kerja disiapkan mengikut spesifikasi dan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.4.3. Perancangan Projek Yang Tidak Teliti

4.4.3.1. Perancangan projek hendaklah mengambil kira keperluan, keadaan kawasan projek, kesesuaian tanah, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan. Semakan terhadap dokumen dan lawatan Audit ke tapak projek mendapati satu projek MBKS dan satu projek MD Sarikei dijalankan tanpa perancangan yang teliti. Penjelasan lanjut projek adalah seperti berikut:

a. Projek Cadangan Membesarkan Dewan Masyarakat MBKS Di Lot 26 Dan Sebahagian Lot 22, Sekyen 61, KTLD Jalan Padungan, Kuching

Peruntukan sejumlah RM5.70 juta telah diterima daripada Kerajaan Negeri pada 17 Januari dan 3 November 2011 untuk melaksanakan projek ini yang melibatkan kos berjumlah RM5.64 juta. Projek ini mula dijalankan pada 3 Oktober 2011 dan siap pada 6 Februari 2013 iaitu lewat 74 hari dari tarikh yang telah ditetapkan dalam kontrak. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati reka bentuk bagi pembinaan longkang baru yang tidak separas dengan permukaan tempat letak kereta menyebabkan air bertakung dan boleh mengakibatkan kerosakan pada struktur asal tempat letak kereta tersebut. Keadaan adalah seperti di **Gambar 4.7. Maklum balas MBKS bertarikh 23 Ogos 2013, menyatakan tindakan telah diambil untuk membuat penurapan pada permukaan kawasan tempat letak kereta di Dewan Masyarakat.** Lawatan susulan Audit pada 29 Ogos 2013 mendapati permukaan

kawasan tempat letak kereta tersebut tidak diturap dengan rata dan masih terdapat takungan air seperti di **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7
Longkang Baru Yang Tidak Separas Dengan Permukaan Tempat Letak Kereta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Masyarakat MBKS, Kuching
Tarikh: 30 Mei 2013

Gambar 4.8
Longkang Baru Yang Telah Diturap Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Masyarakat MBKS, Kuching
Tarikh: 29 Ogos 2013

b. Projek Pembinaan Dan Penyiapan Laluan Jeti Konkrit Di Lot 88, Blok 33, SLD Sarikei

- i. Peruntukan sejumlah RM500,000 untuk projek ini telah diterima daripada Kerajaan Negeri pada 30 September 2011 dan kos projek adalah RM499,730. Projek ini telah dilaksanakan pada 2 April 2011 dan telah siap sepenuhnya pada 30 November 2011. Jeti konkrit tersebut dibina untuk kegunaan penduduk di kawasan Bukit Kinyau. Bagaimanapun, jeti tersebut tidak digunakan oleh orang awam disebabkan jeti di kawasan seberang sungai belum dibina. Lawatan Audit ke tapak projek pada 23 Mei 2013 mendapati kawasan jeti tersebut dalam keadaan terbiar dan menjadi tempat pembuangan dan pembakaran sampah. Keadaan jeti adalah seperti di **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**.

Gambar 4.9
Kawasan Laluan Jeti Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Jeti, Block 33, SLD, Sarikei
Tarikh: 23 Mei 2013

Gambar 4.10
Kesan Pembakaran Sampah Di Laluan Jeti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Jeti, Block 33, SLD, Sarikei
Tarikh: 23 Mei 2013

- ii. **Maklum balas MD Sarikei bertarikh 16 Ogos 2013, menyatakan laluan jeti ini diguna oleh para nelayan dari kawasan Bukit Kinyau dan aktiviti pembuangan sampah tidak dapat dikawal disebabkan lokasi jauh dari kawasan bandar. Permohonan peruntukan untuk membina jeti di kawasan Bukit Kinyau akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk dilaksanakan dalam RMKe-11.**

Pada pendapat Audit, PBT perlu membuat perancangan teliti dengan mengambil kira keadaan dan keperluan setempat bagi memastikan projek memberi faedah kepada masyarakat.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

4.5.1. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kontrak sepenuhnya sebelum mengesahkan sesuatu kerja siap dan dibuat pembayaran, penyeliaan serta pemantauan ditingkatkan dan kerja disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.5.2. Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti serta Pihak Berkuasa Tempatan memastikan perancangan teliti dengan mengambil kira keadaan dan keperluan setempat bagi memastikan projek memberi faedah kepada masyarakat.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

5. SARAWAK PLANTED FOREST SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. (SPF) merupakan syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan telah didaftarkan pada 10 Mei 2007 dengan modal dibenarkan RM0.1 juta dan modal berbayar RM2. Objektif utama syarikat ialah untuk membekalkan kayu pulpa bermutu tinggi ke kilang pulpa Acacia Cellulose International Sdn. Bhd. (ACACELL) iaitu anak syarikat Bintulu Capital Sdn. Bhd. yang juga dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Aktiviti utama SPF ialah menguruskan projek Ladang Hutan di Bintulu, Sarawak untuk industri kertas dan pulpa di Tatau, Bintulu. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah diberikan Lesen Untuk Hutan Ditanam oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tempoh 60 tahun iaitu mulai 22 November 2007 hingga 21 November 2067 dengan bayaran fi lesen RM10,000 setahun. Lesen ini membolehkan SPF untuk mewujudkan, membangun dan menyenggara kawasan Zon Hutan Ditanam (PFZ) mengikut peraturan yang ditetapkan oleh *The Forests (Planted Forests) Rules, 1997*. Zon Hutan Ditanam melingkungi kawasan seluas 480,000 hektar di mana 150,000 hektar atau 31.3% daripadanya adalah untuk membangunkan kawasan penanaman pokok *Acacia Mangium* (Akasia), 220,000 hektar atau 45.8% merupakan kawasan pemuliharaan dan 110,000 hektar atau 22.9% adalah kawasan pertanian pindah (*shifting cultivation areas*) termasuk Tanah Adat Bumiputera (*NCR Land*).

5.1.2. Pengurusan diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu seramai 51 kakitangan lain. Struktur organisasi dibahagikan mengikut 4 aktiviti utama iaitu Bahagian Penebangan; Bahagian Peladangan Hutan; Bahagian Kewangan, Pentadbiran Dan Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan Korporat Dan Perundangan. Lembaga Pengarah SPF dianggotai oleh Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak selaku Pengerusi dan 5 ahli lain iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak, Pengarah Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Sarawak dan seorang ahli perniagaan. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. mendapat persijilan ISO 14001:2004 dari SGS Malaysia Sdn. Bhd. untuk sistem pengurusan alam sekitar sejak bulan Januari 2010 dan telah diperbaharui sehingga Januari 2015.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek kewangan bagi tempoh 2009 hingga 2011 dan aktiviti utama syarikat serta tadbir urus korporat bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan temu bual dengan pegawai SPF di pejabat Kuching dan Bintulu. Analisis kewangan syarikat merangkumi menjalankan analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan yang diaudit. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat dan lawatan ke tapak projek di Bahagian Bintulu turut dijalankan. Maklumat lanjut juga telah diperolehi dari Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, JHS dan ACACELL.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan April 2013 hingga bulan Jun 2013. Secara keseluruhannya prestasi kewangan Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Pada tahun 2011, SPF mencatatkan kerugian selepas cukai RM25.36 juta dan kerugian terkumpul RM70.70 juta. Pengurusan aktiviti utama kurang memuaskan di mana sasaran penanaman serta jualan tidak dicapai dan kontrak perjanjian tidak menjaga kepentingan syarikat sepenuhnya. Pengurusan program sokongan menunjukkan beberapa kelemahan dalam penyeliaan dan pemantauan. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. juga belum menyediakan rancangan korporat dan terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat iaitu pengurusan perolehan, pembayaran dan aset manakala tadbir urus korporat boleh ditambah baik. Secara ringkasnya isu yang ditemui adalah seperti berikut:

- Prestasi kewangan SPF tidak memuaskan di mana pada akhir tahun 2011 didapati SPF mengalami kerugian terkumpul RM70.70 juta dan belum mendapat hasil langsung sejak ianya beroperasi pada tahun 2008.
- Sasaran penanaman pokok Akasia bagi tempoh 2008 hingga 2012 hanya mencapai 65.7%.
- Sasaran jualan belum dicapai iaitu sehingga akhir tahun 2012 didapati SPF belum lagi membuat sebarang jualan produk pokok Akasia.
- Penyeliaan serta pemantauan terhadap pelaksanaan program sokongan oleh kontraktor kurang memuaskan.
- Kontrak tidak menjaga kepentingan SPF sepenuhnya.
- Aset bernilai RM11.74 juta yang dipegang oleh GP belum dipindah milik kepada SPF.
- Rancangan korporat belum disediakan.
- Pengurusan Kewangan adalah tidak memuaskan di mana polisi serta prosedur kerja tidak lengkap dan peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SPF yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SPF telah mencatatkan kerugian selepas cukai bagi tahun 2009 hingga 2011. Kerugian selepas cukai berjumlah RM18.72 juta pada tahun 2009, RM32.77 juta pada tahun 2010 dan RM25.36 juta pada tahun 2011. Faktor utama yang menyebabkan kerugian selepas cukai bagi 3 tahun berturut sehingga akhir tahun 2011 ialah syarikat belum membuat sebarang jualan pokok Akasia dan kos pentadbiran yang tinggi. Kerugian berterusan ini telah menyebabkan kerugian terkumpul semakin meningkat dari sejumlah RM26.95 juta pada tahun 2009 menjadi RM70.70 juta pada tahun 2011.
- b. Adalah didapati kedudukan kewangan SPF pada akhir tahun 2012 telah mencatat kerugian semasa RM21.03 juta manakala mencatat dana terkumpul RM38.23 juta. Ini disebabkan pinjaman SPF sejumlah RM130 juta daripada Sarawak Capital Asset Sdn. Bhd. (SCA) telah ditukar menjadi syer dalam syarikat pada 1 September 2012.
- c. Pendapatan langsung SPF adalah daripada penjualan kayu pulpa jenis Akasia kepada kilang pulpa milik ACACELL. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2011 tiada urusan penjualan dibuat kerana kilang pulpa yang sepatutnya mula operasi pada tahun 2011 belum dibina dan hanya dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2016. Ini disebabkan ACACELL masih dalam proses memperoleh pinjaman untuk pembinaan kilang berkenaan. Untuk menampung perbelanjaan pengurusan, SPF menggunakan kemudahan kredit RM10 juta yang dibenarkan oleh Ambank Berhad dan mendapat pendahuluan sementara daripada SCA.
- d. Sehingga akhir tahun 2011, SPF telah membelanjakan sejumlah RM227.48 juta untuk kos projek penanaman pokok Akasia termasuk faedah pinjaman pembangunan. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan penanaman semakin meningkat dari tahun 2009 hingga 2011, iaitu dari RM102.66 juta kepada RM149.36 juta atau 45.5% dalam tempoh 3 tahun tersebut. Butiran mengenai perbelanjaan di bawah projek pembangunan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1**Perbelanjaan Projek Pembangunan SPF Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Menanam	102.66	135.79	149.36
2.	Merumput	16.53	23.09	26.23
3.	Mencantas	3.66	5.13	5.83
4.	Pelindungan Hutan	7.20	11.64	16.44
5.	Merancang Pembangunan Penanaman	3.17	6.46	8.81
6.	Faedah Pinjaman Pembangunan	5.28	12.67	20.81
Jumlah		138.50	194.78	227.48

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- e. Analisis Audit mendapati perbelanjaan untuk program sokongan serta PPK merupakan komponen utama dalam perbelanjaan tidak langsung SPF iaitu RM14.36 juta atau 76.7%, RM17.43 juta atau 67.6% dan RM8.76 juta atau 54.7% pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Butiran lanjut perbelanjaan program sokongan serta PPK bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2**Perbelanjaan Program Sokongan SPF Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Bil.	Butiran Program	Tahun Kewangan		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Pembangunan Komuniti	8.23	6.87	2.51
2.	Pemuliharaan	0.57	0.75	0.47
3.	Pembangunan dan Penyelidikan	2.02	2.79	2.48
4.	Pengurusan Sumber	0.26	0.15	0.13
5.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	0.72	0.89	0.81
6.	Pembangunan Infrastruktur	0.46	5.82	2.35
7.	Latihan	2.10	0.16	0.01
Jumlah		14.36	17.43	8.76

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- f. Kos kewangan SPF merupakan faedah pinjaman daripada bank berjumlah RM2.09 juta dan RM3.78 juta pada tahun 2010 dan 2011. Manakala faedah denda yang dikenakan iaitu RM1.73 juta dan RM3.01 juta pada tahun 2010 dan 2011 adalah disebabkan kelewatan SPF menjelaskan bayaran kepada GP dan SCA.
- g. Liabiliti syarikat terdiri daripada pinjaman, pemiutang dagangan, lain-lain pemiutang dan *Deferred Tax Liability*. Jumlah liabiliti perniagaan SPF adalah RM183.57 juta, RM254.87 juta dan RM312.10 juta pada akhir tahun 2009, 2010 dan 2011 seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Analisis Pemiutang SPF Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Pinjaman	165.84	185.97	230.13
2.	Pemiutang Dagangan	16.86	55.63	60.76
3.	Lain-lain Pemiutang	0.87	9.55	18.41
4.	<i>Deferred Tax Liability</i>	-	3.72	2.80
Jumlah		183.57	254.87	312.10

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- h. Sehingga akhir tahun 2011, SPF telah mendapat pinjaman berjumlah RM241.34 juta iaitu RM45.84 juta tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri Sarawak, sejumlah RM125.50 juta dengan kadar faedah 6.6% setahun daripada SCA dan RM70 juta dengan kadar faedah 4.7% hingga 5.95% setahun daripada Ambank Berhad. Sehingga akhir tahun 2011, SPF belum membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan SCA manakala faedah terhadap tunggakan yang perlu dijelaskan kepada SCA sehingga akhir tahun 2011 berjumlah RM18.17 juta. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan pinjaman daripada Ambank Bhd. akan tamat tempoh pada 30 November 2013, pinjaman daripada Kerajaan Negeri akan mula dibayar mulai tahun 2014 manakala pinjaman RM130 juta daripada SCA telah ditukar menjadi syer dalam syarikat mulai 1 September 2012.**
- i. Grand Perfect Sdn. Bhd. merupakan satu-satunya pemiutang dagangan SPF dan sehingga tahun 2011 jumlah hutang kepada GP ialah RM60.76 juta. Menurut perenggan 6.1.12 perjanjian *Agreement To Establish, Maintain And Protect Planted Forests*, SPF akan dikenakan faedah terhadap hutang tidak dijelaskan selepas 30 hari dari tarikh inbois yang dikeluarkan oleh GP berasaskan *Prevailing Base Lending Rate* (BLR) yang ditetapkan oleh Malayan Banking Berhad. Semakan Audit mendapati hutang pada tahun 2009, 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah RM16.86 juta, RM55.63 juta dan RM60.76 juta manakala hutang yang melebihi 120 hari berjumlah RM1.74 juta, RM38.89 juta dan RM32.73 juta masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Jumlah tunggakan faedah yang dikenakan sehingga akhir tahun 2011 ialah RM3.66 juta. Butiran mengenai analisis terhadap usia pemiutang dagangan SPF adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Analisis Terhadap Usia Pemiutang Dagangan SPF
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Tempoh (Hari)	Baki Pada Akhir Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
0 – 30	10.75	6.88	19.87
31 – 60	4.14	3.62	7.34
61 – 90	0.23	2.84	0.21
91 – 120	-	3.40	0.61
>120	1.74	38.89	32.73
Jumlah	16.86	55.63	60.76

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- j. Penyata Aliran Tunai menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai dan kesetaraan tunai sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kedudukan tunai dan setara tunai SPF semakin menurun dari tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Aliran Tunai SPF Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti operasi	-6.75	-22.76	-11.64
Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti pelaburan	-81.71	-12.91	-28.91
Aliran tunai masuk/(keluar) daripada aktiviti kewangan	70.00	35.00	40.50
Peningkatan/(Pengurangan) tunai dan setara tunai	-18.46	-0.67	-0.05
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	19.52	1.06	0.39
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	1.06	0.39	0.34


Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- k. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul SPF bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.6**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.


Jadual 5.6
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Tercumpul SPF
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	0	0	0
Perbelanjaan Langsung	0	0	0
Untung Kasar	0	0	0
Pendapatan Lain	0.01	0.08	0.20
Perbelanjaan Tidak Langsung	18.73	33.92	26.48
Rugi Sebelum Cukai	-18.72	-33.84	-26.28
Cukai	0	1.07	0.92
Rugi Selepas Cukai	-18.72	-32.77	-25.36
Dividen	0	0	0
Kerugian Tercumpul	-26.95	-45.34	-70.70

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.



Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd



5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan adalah sangat lemah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.04 : 1	0.01 : 1	0.002 : 1
Margin Untung Bersih	-	-	-
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.12 : 1	-0.16 : 1	-0.11 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.69 : 1	-0.72 : 1	-0.36 : 1
Nisbah Hutang	-6.15 : 1	-4.10 : 1	-3.25 : 1

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SPF bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 0.04:1, 0.01:1 dan 0.002:1. Ini menunjukkan nisbah semasa SPF berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, SPF berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa terutamanya untuk membayar balik pinjaman syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati SPF belum mempunyai margin untung bersih kerana belum membuat urus niaga jualan sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2007.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset SPF adalah negatif iaitu -12 sen pada tahun 2009, -16 sen pada tahun 2010 dan -11 sen pada tahun 2011.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif iaitu -69 sen pada tahun 2009, -72 sen pada tahun 2010 dan -36 sen pada tahun 2011.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati nisbah hutang SPF bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah tidak memuaskan iaitu -6.15:1 pada tahun 2009, -4.10:1 pada tahun 2010 dan -3.25:1 pada tahun 2011. Ini menunjukkan operasi syarikat terlalu bergantung pada pembiayaan luar dan aset yang sedia ada tidak mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SPF adalah tidak memuaskan kerana telah mencatat kerugian terkumpul RM70.70 juta pada akhir tahun 2011. Selain itu, nisbah kewangan SPF bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 iaitu margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti didapati negatif. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. juga belum menjana hasil utama dan masih menanggung kos operasi yang tinggi.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama SPF adalah menguruskan projek ladang hutan untuk kilang pulpa di Bahagian Bintulu. Aktiviti ini melibatkan kerja penanaman pokok jenis Akasia, merumput setelah 3 dan 6 bulan penanaman, mencantas pokok setelah 9 bulan ditanam, penyenggaraan, perlindungan hutan secara berterusan. Kesemua aktiviti utama diurus oleh kontraktor yang dilantik iaitu GP dengan kadar bayaran yang ditetapkan dalam kontrak perjanjian manakala fi dengan kadar 5% daripada kos pengurusan dikenakan bagi melaksanakan setiap program sokongan. Grand Perfect Sdn. Bhd. merupakan syarikat konsortium yang dimiliki oleh Gasijaya Sdn. Bhd., KTS Timber Industries Sdn. Bhd. dan Samling Strategic Corporation Sdn. Berhad.

5.4.2.1. Penanaman Pokok Akasia Belum Mencapai Sasaran

- a. Projek penanaman pokok Akasia pada mulanya diuruskan oleh Borneo Pulp And Papers Sdn. Bhd. (BPP) iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara PT Asia Pulp And Paper dari negara Indonesia dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) dari tahun 1997 sehingga syarikat tersebut digulungkan pada tahun 2002. Bagaimanapun, jumlah sebenar yang telah dibelanjakan oleh BPP tidak dapat ditentukan. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak telah melabur sejumlah RM42.09 juta ke dalam syarikat BPP untuk projek ini. Projek ini kemudian diurus oleh Jabatan Hutan Sarawak (JHS) sehingga tahun 2007 dengan jumlah perbelanjaan RM306.59 juta. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah diberi lesen untuk mengambil alih pengurusan projek ini mulai tahun 2008 dan hingga 2012 sejumlah RM357.07 juta telah dibelanja. Pada akhir tahun 2012, tanaman Akasia bernilai RM245.67 juta telah dipermodalkan. Sejumlah RM705.75 juta pelaburan bagi perbelanjaan modal untuk projek ini sejak ianya dimulakan pada tahun 1997 hingga 2012 ini seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8

Pelaburan Serta Perbelanjaan Bagi Projek Penanaman Semula Hutan (Kertas Dan Pulpa) Bagi Tempoh 1997 Hingga 2012

Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	1997- 2002 (RM Juta)	2003 - 2007 (RM Juta)	2008 - 2012 (RM Juta)	
STIDC (Pelaburan)	42.09	0	0	42.09
Jabatan Hutan Sarawak	1.97	304.62	0	306.59
Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.	0	0	357.07	357.07
Jumlah	44.06	304.62	357.07	705.75

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. dan Penyata Kewangan Negeri Sarawak

- b. Sehingga tahun 2012, sasaran tanaman pokok Akasia adalah 147,000 hektar daripada kawasan seluas 150,000 hektar yang diperuntukkan. Sehingga akhir tahun 2012, seluas 125,717.7 hektar pokok Akasia atau 85.5% daripada sasaran 147,000 hektar telah ditanam untuk projek ladang hutan (kertas dan pulpa) iaitu 83,677.1 hektar yang telah ditanam oleh BPP dan JHS dalam tahun 1997 hingga 2007 dan

42,040.6 hektar ditanam oleh SPF dalam tahun 2008 hingga 2012. Butiran kuantiti sebenar pokok Akasia yang ditanam, ditebang dan ditanam semula adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Prestasi Penanaman Pokok Akasia

Tahun	Ditanam		Ditebang (Hektar)	Ditanam Semula (Hektar)
	Sasaran (Hektar)	Sebenar (Hektar)		
1997	80	79.6	-	-
1998	1,000	1,262.4	-	-
1999	2,000	2,077.3	-	-
2000	3,420	3,413.9	-	-
2001	6,500	6,580.8	-	-
2002	500	351.8	-	-
2003	5,500	5,719.4	-	-
2004	18,000	18,321.2	-	-
2005	17,000	17,347.4	-	-
2006	15,000	15,150.0	-	-
2007	14,000	13,373.3	-	-
Jumlah	83,000	83,677.1	-	-
2008	18,000	17,352.1	-	-
2009	14,000	13,754.7	-	-
2010	12,000	7,817.1	159.4	-
2011	10,000	2,651.6	572.4	251.1
2012	10,000	465.1	1,701.0	1,490.8
Jumlah	64,000	42,040.6		
Jumlah Keseluruhan	147,000	125,717.7	2,432.8	1,741.9

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- c. Bagi tempoh 2008 hingga 2012, SPF hanya mencapai 65.7% atau penanaman pokok Akasia di kawasan seluas 42,040.6 hektar berbanding 64,000 hektar yang disasarkan. Antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan untuk mencapai sasaran kerana berlaku tuntutan hak milik tanah NCR seluas 44,463.2 hektar oleh penduduk tempatan.
- d. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah SPF melalui mesyuarat kali ke-4 pada bulan Jun 2010 telah memberi kebenaran kepada GP untuk menebang serta menjual pokok Akasia di kawasan 13,253 hektar iaitu tanaman yang telah dibuat oleh BPP dari tahun 1997 hingga 2002 dan penebangan dibuat secara peringkat dalam tempoh 3 tahun. Pokok tersebut telah melebihi usia matang 7 tahun dan didapati tidak sesuai diproses untuk dijadikan kertas dan pulpa. Sebagai ganti GP dikehendaki membuat penanaman semula pokok Akasia pada nisbah 1:2 hektar iaitu 2 hektar ditanam semula bagi setiap hektar pokok yang ditebang. Setakat bulan April 2013, didapati 2,799.80 hektar pokok telah ditebang oleh GP dan 2,054.80 hektar pokok telah ditanam semula. Kawasan serta aktiviti penebangan pokok Akasia serta kawasan ditanam semula adalah seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

Gambar 5.1
Kawasan Pokok Akasia Yang Ditebang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 5.2
Aktiviti Penebangan Pokok Akasia



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 5.3
Aktiviti Penanaman Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 5.4
Kawasan Penanaman Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 16 Mei 2013

- e. Mengikut *The Forests (Planted Forests) Rules*, 1997 dan Lesen Untuk Hutan Ditanam yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada SPF pada 22 November 2007, pelan penebangan pokok hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Pengarah JHS sebelum penebangan dilakukan. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. juga selaras dengan syarat lesen perlu membayar deposit sekuriti RM300,000 kepada JHS. Menurut *Wood Supply Agreement*, SPF tidak dibenarkan menjual kayu pulpa yang ditanam kepada pihak lain kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pihak ACACELL. Semakan Audit mendapati SPF belum menjelaskan bayaran deposit kepada JHS dan tiada bukti SPF telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada ACACELL untuk menebang serta menjual kayu pulpa seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, didapati SPF dan GP belum menandatangani Perjanjian Penebangan sejak penebangan dilakukan pada tahun 2010. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013 dan pada 6 September 2013, menyatakan penebangan pokok Akasia yang sudah matang mendapat persetujuan daripada ACACELL melalui perbincangan pada bulan November 2008 dan Februari 2009. SPF juga memaklumkan penebangan yang telah**

dijalankan merupakan *trial harvesting* dan perjanjian dengan GP ditetapkan untuk ditandatangani pada bulan September 2013. Tindakan untuk membayar deposit juga akan dibuat secepat mungkin.

- f. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh perunding Poyry Forest Industry Pte Ltd. dalam tahun 2008 hingga 2010, risiko kepada pengurusan projek penanaman Akasia bergantung kepada kadar kerja survei dijalankan untuk penetapan tanah Kerajaan berbanding milik NCR serta kegiatan pertanian pindah di kawasan PFZ. Aktiviti penanaman berterusan dikhuatiri terjejas disebabkan SPF masih lagi menghadapi tekanan daripada sebilangan penduduk di kawasan penanaman yang masih menuntut hak milik tanah. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan kawasan yang terlibat dalam tuntutan hak milik lebih kurang seluas 44,463.2 hektar. Task Force Committee dan Land Issues Committee telah ditubuhkan di Pejabat Daerah Tatau dan Pejabat Residen Bintulu untuk menangani masalah ini. Selain itu, SPF dengan bantuan JTS telah membuat tanda serta survei sempadan antara tanah Kerajaan Negeri dengan Tanah Temuda/Adat Bumiputera dan juga mengadakan mesyuarat serta perbincangan dengan JTS mengenai masalah tuntutan tanah.**
- g. Semakan Audit mendapati SPF telah membayar *ex-gratia* sejumlah RM14.15 juta bagi tempoh 2008 hingga 2012 untuk membayar pampasan kepada peneroka tanah di kawasan PFZ. Merujuk kepada minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Ke-5 yang diadakan pada 13 Disember 2010, bayaran pampasan ini hendaklah dihentikan kerana penyelesaian isu tuntutan hak milik tanah oleh mana-mana pihak adalah di bawah tanggungjawab JTS. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati pembayaran masih dilakukan selepas keputusan dibuat iaitu sejumlah RM0.69 juta telah dibayar bagi tempoh 2011 hingga 2012 dan pembayaran ini telah diluluskan semula oleh Lembaga Pengarah pada 25 November 2011.

5.4.2.2. Sasaran Jualan Tidak Tercapai

- a. Dalam Pelan Perniagaan yang dirangka pada bulan November 2011, SPF menganggarkan perlu menyediakan 22,500 hektar pokok Akasia yang telah matang iaitu dalam lingkungan usia 7 tahun setiap tahun untuk memenuhi keperluan 3.4 juta m³ batang pokok Akasia oleh kilang pulpa ACACELL. Nilai pelaburan untuk kilang ini dianggarkan berjumlah USD1.47 bilion dan dijadual siap dan beroperasi pada asalnya dalam tahun 2011. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. akan dimaklumkan dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh kilang siap bagi membolehkan SPF menyediakan jadual penghantaran kayu pulpa ke kilang. Bagaimanapun, pembinaan kilang ini telah ditunda dan sehingga bulan Mei 2013 didapati ACACELL masih dalam proses memperoleh pinjaman dan kilang dijangka siap pada tahun 2016. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan sementara menunggu hasil jualan, pendahuluan telah diperoleh daripada SCA dan SPF juga telah**

memohon pinjaman jangka panjang daripada bank komersil untuk menampung perbelanjaan syarikat.

- b. Mengikut Pelan Perniagaan yang sama, SPF dijangka memperoleh margin keuntungan RM136.18 juta pada tahun 2012 jika melakukan sendiri penebangan dan penanaman semula pokok Akasia. Ini merupakan hasil penjualan sebanyak 2.22 juta m³ produk pokok Akasia termasuk cip kayu daripada pokok yang telah melebihi usia matang. Bagaimanapun, sehingga bulan April 2013 didapati SPF belum mendapat sebarang hasil jualan pokok Akasia. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013 dan 5 September 2013, menyatakan sedang merangka strategi perniagaan baru dan masih dalam peringkat perbincangan.**
- c. Lawatan Audit pada 15 Mei 2013 ke tapak kilang pulpa ACACELL berhampiran Sungai Tatau, Bintulu mendapati tiada infrastruktur lain disediakan kecuali jalan. Kawasan tapak kilang pulpa, reka bentuk kilang serta pelan reka letak kilang adalah seperti di **Gambar 5.5** hingga **Gambar 5.7**.

Gambar 5.5
Kawasan Tapak Kilang Pulpa ACACELL




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 5.6
Kawasan Tapak Kilang Pulpa ACACELL



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tatau, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013



Gambar 5.7
Reka Bentuk Kilang Pulpa ACACELL

Sumber: Acacia Cellulose International Sdn. Bhd.

5.4.2.3. Pengurusan Aktiviti Penanaman

- a. Lanjutan daripada kontrak yang telah ditandatangani oleh JHS yang tamat tempoh pada 31 Disember 2010, SPF dan GP telah menandatangani kontrak *Agreement To Establish, Maintain And Protect Planted Forests* pada 3 Januari 2011 dan melalui *Addendum* untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2014. Grand Perfect Sdn. Bhd. melalui perjanjian tersebut dilantik untuk mengurus penanaman, penyenggaraan dan penjagaan tanaman Akasia dengan kadar bayaran RM4,346, RM4,433 dan RM4,522 sehektar bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Kadar ini secara automatik dinaikkan 2% setiap tahun.
- b. Semakan Audit mendapati prestasi pengurusan tanaman semakin menurun iaitu 7,817.1 hektar untuk tahun 2010, 2,651.6 hektar untuk tahun 2011 dan 465.1 hektar untuk tahun 2012. Sehingga akhir tahun 2012, SPF telah membelanjakan sejumlah RM207.33 juta untuk pengurusan tanaman pokok Akasia. Butiran mengenai kos penanaman sebenar adalah seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Kos Penanaman (Menanam, Merumput, Mencantas Dan Menjaga)
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012

Butiran	Baki Pada Akhir Tahun			
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Menanam	102.66	135.79	149.36	152.37
Merumput	16.53	23.09	26.23	27.39
Mencantas	3.66	5.13	5.83	6.21
Pelindungan Hutan	7.20	11.64	16.44	21.35
Jumlah	130.05	175.65	197.86	207.32

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- c. Adalah didapati pengurusan operasi penanaman dan kerja yang terlibat dijalankan sepenuhnya oleh GP. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. ada menyediakan SOP yang merangkumi prosedur pengauditan pengurusan ladang Akasia serta tapak semaian. Syarikat juga ada menyediakan laporan bulanan serta tahunan mengenai operasi semua aktiviti yang telah dijalankan dan menyelenggara maklumat terperinci iaitu menurut kawasan serta keluasan blok terhadap prestasi kerja penanaman, penyenggaraan dan penebangan pokok Akasia dari tahun 1997 hingga Mac 2013.

5.4.2.4. Kontrak Yang Disediakan Tidak Menjaga Kepentingan SPF Sepenuhnya

- a. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah menandatangani 2 kontrak untuk pengurusan syarikat iaitu *Wood Supply Agreement* dengan ACACELL yang ditandatangani pada 8 Oktober 2007 dan tempoh kontrak adalah untuk 20 tahun. Syarikat juga telah menandatangani *Agreement To Establish, Maintain And Protect Planted Forests* dengan GP pada 3 Januari 2011 dan melalui *Addendum* untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2014. Syarikat ada mewujudkan

Bahagian Pengurusan Korporat Dan Perundangan tetapi tidak mempunyai pegawai undang-undang. Urusan berkaitan perundangan dibuat melalui perkhidmatan guaman luar dan jika perlu dirujuk kepada Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak untuk mendapat nasihat.

- b. Semakan Audit terhadap *Wood Supply Agreement* mendapati kontrak yang ditandatangani dengan ACACELL tidak memihak serta tidak menguntungkan SPF. Secara ringkasnya didapati ACACELL mengawal bekalan serta penjualan kayu pulpa tanpa perlu menanggung sebarang kerugian dan juga mengawal penggunaan kawasan tanaman SPF seperti berikut:
- i. Acacia Cellulose International Sdn. Bhd. menetapkan tarikh, jadual dan kuantiti kayu pulpa untuk penghantaran dan boleh membuat pindaan dari semasa ke semasa. Pihak ACACELL boleh membeli kayu pulpa daripada pembekal lain dan menuntut kos tambahan jika SPF gagal menghantar bekalan yang mencukupi. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. hendaklah memberi notis bertulis dan nama pembekal dalam tempoh minimum 6 bulan kepada ACACELL jika bekalan kayu pulpa yang akan dihantar adalah daripada pembekal lain. Acacia Cellulose International Sdn. Bhd. tidak terikat untuk membeli bekalan yang telah dipersetujui seperti yang dianggarkan sama ada untuk keperluan jangka panjang, tahunan atau suku tahun. Acacia Cellulose International Sdn. Bhd. hanya perlu memberi notis dalam tempoh yang berpatutan jika pembelian perlu ditangguhkan akibat kilang ditutup berikutan kecemasan masalah operasi dan jika notis telah diberi SPF tidak berhak membuat sebarang tuntutan.
 - ii. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. tidak boleh menjual kayu pulpa kepada pihak lain dan jika terdapat bekalan lebih dari apa yang diperlukan oleh ACACELL, pihak SPF memberi notis 30 hari jika hendak membuat jualan bekalan kayu pulpa lebih kepada pihak lain dan mendapat kebenaran daripada ACACELL secara bertulis.
 - iii. Sehingga tarikh kontrak berkuatkuasa sepenuhnya (segala urusan perjanjian kewangan serta pengoperasian kilang sudah dilaksanakan) ACACELL *shall incur no financial obligation of any nature whatsoever* kepada SPF.
 - iv. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. tidak dibenarkan menukar hak milik serta struktur pegangan syer sehingga mendapat kelulusan pihak ACACELL.
 - v. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. perlu mendapat kelulusan daripada ACACELL jika hendak menggunakan kawasan tanaman untuk tujuan lain.
 - vi. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. perlu memberitahu ACACELL jika terdapat masalah mematuhi sebarang peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa.

- vii. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013**, menyatakan perjanjian adalah di antara 2 buah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak di mana ACACELL merupakan anak syarikat milik sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Bintulu dan bermaksud untuk menjaga kepentingan kedua syarikat. Terma dan syarat perjanjian ini adalah untuk memudahkan ACACELL memohon dana untuk projek kilang pulpa.

5.4.2.5. Pengurusan Program Sokongan

- a. Grand Perfect Sdn. Bhd. diberi tanggungjawab menyediakan pelan serta program tahunan, mengurus dan melaksana program sokongan dengan bayaran fi 5% daripada kos bagi setiap program sokongan. Bagi tempoh 2010 sehingga 2012, sejumlah RM43.59 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 6 program sokongan berkenaan. Maklumat selanjutnya adalah seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11

Perbelanjaan Untuk Program Sokongan Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Bil.	Program	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Pembangunan Komuniti	8.07	2.38	1.14	11.59
2.	Pembangunan Infrastruktur	8.83	2.22	2.28	13.33
3.	Pembangunan Dan Penyelidikan	2.67	2.35	2.05	7.07
4.	Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	0.85	0.76	0.93	2.54
5.	Perlindungan	0.72	0.45	0.40	1.57
6.	Pengurusan Sumber	3.42	2.34	1.73	7.49
Jumlah		24.56	10.50	8.53	43.59

Sumber: Grand Perfect Sdn. Bhd. (*Penyata Actual Spending And Payment Report*)

Nota: Jumlah perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan yang telah dipermodalkan

- b. Merujuk minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-4, Jawatankuasa Eksekutif diminta untuk mengkaji semula program sokongan memandangkan perbelanjaan yang terlalu tinggi dan SPF diminta untuk menyediakan polisi dan GP hanya pelaksana program. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Ke-2 yang diadakan pada 11 November 2009 merancang mengambil alih Program Latihan mulai bulan Januari 2010 dan 5 program lain dan PPK secara berperingkat dan 4 daripadanya untuk diambil alih mulai bulan Disember 2010. Adalah didapati sehingga bulan Mei 2013 hanya Program Latihan sahaja telah diambil alih oleh SPF. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013**, menyatakan pengambilalihan program sokongan ditangguh oleh kerana perlu mengatur strategi dari aspek kewangan serta sumber manusia dan pengambilalihan ini ditangguh sehingga pelan perniagaan baru siap.
- c. Semakan Audit mendapati segala pengurusan dan perbelanjaan untuk 5 program sokongan dan PPK adalah di bawah kawalan GP. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh 2010 hingga 2012 sejumlah RM14.35 juta telah dibelanjakan

untuk bayaran gaji kakitangan serta pekerja. Bagaimanapun, didapati pihak SPF tidak mempunyai maklumat perihal bilangan kakitangan, kadar bayaran gaji, elaun serta maklumat lain berkaitan. Pembayaran dibuat adalah berdasarkan tuntutan yang dibuat oleh GP tanpa dokumen sokongan atau maklumat terperinci. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan GP diminta untuk mengemaskinikan dokumen sokongan sebelum pembayaran dibuat dan ini melibatkan beberapa tuntutan perbelanjaan terhadap program sokongan yang ditangguhkan sejak tahun 2010. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 SPF telah menerima sejumlah RM39.40 juta tuntutan daripada GP dan sehingga bulan September 2013 sejumlah RM5.79 juta telah dijelaskan manakala RM33.61 juta daripada tuntutan ini masih ditangguhkan kerana GP belum mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap.**

- d. Semakan Audit mendapati kos perolehan perkhidmatan bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah tinggi. Analisis perbelanjaan perolehan perkhidmatan serta perbelanjaan lain bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Perolehan Serta Perbelanjaan Yang Tinggi Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Bil.	Program	Perkara	Kos (RM)	Catatan
1.	Pengurusan Sumber	Penggunaan kenderaan	681,896	29 kenderaan digunakan Lingkungan kos penyenggaraan adalah di antara RM2,003 hingga RM46,392 sebulan. Maklum balas daripada SPF pada 6 September 2013, menyatakan kos penyenggaraan yang tinggi disebabkan kenderaan kerap digunakan dan juga jalan yang dilalui adalah jalan ladang
		<i>Aerial photography</i>	367,822	Dijalankan dalam tahun 2010 sahaja
2.	Pembangunan Dan Penyelidikan	Penggunaan kenderaan	412,226	8 kenderaan digunakan Lingkungan kos penyenggaraan adalah di antara RM2,741 hingga RM36,518 sebulan
		Penyenggaraan Dan Pengurusan	598,681	Justifikasi kos program berbanding keperluan dan hasil penyelidikan
		Perunding Teknikal	1,112,186	4 perunding: - Boden & Associates = RM522,889 - Dr. Hill (Tricoderma) = RM465,039 - ACIAR Gadoderma = RM66,045 - Dr. Lee (Pest & Diseases) = RM58,213
		Sewaan dan Kontrak	215,928	2010
		Caj Makmal	129,694	2011

Bil.	Program	Perkara	Kos (RM)	Catatan
3.	Pembangunan Komuniti	Bahan untuk projek bekalan air dan elektrik	3,525,355	
		Projek khas	5,151,718	Maklum balas daripada SPF bertarikh 6 September 2013, menyatakan jumlah ini termasuk pembayaran ex-gratia
4.	Perlindungan	Penyenggaraan Dan Pengurusan	207,645	
5.	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	Penyenggaraan Dan Pengurusan	456,730	Maklum balas daripada SPF bertarikh 6 September 2013 menyatakan jumlah ini termasuk perolehan software

Sumber: Grand Perfect Sdn. Bhd.

e. Semakan Audit seterusnya mendapati:

i. **Program Pembangunan Komuniti (PPK)**

- Semakan Audit mendapati SPF telah menggunakan khidmat 15 perunding dari pelbagai bidang untuk menjalankan kajian dengan kos RM1.27 juta. Kajian ini dijalankan pada bulan Julai 2007 hingga Jun 2009 dan bertujuan merangka Pelan Induk program ini. Pelan ini juga boleh menjadi panduan kepada agensi Kerajaan lain untuk melaksanakan program masing-masing. Tujuan utama program ini adalah membasmi kemiskinan serta menaik taraf kehidupan penduduk dalam kawasan melalui pembinaan infrastruktur, membekal bahan bantuan seperti tangki air, bahan penutup bumbung serta sanitasi dan memberi khidmat sokongan serta latihan kepada penduduk untuk aktiviti hutan tani, penanaman sayuran, membekal ternakan serta anak ikan dan pemeliharaan lebah madu. Walau bagaimanapun, didapati bagi tempoh 2010 hingga 2012, SPF hanya menjalankan kerja infrastruktur jalan, membekal bahan penutup bumbung serta tangki air dan aktiviti pemeliharaan lebah madu.
- Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah menerima tuntutan daripada GP sejumlah RM10.59 juta bagi tempoh 2010 sehingga 2012 untuk program ini dan sejumlah RM2.23 juta atau 21.1% daripada jumlah ini adalah untuk bayaran gaji kakitangan dan sejumlah RM0.59 juta atau 5.6% untuk kos pentadbiran. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.94 juta telah dibayar untuk kerja merata kawasan, membina jalan serta membekal tangki air dan penutup bumbung kepada penduduk di bawah program Pembangunan Komuniti. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan tuntutan daripada GP disahkan oleh pegawai SPF dengan sewajarnya kerana didapati tuntutan tidak disokong dengan dokumen perbelanjaan yang lengkap.
- Salah satu aktiviti di bawah Program ini ialah projek pemeliharaan lebah madu. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2004 dengan melibatkan 5

peserta. Bagi tahun 2004 hingga 2007, sejumlah RM433,201 telah dibelanja oleh Jabatan Hutan Sarawak untuk projek ini. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah mengambil alih projek ini pada tahun 2008 dengan 23 peserta terlibat dan sehingga akhir tahun 2012 SPF telah membelanjakan sejumlah RM529,026. Hasil sebenar yang diperolehi daripada projek ini tidak dapat ditentukan kerana tidak semua jualan madu oleh peserta direkodkan. Hasil yang ada direkodkan bagi tahun 2008 hingga 2012 hanya RM16,042. Projek ini didapati tidak berjaya dan sehingga bulan Mei 2013 hanya 5 peserta yang masih terlibat.

- Tiada bukti SPF ada menyediakan petunjuk prestasi untuk menilai pencapaian serta impak berbanding perancangan untuk program ini dari aspek objektiviti, pengurusan dan perbelanjaan secara keseluruhan. Syarikat juga tidak menyediakan laporan terperinci atau laporan kemas kini yang boleh menunjukkan bilangan sebenar penduduk yang menetap di satu-satu kawasan berbanding bilangan serta kemudahan yang diperolehi dari program.

ii. Program Pembangunan Dan Penyelidikan

- Objektif utama program ini adalah membuat pelbagai penyelidikan untuk tujuan menghasilkan jenis pokok Akasia yang bermutu tinggi serta mencapai kematangan dalam jangka masa yang lebih pendek. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah membayar sejumlah RM7.38 juta bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk program ini. Daripada jumlah tersebut, RM3.86 juta atau 52.3% adalah untuk bayaran gaji kakitangan dan RM1.18 juta atau 16% untuk kos pentadbiran. Grand Perfect Sdn. Bhd. dibenarkan untuk menggunakan tapak semeaian Samarakan di Bintulu serta infrastruktur dan peralatan sedia ada untuk kerja penyelidikan secara percuma. Keadaan tapak semeaian dan peralatan digunakan adalah seperti di **Gambar 5.8** dan **Gambar 5.9**.

Gambar 5.8
Tapak Semeaian Pokok Akasia



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Samarakan, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 5.9
Peralatan Untuk Tujuan Penyelidikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Samarakan, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013

- Menurut GP, ujian penanaman (*field trial*) terhadap pelbagai spesis pokok menunjukkan kualiti serta pertumbuhan pokok Akasia meningkat. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013 dan pada 6 September 2013, menyatakan program telah melibatkan 4 perunding yang masing-masing pakar dalam penyelidikan berkenaan. Program ini telah berjaya menghasilkan *genetically improved Acacia Mangium seeds and seedlings* dan kadar pertumbuhan pokok Akasia meningkat dari 25 m³ sehektar setahun kepada 30 m³ sehektar setahun. Manakala kejayaan dalam *bio-protection* berhasil mengawal penyakit pokok.**

iii. Program Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Unit Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur, sistem aplikasi serta maklumat. Bagi tempoh 2010 sehingga 2012, sejumlah RM2.64 juta telah dibayar untuk program ini dan sejumlah RM0.90 juta atau 34% adalah untuk bayaran gaji kakitangan dan sejumlah RM1.44 juta atau 54.5% untuk kos pentadbiran. Adalah didapati walaupun SPF merupakan pemilik kepada semua maklumat, pihak GP merupakan pengurus program dan mengawal akses kepada maklumat. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan GP sebagai kontraktor telah diberi amanah untuk menjalankan program dan akses kepada maklumat adalah terhad melainkan dimohon secara bertulis. Langkah penjagaan kerahsiaan maklumat serta harta intelek termaktub dalam klausa 21 dan 22 *Agreement To Establish, Maintain And Protect Planted Forests*.**

5.4.2.6. Latihan Kakitangan Dan Pekerja

- a. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah berbelanja sejumlah RM2.94 juta bagi tempoh 2008 hingga 2012 untuk menyediakan pusat latihan di Samarakan, menyediakan bilik kuliah, asrama pelajar dan mengadakan latihan. Program latihan yang dirancang khususnya bertujuan untuk memastikan tenaga kerja mahir mencukupi untuk pelaksanaan projek. Pengurusan latihan bagi tempoh 2008 hingga 2009 dikendalikan oleh GP dan telah diambil alih oleh SPF mulai tahun 2010. Adalah didapati walaupun kerja penanaman, penebangan dan penyenggaraan tanaman pokok dikontrakkan sepenuhnya, kakitangan serta pekerja juga diberi latihan berkaitan dengan kerja tersebut serta kursus am lain seperti pertolongan kecemasan, penggunaan peralatan komunikasi, mesyuarat tapak dan mesyuarat pengurusan. Selain itu, SPF juga terlibat dalam *industrial attachment programmes*, lawatan pelajar daripada institut pengajian tinggi dan lawatan muhibah daripada pelbagai agensi. Semakan Audit seterusnya juga mendapati latihan ini diberikan kepada pekerja/pelatih tempatan dan juga kepada pekerja/pelatih asing (Indonesia). Tempoh latihan yang

telah dikendalikan di antara satu jam sehingga 11 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Butiran Program Latihan Yang Dikendalikan Oleh GP/SPF Bagi Tempoh 2008 Hingga 2012

Bil.	Butiran	2008	2009	2010	2011	2012
1.	Perbelanjaan (RM)	654,964	2,103,726	161,229	5,973	18,540
2.	Bilangan Kursus	77	110	57	93	Tiada Maklumat
3.	Bilangan Kursus Berkaitan Penanaman Pokok	33	35	10	-	
4.	Lain-lain	44	75	47	93	
5.	Bilangan Peserta/Pekerja Tempatan	687	2,027	624	848	
6.	Bilangan Peserta/Pekerja Asing	653	202	45	9	
7.	Tempoh Latihan	1 jam hingga 9 bulan	1 hari hingga 10 bulan	1 hari hingga 11 bulan	1 hari hingga 8 minggu	

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan mulai tahun 2010 pekerja GP tidak lagi diberi latihan di pusat latihan tersebut manakala caj akan dikenakan untuk latihan bagi pekerja GP atau pihak lain. Perbincangan telah diadakan pada 2 September 2013 berkenaan mengambil alih pengurusan pusat latihan serta program latihan oleh JHS.**

- c. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah mengambil alih program latihan mulai tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM185,742 telah dibelanjakan untuk latihan termasuk kos perjalanan iaitu RM54,973 pada tahun 2011 dan RM18,540 pada tahun 2012. Adalah didapati kebanyakan komponen latihan merupakan mesyuarat pengurusan serta aktiviti, mesyuarat tapak, tindakan untuk pensijilan ISO dan menerima lawatan belajar serta lawatan muhibah. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan perancangan program latihan tidak dilaksanakan sebab tiada dana.** Disebabkan program latihan yang melibatkan pekerja ladang tidak dijalankan dengan aktif, kemudahan di pusat latihan seperti asrama dan bilik kuliah tidak diguna secara optimum. Menurut SPF melalui Minit Jawatankuasa Eksekutif Bil 6, strategi program latihan sedang dikaji semula selaras dengan Pelan Induk Keperluan Sumber Manusia. Keadaan asrama dan bilik kuliah di Pusat latihan Samarakan adalah seperti di **Gambar 5.10** dan **Gambar 5.11**.

Gambar 5.10
Asrama Untuk Peserta Kursus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan, Samarakan
Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 5.11
Blok Kuliah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan, Samarakan
Tarikh: 15 Mei 2013

- d. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. telah membina sebuah kantin di pusat latihan bernilai RM1.47 juta termasuk kos set generator bernilai RM91,500, memasang sistem pengudaraan dengan kos RM54,400, peti *freezer* serta *chiller* bernilai RM48,000 dan 7 penghawa dingin berjumlah RM46,700. Bangunan kantin ini juga diguna untuk menempatkan pusat sumber. Projek ini telah dibina tanpa mendapat pandangan serta kelulusan Lembaga Pengarah dan perkara ini telah ditegur dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-4 di mana kelulusan Lembaga Pengarah hendaklah diperoleh terlebih dahulu untuk perolehan yang berkos tinggi. Projek ini dipantau oleh Jurutera Sivil dan laporan disediakan setiap minggu. Bagaimanapun, projek ini lewat disiapkan iaitu projek sepatutnya siap pada 30 Mac 2011 tetapi hanya disiapkan pada 14 Oktober 2011. Semakan Audit seterusnya mendapati kontraktor telah memohon lanjutan masa 111 hari tetapi tiada bukti lanjutan ini telah diluluskan. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan kontraktor hanya diluluskan lanjutan masa 58 hari sahaja dan telah membayar denda RM84,000 sebagai denda lewat menyiapkan projek.** Lawatan Audit ke pusat latihan pada 15 Mei 2013 mendapati kantin belum beroperasi walaupun sudah siap 2 tahun dan hanya digunakan sebagai tempat pameran. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013 dan pada 6 September 2013, memaklumkan yang bangunan kantin ini juga digunakan sebagai pejabat ladang SPF dan sebagai bilik pameran.** Keadaan kantin adalah seperti di **Gambar 5.12** dan **Gambar 5.13**.

Gambar 5.12
Bangunan Kantin



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Samarakan, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 5.13
Kantin Diguna Untuk Ruang Pameran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Samarakan, Bintulu
Tarikh: 15 Mei 2013

- e. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. juga didapati telah membeli sebuah bas (25 seater) bernilai RM220,000 pada bulan Februari 2010 untuk tujuan pengangkutan peserta kursus dan pelawat. Bagaimanapun, bas tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya iaitu hanya digunakan 47 hari atau dengan kadar 14.1% pada tahun 2010, 22 hari atau 6% pada tahun 2011 dan 12 hari atau 3% pada tahun 2012. Bas tersebut juga didapati tidak digunakan langsung bagi tempoh 8 bulan berturut iaitu pada bulan September 2011 hingga April 2012.

5.4.2.7. Pembinaan Menara Komunikasi Tanpa Kebenaran

Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemudahan Awam pada tahun 2005 iaitu *Philosophies, Policies And Directions Of Communication Towers And Structures In State Of Sarawak* menetapkan tiada pihak boleh membina menara telekomunikasi baru atau infrastruktur. Sebarang permohonan untuk membina menara baru hendaklah dibuat kepada SACOFA yang telah dilantik sebagai *one-stop* agensi Kerajaan untuk membina menara selaras dengan keperluan pemohon. Adalah didapati SPF telah membina 2 buah menara komunikasi dengan kos RM2.22 juta pada tahun 2009 iaitu di Bukit Mina dan Bukit Tisok. Bagaimanapun, didapati SPF tidak mematuhi Garis Panduan tersebut dan menara komunikasi tersebut telah didirikan tanpa melalui SACOFA. **Maklum balas daripada SPF pada 6 September 2013, menyatakan perundingan telah diadakan bersama SACOFA pada 2 September 2013 untuk pengurusan kelulusan dari segi perundangan.** Menara yang telah didirikan adalah seperti di **Gambar 5.14** dan **Gambar 5.15**.

Gambar 5.14
Menara Telekomunikasi Di Bukit Mina



Sumber: Grand Perfect Sdn. Bhd.
Lokasi: Bukit Mina Bintulu
Tarikh: Mac 2009

Gambar 5.15
Menara Telekomunikasi Di Bukit Tisok



Sumber: Grand Perfect Sdn. Bhd.
Lokasi: Bukit Tisok Bintulu
Tarikh: Mei 2009

5.4.2.8. Pemeliharaan Lebah Madu Oleh Pengusaha Asing

- a. Menurut minit Mesyuarat Lembaga Pengarah SPF kali Ke-7 yang diadakan pada 26 September 2012, Summer Pacific Sdn. Bhd. (SPSB) iaitu syarikat usahasama antara KTS Timber Industries Sdn. Bhd. dan Dadi Company Ltd. dari Fujian, negara China telah menjalankan aktiviti pemeliharaan lebah madu yang diimport dari negara China di kawasan tanaman seluas 72 hektar milik SPF. Adalah didapati walaupun kelulusan telah diberi oleh JHS untuk kawasan milik SPF diguna untuk menjalankan aktiviti pemeliharaan lebah madu bagi PKK, tiada kelulusan serupa diberi kepada SPSB. Terdapat 24 pengusaha lebah dari negara China sedang beroperasi dan setiap pengusaha memerlukan kawasan kira-kira seluas 3 hektar. Sejak beroperasi pada tahun 2006 terdapat kira-kira 60 tan madu lebah dihasilkan setiap bulan untuk dieksport ke negara China dengan nilai jualan USD15,000 per tan.
- b. Semakan Audit mendapati aktiviti ini telah dijalankan tanpa mengadakan sebarang perjanjian persefahaman di antara SPF dengan pengusaha tersebut. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. juga didapati tidak mengenakan sebarang caj bayaran atau mengutip hasil daripada SPSB sejak bermulanya operasi. Menurut minit mesyuarat yang sama, SPF mencadangkan caj bayaran sewa RM10 sebulan dikenakan bagi setiap kawasan atau RM0.20 per kilogram madu dan ini boleh menyumbang pendapatan anggaran RM12,240 sebulan. Setakat bulan Mei 2013, tiada keputusan oleh SPF atau perjanjian dibuat antara SPF dan SPSB berhubung caj bayaran.

5.4.2.9. Pelan Peralihan Belum Disediakan

- a. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. mempunyai seramai 52 kakitangan iaitu 14 di Bahagian Kuching dan 38 di Bahagian Bintulu. Pengurus Besar SPF pada masa kini dilantik secara pinjaman dari JHS dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri untuk meneruskan perkhidmatannya di SPF. Semakan Audit mendapati SPF belum

menyediakan Pelan Peralihan bagi memastikan kesinambungan kakitangan pelapis yang akan meneruskan aktiviti syarikat.

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati SPF telah menggunakan perkhidmatan 2 pegawai dari negara luar bagi jawatan Konsultan-Analisis Kewangan/Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Latihan/Penebangan. Selain gaji yang termasuk elaun dan pembayaran cukai pendapatan, pegawai juga menikmati kemudahan kereta syarikat, tambang tahunan ke negara asal bersama pasangan dan tanggungan kos perubatan. Bagi tahun 2008 hingga 2012 sejumlah RM187,394 telah dibayar untuk kos *Expatriate Staff Benefits*. Butiran lanjut seperti berikut:

i. Konsultan-Analisis Kewangan/Ketua Pegawai Kewangan

Pegawai telah dilantik mulai bulan September 2008 dengan gaji RM55,446 sebulan termasuk elaun dan pembayaran cukai pendapatan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk dilanjutkan perkhidmatan sehingga 31 Ogos 2013. Objektif jawatan Ketua Pegawai Kewangan adalah untuk mewujudkan fungsi akaun dan kewangan seperti dikehendaki oleh pihak Pengurusan dan pemegang saham, mengurus keperluan kewangan projek serta mengadakan koordinasi dengan pemegang saham mengenai perihal kewangan syarikat dan memastikan pelan kewangan yang teratur untuk mencapai objektif syarikat. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mei 2013 prosedur penerimaan/hasil belum dirangka dan SPF masih perlu mencari punca kewangan lain kerana objektif untuk mendapat hasil dari jualan pokok Akasia belum tercapai.

ii. Pengurus Latihan/Penebangan

Pegawai telah dilantik mulai bulan Februari 2011 dengan gaji RM26,500 sebulan termasuk elaun dan pembayaran cukai pendapatan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk dilanjutkan perkhidmatan sehingga 31 Januari 2014. Objektif jawatan Pegawai Latihan adalah untuk membangun serta mengekalkan program latihan bagi faedah syarikat khususnya serta industri peladangan hutan di Sarawak; mewujudkan, menyenggara dan menambah baik pembelajaran teknikal dan latihan vokasional mengenai peladangan hutan di Sarawak serta menghasil, mengurus dan mencapai sasaran tenaga kerja dari segi fizikal, kewangan dan kemahiran untuk pusat latihan.

- iii. Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan pelantikan konsultan adalah berdasarkan keperluan syarikat pada masa itu dan organisasi SPF sedang distruktur semula dan mengambil kira pelan peralihan.**

Pada pendapat Audit, SPF sebagai pemilik projek perlu meningkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap semua aktiviti yang dilaksanakan oleh kontraktor, memastikan

pengurusan program sokongan dilaksanakan dengan lebih berhemat serta berkesan, menentukan kontrak perjanjian menjaga kepentingan syarikat dan semua peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dipatuhi sepenuhnya.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, SPF tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

5.4.3.1. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati sejak SPF ditubuhkan pada tahun 2007, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 7 kali. Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan hanya sekali pada tahun 2010, 2 kali pada tahun 2011 dan sekali pada tahun 2012. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan 2 kali pada tahun 2010, sekali pada tahun 2011, sekali pada tahun 2012 dan pada tahun 2013 telah diadakan pada bulan April. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung Pengesahan Penyata Kewangan Tahunan, Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah dan Pelantikan Juruaudit Luar. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada peraturan ditetapkan dalam *Terms Of Reference* terhadap kehadiran ahli bagi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan yang Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutif akan mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi meningkatkan pemantauan.**

5.4.3.2. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati rancangan korporat yang disediakan SPF merupakan Pelan Perniagaan yang disediakan pada bulan November 2011 dan diterima oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah SPF kali Ke-6 yang diadakan pada 25 November 2011. Semakan Audit seterusnya mendapati pelan berkenaan memberi fokus kepada sasaran pemasaran, penuaian dan penjualan pokok Akasia sehingga tahun 2034 dan juga meliputi pelan sumber manusia, infrastruktur dan peruntukan perbelanjaan.

Bagaimanapun, pelan ini perlu disemak semula memandangkan unjuran terhadap perolehan hasil mulai tahun 2012 tidak lagi realistik. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan sedang menyediakan pelan perniagaan yang baru manakala rancangan korporat akan disediakan selepas keputusan pemegang saham mengenai pelan tersebut.**

5.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit belum ditubuhkan manakala jawatan untuk Unit Audit Dalam belum diisi. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman telah diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Ke-8 pada 11 Jun 2013.**

5.4.3.4. Standard Operating Procedure (SOP)

Prosedur dan peraturan berhubung pentadbiran dan pengurusan kewangan SPF ada disediakan tetapi tidak lengkap. Polisi dan prosedur yang disediakan hanya meliputi kawalan perbelanjaan syarikat manakala polisi dan prosedur terhadap kawalan pendapatan, pelaburan, pinjaman dan aset belum disediakan. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 6 September 2013, menyatakan bahawa draf polisi aset dan polisi untuk kawalan pendapatan, pelaburan dan pinjaman akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2013 untuk mendapat kelulusan.**

5.4.3.5. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Cadangan bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri bertanggungjawab terhadap Badan Berkanun terlibat untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati walaupun SPF mengalami kerugian, pembayaran bonus sejumlah RM0.01 juta, RM0.24 juta dan RM0.19 juta pada tahun 2009 hingga 2011 telah diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah. Adalah didapati kadar bayaran adalah selaras dengan pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada kakitangan awam. Bagaimanapun, pembayaran dibuat tanpa mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri terlebih dahulu.

5.4.3.6. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman, pengurusan sumber manusia dan aset mendapati kelemahan seperti berikut:

- a. Semua tuntutan untuk perbelanjaan program sokongan yang dibuat oleh GP tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Pihak GP hanya mengemukakan inbois berserta *Actual Spending & Payment Report* tanpa memberi maklumat seperti nama dan bilangan pekerja dibayar gaji atau mengepilkan resit, bil atau dokumen sokongan berkaitan. Selain itu, tiada bukti SPF ada membuat semakan dan pengesahan lanjut terhadap tuntutan yang dibuat. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan pembayaran hanya akan dibuat setelah GP mengemukakan semua dokumen sokongan.**
- b. Tiada kawalan terhadap perbelanjaan melalui Panjar Wang Runcit yang diselenggara oleh Pusat Latihan Samarakan iaitu tuntutan tidak disokong borang *Cash Request Form*, pembayaran melebihi had RM100 yang telah ditetapkan dan baki panjar pada bulan Oktober 2012 adalah negatif. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan latihan telah diberi kepada kakitangan yang bertanggungjawab serta membuat pemantauan yang lebih kerap.**
- c. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. belum mewujudkan peraturan berhubung kawalan aset. Semakan Audit mendapati Daftar Aset tidak dikemas kini menyebabkan nilai aset pada Daftar Aset menunjukkan perbezaan RM6.04 juta berbanding nilai aset yang diakaunkan pada 31 Disember 2012. Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. belum menubuh pasukan untuk melaksanakan pemeriksaan tahunan dan tiada bukti pemeriksaan tahunan terhadap aset dijalankan. Aset yang telah diambil alih oleh SPF masih bertanda hak milik GP. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan telah membuat pelarasan antara kedua rekod berkenaan dan memberi arahan kepada GP untuk menggunakan tanda hak milik SPF untuk semua aset yang diperolehi melalui peruntukan SPF. Selain itu, SPF juga akan menubuhkan pasukan pemeriksaan tahunan terhadap aset.**
- d. Semakan Audit mendapati 11 jenis aset yang dibeli oleh JHS antara tahun 2003 hingga 2007 dengan nilai RM11.74 juta telah diserahkan kepada GP pada tahun 2008. Jabatan Hutan Sarawak telah mengeluarkan surat pada 11 Januari 2010 kepada GP supaya memindah milik aset berkenaan kepada SPF. Sehingga bulan Mei 2013, pihak GP didapati belum mengambil sebarang tindakan untuk memindah milik aset berkenaan. **Maklum balas daripada SPF bertarikh 21 Ogos 2013, menyatakan masih menunggu arahan serta kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk memindah aset berkenaan.** Butiran lanjut aset berkenaan adalah seperti di **Jadual 5.14.**

Jadual 5.14
Aset Milik JHS Yang Belum Dipindah Milik Kepada SPF

Bil.	Jenis Aset	Tahun		Jumlah Nilai (RM)
		2003 – 2005	2006 – 2007	
		Nilai (RM)	Nilai (RM)	
1.	Peralatan Pejabat – B	50,364	3,538,971	3,589,335
2.	Kenderaan Bermotor	847,926	2,229,485	3,077,411
3.	Peralatan Pejabat – A	77,779	2,517,282	2,595,061
4.	Loji Dan Mesin	30,805	622,929	653,734
5.	Peralatan Teknikal	0	387,863	387,863
6.	Perabot Dan Kelengkapan	163,784	204,979	368,763
7.	Bangunan	60,837	221,017	281,854
8.	Sistem Komunikasi/ Komputer	200,905	29,709	230,614
9.	Peralatan Kerja Lapangan	49,144	102,941	152,085
10.	Stesen Lapangan	17,124	95,201	112,325
11.	Pengubahsuaian	25,125	0	25,125
Jumlah		1,523,793	9,950,377	11,474,170

Sumber: Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, tadbir urus SPF perlu ditingkatkan dengan memberi penekanan terhadap kawalan pengurusan kewangan, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan mematuhi peraturan berkenaan yang sedia ada.

5.5. SYOR AUDIT

Kerajaan Negeri disarankan menggunakan khidmat konsultan bebas untuk mengkaji semula sama ada projek kayu dan pulpa ini boleh berdaya maju (*viable*), merangka pelan jangka pendek yang perlu diambil untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan pelan jangka panjang yang komprehensif dan realistik untuk memastikan projek menguntungkan. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan projek, Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. disyorkan:

5.5.1. Menyediakan Rancangan Korporat yang lengkap merangkumi perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

5.5.2. Meningkatkan kawalan, penyeliaan dan pemantauan terhadap pengurusan program sokongan terutama kawalan perbelanjaan.

5.5.3. Mengkaji semula kontrak perjanjian dan memastikan kepentingan syarikat terpelihara.

5.5.4. Menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan mengenal pasti kawalan dalaman dalam proses perolehan dan pembayaran serta kawalan aset.

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

6. PELITA MUKAH SEBAKONG SAGO PLANTATION SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. (PMSSPSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 1987 dengan nama asal Estet Pelita Sdn. Bhd. yang kemudiannya dikenali sebagai Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. pada 8 Ogos 2005. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) dengan modal dibenarkan sejumlah RM4 juta dan modal berbayar sejumlah RM1.49 juta.

6.1.2. Aktiviti utama PMSSPSB adalah membangun dan mengusahakan ladang di Bahagian Mukah. Objektif penubuhannya adalah untuk menjalankan aktiviti pengeluaran sago secara komersial bagi mempercepatkan pembangunan industri sago di negeri; sebagai perintis serta kecemerlangan dalam pengeluaran dan pengurusan sago secara komersial untuk menjadikan sago sebagai komoditi industri utama negeri; menjalankan transformasi ke atas pekebun kecil sago kepada satu entiti pengeluaran, menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pengeluaran sago dan mengembangkan kepakaran dalam pengurusan serta pengeluaran sago secara komersial; menyediakan perkhidmatan pakar terutama dalam bidang latihan, nasihat, perundingan dan pensijilan. Visi dan misi PMSSPSB semasa penubuhannya adalah untuk menjadi *Sago King* iaitu sebagai peneraju utama dunia dalam pembangunan dan pengurusan ladang sago serta menjadi pembekal utama kanji yang terbaik di dunia. Bagaimanapun visi dan misi PMSSPSB ini telah dikemas kini semula pada tahun 2012 yang mensasarkan syarikat menjadi sebuah syarikat perintis dalam pembangunan industri perladangan sago dan menjadi sebuah syarikat yang terkemuka di pasaran serta mengekalkan pertumbuhan jangka panjang yang konsisten dalam jumlah dan keuntungan syarikat dengan mengamalkan teknologi agronomi yang terbaik.

6.1.3. Lembaga Pengarah PMSSPSB dipengerusi oleh Pengurus Besar PELITA dan dianggotai oleh 3 ahli daripada pegawai atasan Pelita Holding Sdn. Bhd.. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 40 pegawai serta kakitangan sokongan. Sebagai sebuah syarikat yang mana 100% syer dimiliki oleh PELITA, PMSSPSB perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan PMSSPSB, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah memuaskan dan telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat PMSSPSB bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di pejabat PMSSPSB, Tingkat 1 & 2 Blok A, Lot 1240, Blok 66 Mukah Land District, Boulevard Setia Raja Mukah. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dengan pegawai PMSSPSB, lawatan ke ladang dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2013 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan PMSSPSB adalah tidak memuaskan. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian selepas cukai sejumlah RM0.08 juta pada tahun 2009 dan RM41.53 juta pada tahun 2010 iaitu meningkat melebihi 100% manakala pada tahun 2011 mencatat keuntungan sejumlah RM0.01 juta. Bagi tempoh yang sama, PMSSPSB merekod kerugian terkumpul RM17.22 juta pada tahun 2009, RM58.75 juta pada tahun 2010 dan RM58.74 juta pada tahun 2011. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. juga tidak mematuhi *Malaysian Accounting Standard Board (MASB) 31* dalam mengakaunkan geran Kerajaan yang mana memberi kesan perbelanjaan terlebih dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011. Prestasi aktiviti PMSSPSB adalah tidak memuaskan dari segi tumbesaran pokok yang tidak sepadan dengan usia pokok sago yang sepatutnya dan kerja penyenggaraan tidak mengikut jadual seperti dirancang. Tadbir urus korporat PMSSPSB juga kurang memuaskan di mana *Standard Operating Procedures* tidak kemas kini manakala polisi kewangan syarikat dan peraturan perolehan tidak dipatuhi. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Mencatat kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut.
- Kadar tumbesaran pokok sago tidak sepadan dengan usia pokok sago.
- Penyenggaraan ladang sago tidak dibuat mengikut jadual yang dirancang dan kawasan yang disenggara semakin berkurangan.
- Pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan yang tidak menambah nilai dalam tumbesaran dan hasil ladang sago.
- Pembelian 41 unit jengkaut berjumlah RM11.88 juta melebihi keperluan penggunaan.
- Perolehan jengkaut, bekalan bahan kimia dan baja dibuat tidak mematuhi prosedur kewangan.

6.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan PMSSPSB yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan PMSSPSB.

6.4.1.1. Analisis Trend


a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati PMSSPSB telah mencatat kerugian selepas cukai bagi tahun 2009 dan 2010. Kerugian selepas cukai meningkat daripada RM0.08 juta pada tahun 2009 kepada RM41.53 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun PMSSPSB mencatat keuntungan sejumlah RM0.01 juta pada tahun 2011. Peningkatan kerugian sejumlah RM41.45 juta atau melebihi 100% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah disebabkan PMSSPSB telah menghapuskan perbelanjaan pembangunan ladang sejumlah RM41.58 juta pada tahun 2010. PMSSPSB juga mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM17.22 juta pada tahun 2009, RM58.75 juta pada tahun 2010 dan RM58.74 juta pada tahun 2011. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 7 Oktober 2013, menyatakan bahawa antara usaha untuk menambah baik kedudukan kewangan PMSSPSB adalah:**

- i. **Pelaburan dalam ladang sagu di tanah gambut memerlukan jangka masa 15 hingga 17 tahun untuk matang dan syarikat dijangka akan mengalami kerugian dalam tempoh tersebut. Penanaman pertama pada tahun 1987 dijangka hanya akan memberi hasil selepas tahun 2004. Oleh kerana pertumbuhan pokok sagu tidak berhasil, pihak PELITA telah melantik konsultan untuk membuat kaji sebab. Berdasarkan laporan konsultan yang telah dilantik dan teguran daripada pihak Audit luaran, syarikat telah menghapuskan perbelanjaan pembangunan ladang tersebut pada tahun 2010 seperti yang dikehendaki oleh Piawaian Perakaunan. Pelunasan geran yang diterima oleh PMSSPSB akan dilunaskan pada tahun 2013.**
- ii. **Berdasarkan bancian tahun 2012, PMSSPSB mempunyai 10,012 pokok sagu yang boleh dituai. Ini dijangka akan memberi pulangan pendapatan kasar sejumlah RM550,000 berdasarkan harga semasa.**
- iii. **Selain itu, sejak tahun 2012 PMSSPSB melibatkan diri sebagai kontraktor bagi membangunkan ladang kelapa sawit milik PHSB di Jemoreng (Matu), Mudan (Oya) dan pembangunan serta penyenggaraan ladang sagu pekebun kecil di Balingian, Mukah, Dalat dan Pusa.**
- iv. **Mulai tahun 2012 juga salah satu strategi pengurusan baru menghendaki PMSSPSB memberi tumpuan dalam aktiviti penyenggaraan terhadap kawasan yang berpotensi tinggi sahaja. Dengan itu, perbelanjaan akan**

hanya tertumpu kepada keluasan yang lebih kecil dan secara langsung menyumbang kepada penjimatan kos perbelanjaan.

- b. Semakan Audit mendapati pihak Firma Audit Swasta telah memberi *qualified opinion* dan *emphasis of matter* ke atas perkara dalam mengakaunkan perbelanjaan pembangunan ladang (PDE) bagi tahun 2009 hingga 2011. Ini adalah disebabkan PMSSPSB tidak mematuhi polisi perakaunan syarikat dalam mengakaunkan perbelanjaan pembangunan ladang yang mana *the carrying amount of plantation development expenditure on land that have been replanted should be derecognised and taken to profit and loss account* dan didapati tiada pengiraan secara praktikal serta perlunasan telah dijalankan terhadap perbelanjaan ini apabila tanaman telah mencapai matang. Ketinggalan dalam mengakaunkan perbelanjaan pembangunan ladang ini menyebabkan penyata pendapatan terjejas kerana perbelanjaan terkurang dinyatakan. Semakan Audit terhadap rekod kewangan setakat bulan Disember 2012 seterusnya mendapati PMSSPSB telah merekodkan perbelanjaan pembangunan ladang sejumlah RM136.45 juta. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa perbelanjaan pembangunan ladang hanya akan dilunaskan apabila pokok sagu telah mencapai tahap matang iaitu 15 tahun. Penanaman semula telah dibuat pada tahun 2005 dan dijangka matang pada tahun 2020.**
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati geran Kerajaan yang telah diterima setakat tahun 2012 sejumlah RM47.60 juta bagi tujuan pembangunan dan pemuliharaan ladang tidak pernah dibuat perlunasan seperti dikehendaki oleh MASB 31 berkenaan *Accounting for Government Grants and Disclosure of Government Assistance*. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 7 Oktober 2013, menyatakan bahawa geran yang diterima sejumlah RM19.18 juta untuk pembangunan sagu yang telah dihapuskira akan dilunaskan dalam tahun 2013.**
- d. Analisis Audit seterusnya mendapati pendapatan langsung PMSSPSB meningkat sejumlah RM0.12 juta atau melebihi 100% daripada RM0.07 juta pada tahun 2009 kepada RM0.19 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, pendapatan langsung telah merekodkan penurunan sejumlah RM0.14 juta atau 74% kepada RM0.05 juta berbanding RM0.19 juta pada tahun 2010. Trend ini adalah disebabkan peningkatan dan penurunan jualan *sago log* sebagai sumber utama pendapatan langsung PMSSPSB seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1
Pendapatan Langsung PMSSPSB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011




Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

- e. Perbelanjaan langsung PMSSPSB adalah kos jualan dan didapati menunjukkan penurunan daripada RM100,804 pada tahun 2009 kepada RM92,986 pada tahun 2010 dan hanya RM712 pada tahun 2011. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan pentadbiran syarikat. Analisis Audit juga mendapati perbelanjaan tidak langsung PMSSPSB menunjukkan peningkatan untuk 3 tahun berturut-turut daripada RM59,251 pada tahun 2009 kepada RM60,285 pada tahun 2010 dan RM62,735 pada tahun 2011. Peningkatan perbelanjaan tidak langsung dalam tempoh tersebut adalah disebabkan pertambahan yuran guaman dan insurans.
- f. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul PMSSPSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.1**, **Carta 6.2** dan **Carta 6.3**.

Jadual 6.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	72,013	197,792	51,353
Perbelanjaan Langsung	100,804	92,986	712
Untung/Rugi Kasar	-28,791	104,806	50,641
Pendapatan Lain	3,807	5,734	23,116
Perbelanjaan Pentadbiran	59,251	60,285	62,735
Untung/Rugi Operasi	-84,235	50,255	11,022
Perlunasan Perbelanjaan Pembangunan Ladang	-	41,583,397	-
Untung/Rugi Sebelum Cukai	-84,235	-41,533,142	11,022
Cukai	0	0	0
Untung/Rugi Selepas Cukai	-84,235	-41,533,142	11,022
Kerugian Terkumpul (RM Juta)	-17.22	-58.75	-58.74

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.



Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

6.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan PMSSPSB, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Analisis Nisbah Kewangan PMSSPSB Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.57:1	2.02:1	0.07:1
Margin Untung Bersih	-116.97%	-20,998.39%	21.46%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.00:1	-0.46:1	0.00:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.01:1	0.73:1	0.00:1

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan setakat mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PMSSPSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 0.57:1, 2.02:1 dan 0.07:1. Ini menunjukkan PMSSPSB menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung tanggungan semasa pada tahun 2009 dan 2011.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati PMSSPSB mencatatkan kerugian sebanyak 116.97% pada tahun 2009 dan 20,998.39% pada tahun 2010 manakala pada tahun 2011, PMSSPSB mencatat keuntungan sebanyak 21.46%.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperolehi syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset PMSSPSB bagi tahun 2009 adalah 0.00:1, -0.46:1 pada tahun 2010 dan 0.00:1 pada tahun 2011.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah adalah semakin baik kerana ia memberi gambaran bahawa syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ekuiti PMSSPSB kepada pemegang saham bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah 0.01:1, 0.73:1 dan 0.00:1.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan kerana mencatat kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut-turut. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. perlu berusaha untuk terus meningkatkan prestasi kewangan supaya syarikat berupaya memenuhi obligasi kewangan dan terus beroperasi tanpa bergantung kepada sokongan kewangan daripada badan induk korporat.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Sejak dari mula penubuhannya sehingga kini, PMSSPSB telah diberi hak milik sementara ke atas tanah seluas 14,617 hektar di Bahagian Mukah untuk projek perladangan sagu. Sehingga bulan Mei 2013, PMSSPSB telah membangunkan kawasan seluas 12,760 hektar dengan tanaman sagu dan projek ini dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu aktiviti pembangunan dan penyenggaraan ladang. Pembangunan ladang adalah meliputi aktiviti penyediaan tanah, pembinaan infrastruktur ladang dan penanaman sagu manakala penyenggaraan ladang pula adalah termasuk kerja membaikpulih infrastruktur ladang, membersihkan kawasan tanaman dan tanam semula bagi menggantikan pokok sagu yang mati.

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti PMSSPSB mendapati perkara berikut:

6.4.2.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

- a. Mengikut laporan bertajuk *Development and Management Study of Sago Plantation on Peat Soils* yang dijalankan oleh Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. dan PS Consultant bagi tempoh 1987 hingga 2003, PMSSPSB telah mengusahakan tanah seluas 12,760 hektar atau 87.3% daripada seluas 14,617 hektar tanah yang diluluskan dengan tanaman sagu iaitu seluas 6,780 hektar di ladang Mukah dan 5,980 hektar di ladang Sebakong. Sehingga bulan Mei 2013, PMSSPSB telah melaksanakan pemulihan dan tanam semula terhadap kawasan penanaman sagu seluas 8,190 hektar merangkumi 5,550 hektar di ladang Mukah dan 2,640 hektar di ladang Sebakong. Ini disebabkan penanaman sagu yang diusahakan oleh PMSSPSB sejak tahun 1987 telah gagal yang mana kadar kematian pokok sagu yang direkodkan adalah antara 43% hingga 70% dan tumbesaran bagi pokok sagu yang hidup pula tidak memuaskan dengan kadar berbatang (*trunking*) antara 0.4% hingga 3.6% sahaja. Butiran pencapaian pembangunan fizikal projek penanaman sagu dan ladang yang dipulih dan ditanam semula setakat 31 Disember 2012 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Pencapaian Pembangunan Fizikal Projek Penanaman Sagu Dan Kawasan Yang Dipulih Dan Ditanam Semula Setakat 31 Disember 2012

Bil.	Ladang	Fasa Tanaman	Keluasan Ladang Yang Dibangunkan (Hektar)	Keluasan Ladang Yang Dipulih Dan Ditanam Semula (Hektar)	Catatan
1.	Mukah	Mukah I	1,815	1,800	Tanam semula pada tahun 2010
		Mukah II	4,965	3,750	Tanam semula pada tahun 2005, 2007 dan 2011
Jumlah			6,780	5,550	
2.	Sebakong	Sebakong P95	1,244	1,284	Tanam semula pada tahun 2005
		Sebakong P96	2,117	1,100	Tanam semula pada tahun 2006
		Sebakong P97	1,623	256	Tanam semula pada tahun 2007
		Sebakong P98	996	0	Kerja pembangunan infrastruktur tahun 2008
Jumlah			5,980	2,640	
Jumlah Keseluruhan			12,760	8,190	

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

- b. Pada tahun 2004, PELITA telah melantik Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. dan PS Consultant (Perunding) untuk menjalankan kajian bagi mengenal pasti punca kegagalan dan membuat rekomendasi mengenai proses pemulihan dan tanam

semula yang sepatutnya dilaksanakan. Pada awal tahun 2005, Perunding telah mengeluarkan satu laporan bertajuk *Development and Management Study of Sago Plantation on Peat Soils*. Berdasarkan laporan tersebut, Perunding antaranya telah menyarankan supaya PMSSPSB memberi fokus kepada kerja pembajaan, perparitan dan saliran serta mengamalkan amalan agronomi terbaik yang meliputi keperluan sumber manusia yang mencukupi, pembangunan kawasan penanaman sago secara berperingkat dan pemantauan yang berterusan. Selain itu, Perunding juga menyarankan kerja penanaman semula menggunakan anak pokok sago yang segar, sihat dan matang. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa mulai tahun 2012, PMSSPSB telah mengenalpasti kawasan yang berpotensi tinggi dan akan memberi tumpuan penyenggaraan ke atas kawasan tersebut dan menanam anak benih yang lebih matang.**

- c. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod bancian kadar kematian tanaman sago yang dijalankan oleh PMSSPSB setakat tahun 2012 mendapati berlaku peningkatan kadar hidup tanaman sago yang ditanam semula berbanding sebelum kerja pemulihan dan tanam semula dijalankan. Kadar hidup tanaman sago sebelum dan selepas kerja pemulihan dan tanam semula dijalankan adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4

Kadar Hidup Tanaman Sago Sebelum Dan Selepas Kerja Pemulihan Dan Tanam Semula Dijalankan

Bil.	Ladang	Peratusan Kadar Hidup Tanaman Sagu (%)	
		Sebelum Kerja Pemulihan Dan Tanam Semula (Sehingga Tahun 2003)	Selepas Kerja Pemulihan Dan Tanam Semula (Tahun 2005 - 2012)
1.	Mukah I	57	61
2.	Mukah II	30	79
3.	Sebakong	51	85

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

- d. Semakan Audit terhadap rekod laporan bancian tanaman PMSSPSB yang dilakukan pada tahun 2012 juga mendapati walaupun kadar hidup tanaman sago meningkat, kadar tumbesaran pokok sago adalah tidak sepadan dengan usia pokok yang mana hanya 9,356 pokok atau 2.3% daripada sampel bancian 407,300 pokok sago mencapai tahap tumbesaran berbatang (*trunking*) yang sepatutnya. Bagaimanapun, tiada penjelasan oleh PMSSPSB mengenai sebab kadar tumbesaran pokok sago yang terbantut ini. Butiran status tumbesaran pokok sago berdasarkan sampel bancian adalah seperti di **Jadual 6.5** dan contoh perbandingan tumbesaran pokok sago yang berbatang mengikut usia yang sepatutnya dengan tumbesaran pokok sago yang tidak sepadan dengan usia sebenar adalah seperti **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.6**.

Jadual 6.5

Status Tumbesaran Pokok Sagu Berdasarkan Sampel Bancian Pada Bulan Disember 2012

Bil.	Ladang	Sampel (Pokok)	Tahun Tanam Semula	Usia Pokok (Tahun)	Tahap Sepatutnya	Bilangan Dan Peratusan Pokok Sagu Berbatang	
						(Pokok)	(%)
1.	Mukah I	75,000	2007-2009	4-6	<i>Trunking</i> Sehingga 4 Meter	40	0.05
2.	Mukah II	174,500	2005-2006	7-8	<i>Trunking</i> 4-8 Meter	23	0.01
3.	Sebakong P95	130,900	2005	8	<i>Trunking</i> 4-8 Meter	9,063	6.92
4.	Sebakong P96	19,400	2006	7	<i>Trunking</i> 4-8 Meter	229	1.18
5.	Sebakong P97	7,500	2007	6	<i>Trunking</i> Sehingga 4 Meter	1	0.01
Jumlah		407,300				9,356	2.30

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

Gambar 6.1
Tumbesaran Pokok Sagu Yang Berbatang
Mengikut Usia Yang Sepatutnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Dalat
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.2
Tumbesaran Pokok Sagu Yang
Tidak Sepadan Dengan Usia Sebenarnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah I
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.3
Tumbesaran Pokok Sagu Yang Berbatang
Mengikut Usia Yang Sepatutnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013

Gambar 6.4
Tumbesaran Pokok Sagu Yang Tidak
Sepadan Dengan Usia Sebenarnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah II
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.5
Peringkat Tumbesaran Pokok Sagu Yang Tidak Sepadan Dengan Usia Sebenar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah II
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.6
Peringkat Tumbesaran Pokok Sagu Yang Tidak Sepadan Dengan Usia Sebenar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013

- e. Bagi mengkomersialkan aktiviti penanaman sagu, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat PELITA iaitu Craun Research Sdn. Bhd. telah menjalankan pelbagai kajian untuk membantu pengusaha ladang dan pekebun kecil tanaman sagu di Sarawak. Menurut rekod PELITA, setakat ini Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM6.41 juta untuk kajian yang telah dijalankan dalam tempoh 2003 hingga 2010. Craun Research Sdn. Bhd. juga telah disediakan dengan satu kawasan di ladang Sebakong untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan tanaman sagu di kawasan tanah gambut. Namun kajian yang dijalankan tidak pernah dikeluarkan dalam mana-mana jurnal dan hasil penyelidikan dan pembangunan tidak menunjukkan kemajuan dalam perladangan sagu. **Maklum balas daripada Craun Research Sdn. Bhd. semasa exit conference yang diadakan pada 10 September 2013, menyatakan bahawa hasil kajian ada diterbitkan dalam bentuk jurnal tetapi diedarkan secara terhad kepada agensi berkaitan sahaja atas faktor persaingan dengan negara lain seperti Indonesia dan Papua New Guinea di mana Malaysia mempunyai kelebihan dari segi teknologi. Pihak Craun Research Sdn. Bhd. juga memaklumkan bahawa kajian mengenai tumbesaran sagu yang dijalankan masih belum selesai selagi kitaran tanaman sagu belum tercapai namun setakat ini berpendapat bahawa kawasan yang mempunyai kedalaman tanah gambut yang tinggi perlu dielakkan manakala kawasan yang mempunyai kedalaman tanah gambut yang sederhana perlu pembajaan mengikut jadual.** Butiran kajian yang dilaksanakan oleh Craun Research Sdn. Bhd. berkaitan dengan penanaman sagu adalah seperti di **Jadual 6.6** dan kawasan penyelidikan dan pembangunan tanaman sagu yang diusahakan oleh Craun Research Sdn. Bhd. adalah seperti **Gambar 6.7** dan **Gambar 6.8**.

Jadual 6.6

Kajian Yang Dijalankan Oleh Craun Research Sdn. Bhd. Dalam Tempoh 2003 Hingga 2010 Berkaitan Dengan Tanaman Sagu Di Sarawak

Bil.	Tajuk Kajian	Tahun	Kos Kajian (RM)
1.	<i>Varietal Improvement And Clone Development</i>	2006-2010	2,592,771
2.	Kajian Agronomi Di Tanah Gambut	2004-2005	758,075
3.	Kajian Aktiviti Hiliran Kanji Sagu	2004-2005	727,398
4.	Kajian Genetik In Vitro Pokok Sagu	2003-2005	715,682
5.	<i>Agronomic And Cultural Practice On Peat Soil</i>	2006-2008	502,890
6.	<i>Physiology Of Sago Palm</i>	2006-2010	327,365
7.	<i>Water Management Of Sago On Deep Peat Soil</i>	2006-2008	318,308
8.	<i>Post Harvest Technology</i>	2006-2010	443,680
9.	<i>Field Mechanisation</i>	2006-2007	13,734
10.	<i>Economic Assessment And Evaluation On Sago Industry</i>	2006-2007	7,300
Jumlah			6,407,203

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd.

Gambar 6.7 Kawasan Penyelidikan Dan Pembangunan Tanaman Sagu Yang Dijalankan Oleh Craun Research Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013

Gambar 6.8

Kawasan Penyelidikan Dan Pembangunan Tanaman Sagu Yang Dijalankan Oleh Craun Research Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013

- f. **Maklum balas daripada Craun Research Sdn. Bhd. kepada PMSSPSB bertarikh 12 September 2013, menyatakan bahawa hasil terkini dari kajian di ladang Sebakong (10 tahun pertumbuhan) dan di Stesen Penyelidikan Craun di Sg. Talau (6 tahun) mendapati tanah gambut dalam (*deep peat*) yang mempunyai kedalaman lebih daripada 4 meter adalah tidak sesuai untuk tanaman sagu dari segi berikut:**
- Kos pertumbuhan infrastruktur yang sangat tinggi.**
 - Pertumbuhan pokok sagu yang diberi pembajaan dan penyenggaraan yang baik dan teratur didapati hanya tumbuh dengan baik pada peringkat umur 4 tahun pertama. Selepas itu, pokok sagu didapati tidak subur di mana pembentukan batang sagu mula menirus (*tapering*), jumlah pelepah sagu yang sedikit (<10) serta lambat untuk mencapai peringkat kematangan. Pertumbuhan anak sagu ganti (*succession palm*) juga sangat perlahan.**

iii. Keperluan dan kos pembajaan yang tinggi.

iv. Kos penyenggaraan ladang yang tinggi seperti perparitan dan jalanraya.

6.4.2.2. Penyenggaraan Ladang Tidak Memuaskan

- a. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. menyediakan Ringkasan Kemajuan Fizikal dengan mensasarkan kerja penyenggaraan seperti kawalan rumput, pemangkasan anak pokok sago dan membaja dijalankan sebanyak 3 kali setahun berdasarkan cadangan Ecosol Consultancy Sdn. Berhad. Semakan Audit terhadap Ringkasan Kemajuan Fizikal 2007 hingga 2011 mendapati kerja penyenggaraan ada dilakukan mengikut jadual bagi ladang Sebakong. Bagi ladang Mukah II, kerja penyenggaraan seperti kawalan rumput, pemangkasan anak pokok sago dan membaja ada dijalankan tetapi tidak mengikut jadual kekerapan serta tidak mencapai sasaran hektar yang dirancang bagi tahun 2010 dan 2011. Bagi ladang Mukah I pula, kawalan rumput, pemangkasan anak pokok sago dan membaja dilakukan hanya satu kali sahaja berbanding sasaran sebanyak 3 kali setahun bagi tahun 2010 dan kesemua kerja penyenggaraan tersebut tidak dijalankan bagi tahun 2011. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa kerja penyenggaraan telah dijalankan mengikut saranan perunding Ecosol Consultancy. Bagaimanapun, selepas 5 tahun ditanam pertumbuhan pokok sago di kebanyakan kawasan tidak menampakkan pertumbuhan yang memberangsangkan jika dibandingkan dengan pertumbuhan sago di tanah tepi sungai. Ini menyebabkan perancangan asal penyenggaraan disusun semula dengan menambahkan kerja pepadatan.**
- b. Lawatan Audit pada bulan Mac 2013 mendapati sebahagian kawasan tanaman di ladang Mukah I dan Mukah II tidak disenggara dan dipenuhi belukar adalah seperti **Gambar 6.9 hingga Gambar 6.12.**

Gambar 6.9

Kawasan Penanaman Dan Pokok Sago Dipenuhi Belukar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah I
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah I
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.11
Kawasan Penanaman Dan Pokok Sagu Dipenuhi Belukar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah II
Tarikh: 12 Mac 2013

Gambar 6.12
Kawasan Penanaman Dan Pokok Sagu Dipenuhi Belukar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Mukah II
Tarikh: 12 Mac 2013

- c. Pada tahun 2012, PMSSPSB telah menjalankan kerja penyenggaraan bagi kawasan seluas 4,317 hektar merangkumi kawasan penanaman sagu seluas 2,030 hektar di ladang Mukah dan 2,287 hektar di ladang Sebakong. Mengikut perancangan kerja penyenggaraan oleh PMSSPSB bagi tahun 2013, syarikat akan melakukan kerja penyenggaraan bagi kawasan seluas 4,168 hektar sahaja atau 50.9% daripada luas keseluruhan kawasan yang telah ditanam semula. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa di bawah pengurusan baru, PMSSPSB telah diarahkan untuk membuat kerja bancian dan tinjauan bagi mengetahui inventori pokok sagu serta kawasan yang berpotensi. Hasil daripada bancian dan tinjauan tersebut, pihak pengurusan baru telah mengarahkan supaya kerja penyenggaraan hanya ditumpukan ke atas kawasan yang terpilih sahaja. Dengan itu, keluasan untuk disenggara berkurangan daripada perancangan asal iaitu daripada 8,190 hektar kepada 4,168 hektar sahaja.**

6.4.2.3. Pembelian Jengkaut Melebihi Keperluan Penggunaan

- a. Menurut justifikasi kertas cadangan bagi pembelian 7 unit jengkaut pada tahun 2009, adalah dianggarkan bahawa keluasan tanah yang dapat dimampatkan dalam tempoh 3 tahun adalah seluas 10,500 hektar iaitu 75% daripada anggaran keluasan seluruh ladang PMSSPSB dan PDSPSB. Semakan Audit mendapati tiada maklumat bagi justifikasi pembelian tambahan sebanyak 34 unit jengkaut selebihnya. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa pembelian tambahan jengkaut adalah untuk mempercepatkan kerja pembinaan parit tambahan (*field and collection drain*) dan kerja pemadatan. Proses kerja sangat pelahan di atas tanah paya gambut jika dibandingkan dengan di atas tanah biasa. Pergerakan jengkaut amat terhad dan memerlukan alat sokongan iaitu kayu pengalas (*sleepers*) untuk mengelak jengkaut daripada terbenam. Dengan itu, hasil kerja juga adalah kecil iaitu kira-kira 1 hingga 1.5 hektar sahaja sehari. Oleh kerana proses kerja yang amat pelahan maka pihak**

pengurusan pada masa itu telah membuat keputusan untuk membeli jengkaut tambahan sebanyak 34 unit lagi bagi mencapai sasaran 13,800 hektar dalam masa 2 tahun (2010 dan 2011). Selain itu, keputusan pembelian tersebut juga dibuat kerana pelaksanaan kerja pemampatan yang dilakukan sendiri lebih murah berbanding mengambil kontraktor luar kerana kos buruh yang lebih murah dan harga yang boleh dirunding, senang dikawal selia dan dapat digunakan pada bila-bila masa di ladang dan menyumbang kepada produktiviti yang tinggi serta mudah dipantau dan mengatur strategi.

- b. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod penggunaan bagi 8 unit jengkaut yang ditempatkan di kawasan pejabat ladang Sebakong mendapati ianya tidak digunakan dengan sepenuhnya. Analisis Audit mendapati julat masa kegunaan bagi jentera jengkaut sejak diperolehi adalah antara 3,402 hingga 4,479 jam atau 142 hingga 187 hari sahaja bagi tempoh 3 tahun. Pihak PMSSPSB bercadang untuk menjual sebanyak 4 unit jengkaut yang ada dan selebihnya disimpan. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa sebut harga telah diterima daripada agensi/syarikat yang berminat untuk pembelian jengkaut dan pembidaan sedang diproses.** Keadaan jentera jengkaut yang diletakkan di kawasan pejabat ladang Sebakong adalah seperti **Gambar 6.9** dan **Gambar 6.10** serta rekod penggunaan 8 unit jengkaut tersebut berdasarkan jumlah jam bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 6.13** hingga **Gambar 6.15**.

Gambar 6.13
Keadaan Jengkaut Yang Telah Ditumbuhi Rumput Rumpai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013

Gambar 6.14
Keadaan Jengkaut Yang Telah Ditumbuhi Rumput Rumpai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Ladang Sebakong
Tarikh: 11 Mac 2013



Gambar 6.15
8 Unit Jengkaut Yang Diletakkan
Di Kawasan Pejabat Ladang Sebakong

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pejabat Ladang Sebakong
 Tarikh: 11 Mac 2013

Jadual 6.7
Rekod Penggunaan 8 Unit Jengkaut Berdasarkan Jumlah Jam Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	No. Pendaftaran Jengkaut							
	QAU5840	QAU1513	QAU5839	QAT672	QAT4568	QAT677	QAT4571	QAU1506
2010	557	0	513	1,652.9	1,430	1,435.5	1,505	0
2011	1,807	2,020	2,130	2,178	1,368	2,005	1,530	1,994
2012	1,464	1,920	1,760	648	752	712	896	1,408
Jumlah Jam	3,828	3,940	4,403	4,478.9	3,550	4,152.5	3,931	3,402
Jumlah Hari	160	164	184	187	148	173	164	142

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Semakan Audit juga mendapati walaupun jengkaut yang sedia ada tidak digunakan sepenuhnya, PMSSPSB telah membeli sebanyak 6 unit jengkaut baru dan sebuah jengkaut terpakai dengan kos sejumlah RM1.99 juta pada tahun 2012. Pada tahun yang sama, PMSSPSB didapati telah menjual 2 unit jengkaut yang dibeli pada tahun 2009 kepada FELCRA atas alasan ia tidak lagi digunakan. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa perolehan sebanyak 6 unit jengkaut baru sebenarnya dibuat dalam bulan Ogos 2011 sementara 1 unit jengkaut terpakai dibeli pada bulan November 2011. Dua unit jengkaut telah dijual pada bulan November 2012. Tujuan penjualan jengkaut adalah kerana kawasan yang dibangunkan semakin kurang di mana tumpuan hanya pada kawasan berpotensi sahaja.**

Pada pendapat Audit, pembelian jengkaut yang melebihi penggunaan adalah satu pembaziran.

6.4.2.4. Kajian Kemungkinan Tidak Memberi Impak Kepada Projek

- a. Kajian kemungkinan perlu dijalankan sebelum aktiviti perladangan dimulakan. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan laporan mengenai survei tapak, kajian kesesuaian dan penggunaan tanah, kajian banjir dan pasang surut air serta penilaian kesan alam sekitar yang merupakan satu cara entiti berkomunikasi mengenai prestasi dan kesan alam sekitar kepada pihak yang berkepentingan. Ianya penting untuk tujuan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian supaya matlamat pembangunan kawasan dapat dicapai dengan lebih cekap, ekonomi dan berkesan. Kajian kemungkinan amat penting khususnya bagi

projek yang melibatkan tempoh pulangan pelaburan yang panjang, dana pelaburan yang tinggi terutamanya bagi projek dilaksanakan di kawasan tanah gambut.

- b. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan bagi projek penanaman sagu di Bahagian Mukah ini ada dijalankan mulai bulan Mei 1986 oleh *Sago Study Group* yang diwakili oleh pegawai daripada PELITA, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak. Kajian dijalankan meliputi aspek penyediaan tapak, infrastruktur untuk kawalan air tanah gambut, tapak semaian dan penanaman, pembajaan dan pengurusan ladang. Satu laporan iaitu *Mukah Sago Plantation Feasibility Study* telah dikeluarkan pada bulan Februari 1987 di mana antara penemuan kajian adalah projek ini secara teknikalnya adalah berdaya maju dan kawasan adalah sesuai dibangunkan untuk penanaman sagu di mana tanah gambut (*deep peat*) dengan penambahbaikan yang minimal boleh memberi pulangan hasil yang tinggi atau lebih baik berbanding tanah mineral. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan bertajuk *Development and Management Study of Sago Plantation on Peat Soils* seterusnya mendapati penanaman sagu yang diusahakan oleh PMSSPSB sejak tahun 1987 telah gagal yang mana kadar kematian pokok sagu adalah tinggi dan tumbesaran bagi pokok sagu yang hidup pula tidak memuaskan. Kajian kemungkinan yang tidak memberi impak telah menyebabkan PMSSPSB telah membelanjakan sejumlah RM45 juta dari tahun 2004 hingga 2012 untuk menjalankan kerja pemulihan dan tanam semula terhadap ladang sagu yang diusahakan sejak 1987.

Pada pendapat Audit, Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. hendaklah mengkaji semula pengurusan aktiviti syarikat bagi menentukan *viability* projek dan mengadakan kerjasama dengan Agensi lain dalam bidang penyelidikan dan pembangunan agar tanaman sagu dapat dikomersialkan secara besar-besaran serta syarikat mendapat pulangan pelaburan.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat adalah penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh PELITA, PMSSPSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh PELITA dan Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

6.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PMSSPSB hanya bermesyuarat

sekali sahaja pada tahun 2009 dan 2 kali pada tahun 2012 manakala bagi tahun 2010 dan 2011, tiada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2011 telah dilakukan sebanyak 2 kali menggunakan *circular resolution*.**

6.4.3.2. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati PMSSPSB ada menyediakan "*Blue Print PMSSPSB*" pada tahun 2010 di mana rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk utama telah digariskan bagi melaksanakan aktiviti.

6.4.3.3. Standard Operating Procedures

Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SOP yang disediakan adalah tidak lengkap dan kemas kini terutamanya perkara berkaitan dengan pengurusan aset. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa pihak PMSSPSB telah menyediakan SOP untuk pengurusan aset dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang.**

6.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati PMSSPSB tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit sebab semua isu Audit dibincang di peringkat Jawatankuasa Tindakan Pengurusan. Adalah didapati PMSSPSB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam PELITA bagi merancang, melaksana dan menyediakan laporan pengauditan. Semakan Audit seterusnya mendapati kali terakhir pengauditan dalaman dijalankan adalah pada 3 Oktober 2012.

6.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan dan cadangan pembayaran dividen perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk kelulusan.

Semakan Audit mendapati PMSSPSB tidak pernah membayar dividen kepada PELITA sejak penubuhannya kerana syarikat tidak memperoleh keuntungan.

6.4.3.6. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari Kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun ditutup. Semakan Audit mendapati PMSSPSB telah membuat pembayaran bonus sejumlah RM27,453 pada tahun 2009, RM25,884 untuk tahun 2010 dan RM45,545 bagi tahun 2011. Bagaimanapun, pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah PMSSPSB sahaja. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa istilah yang sepatutnya digunakan adalah insentif dan bukannya bonus. Ini untuk menghargai kerja keras pekerja sebagai motivasi kepada mereka.**

6.4.3.7. Pengurusan Kewangan

Peraturan berhubung pengurusan kewangan PMSSPSB ada dinyatakan pada Garis Panduan dan Prosedur Operasi syarikat serta peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Antaranya mengandungi perkara berkaitan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, perolehan, pengurusan stor, kenderaan dan aset tetap. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan PMSSPSB mendapati perkara berikut:

- a. Perolehan dibuat tidak mengikut peraturan sepenuhnya misalnya:
 - i. Perolehan 41 unit jengkaut berharga RM11.88 juta bagi tempoh 2009 hingga 2012 dibuat tanpa melalui proses tender yang mana 7 unit jengkaut yang dibeli pada tahun 2009 dan 2010 bernilai RM1.96 juta hanya dilakukan melalui proses sebut harga manakala 34 unit jengkaut bernilai RM9.92 juta yang diperolehi dalam tempoh 2010 hingga 2012 adalah dibuat secara pembelian terus. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013, menyatakan bahawa perolehan 41 unit jengkaut telah dilakukan secara berperingkat. Maklum balas tambahan daripada PMSSPSB bertarikh 7 Oktober 2013, menyatakan bahawa semua pembelian ini dibuat setelah mendapat arahan Pengerusi Syarikat dan juga telah diluluskan oleh Pengerusi Syarikat.**
 - ii. Perolehan bahan kimia dan baja telah dipecah kecilkan dan dibuat secara terus atau hanya melalui proses sebut harga. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 7 Oktober 2013, menyatakan PMSSPSB pernah membuat**

perolehan baja melalui proses tender terbuka pada tahun 2008 dan apa yang berlaku adalah pembekal tidak sanggup untuk membekal pada harga yang sama untuk jangka masa panjang.

- b. Ada perolehan alat ganti dan minyak pelincir tidak direkod ke dalam lejar stor menyebabkan stok terdedah kepada risiko kehilangan. **Maklum balas daripada PMSSPSB bertarikh 5 September 2013 menyatakan bahawa perkara ini telah diperbaiki, stok alat ganti dan minyak pelincir telah direkodkan ke dalam lejar dan stock card.**

Pada pendapat Audit, Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. hendaklah mempertingkatkan tadbir urus korporat dengan mengemaskini *Standard Operating Procedure* untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Pihak Audit juga berpendapat bahawa semua perolehan yang dibuat tanpa mematuhi peraturan kewangan perlu disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

6.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Syarikat Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Mengkaji semula pengurusan aktiviti syarikat bagi menentukan *viability* projek dan mengadakan kerjasama dengan Agensi lain dalam bidang penyelidikan dan pembangunan agar tanaman sago dapat dikomersialkan secara besar-besaran serta syarikat mendapat pulangan pelaburan.

6.5.2. Mempertingkatkan tadbir urus korporat dengan melengkap dan mengemaskini *Standard Operating Procedure* untuk mengurus serta mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Semua perolehan yang dibuat tanpa mematuhi peraturan dan menyebabkan pembaziran perlu disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

6.5.3. Memastikan rekod yang diselenggara adalah lengkap dan syarikat mematuhi polisi kewangan dalaman dan pekeliling Kerajaan Negeri yang berkuatkuasa serta polisi kewangan yang diterima umum.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan secara dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

30 September 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my